Contents

TITIK-TITIK INFLEKSI POLITIK MALAYSIA **2**

PRAKATA **3**

MUKADIMAH **5**

1 MEMAHAMI SISTEM DEMOKRASI MALAYSIA **7**
1.1 Idealisma Politik Kenegaraan . . . 7
1.2 Sistem demokrasi serta kepincangan nya . . . 9
1.3 Sistem demokrasi Raja berperlembagaan . . . 13
1.4 Sistem demokrasi yang sentiasa beradaptasi . . . 15
1.5 Idealisma demokrasi . . . 18

2 PRA PILIHANRAYA UMUM KE 15 **20**
2.1 Ramalan Sebelum Pilihanraya Umum ke 15 . . . 20
2.2 Gendang Pilihanraya . . . 24
2.3 PRU ke 15 adalah merupakan satu titik infleksi politik di Malaysia . . . 26
2.4 Kempen Pilihanraya . . . 27

3 KEPUTUSAN SUARA PENGUNDI **33**
3.1 Pertambahan pengundi dan perubahan peratus keluar mengundi . . . 34
3.2 Peratusan keluar mengundi dan pemenang . . . 35
3.3 Taburan pemenang mengikut kawasan geografi . . . 36
3.4 Homofili struktur . . . 40
3.5 Impak pengundi muda . . . 42
3.6 Rumusan . . . 46

4 ANALISA POLA PENGUNDIAN **47**
4.1 Pembahagian geografi . . . 47
4.2 Pola pengundian mengikut etnik . . . 51
4.3 Pola pengundian pengundi muda . . . 53
4.4 Pengaruh “perang digital” terhadap pola pengundian . . . 53
4.5 Undian pegawai kerajaan . . . 58
4.6 Rumusan . . . 59

5 KEPUTUSAN YANG BERBELAH BAGI **61**
5.1 Siapa pemenang mengikut undian tiga penjuru? . . . 61
5.2 Pertarungan sengit . . . 64
5.3 Kebolehpindahan undi . . . 66
5.4 Garis perpecahan kepada undi . . . 89
5.5 Rumusan . . . 93

6 BAGAIMANA MEMBENTUK KERAJAAN **98**
6.1 Pola pengundian pilihanraya . . . 98
6.2 Siapa yang memenangi undi popular? . . . 106
6.3 Rumusan . . . 111

7 TITIK INFLEKSI POLITIK NEGARA **112**
7.1 Titik infleksi kearah membentuk sistem politik yang stabil . . . 112
7.2 Titik peralihan daripada ideologi kepada populis . . . 113
7.3 Titik peralihan ke masa depan . . . 114
7.4 Titik persiapan masa depan . . . 114
7.5 Identiti kenegaraan . . . 114

TITIK-TITIK INFLEKSI POLITIK MALAYSIA

Satu catatan peribadi Pilihanraya Umum ke 15 Malaysia….

PRU15 mengikut nombor dan angka.

Bahagian 1: Pengenalan kepada subjek serta kefahaman nya Bahagian 2: Latar belakang kepada keadaan sebelum PRU15 sehingga ke tarikh PRU Bahagian 3: Kajian berlandaskan data terhadap hasil PRU15 Bahagian 4: Arah masa depan serta rumusan.

PRAKATA

Buku ini merupakan kumpulan catatan yang saya buat sepanjang tahun yang lalu sebagai pemerhati dan penganalisa politik di negara kita. Beberapa tulisan ini asalnya terdapat di blog peribadi saya: https://wanhasni.wordpress.com dan juga laman Facebook peribadi saya: https://www.facebook.com/wanhasni.wansulaiman. Tulisan dalam buku ini tidak selaras dengan kaedah penulisan yang biasa kerana ia lebih seperti kumpulan idea dan pemikiran yang dibuat tanpa berdasarkan norma-norma seperti sains politik, sosiologi, ataupun mana-mana kaedah saintifik.

Sebaliknya, saya menggunakan kaedah memahami falsafah sebagai dasar utama, diikuti dengan pemerhatian berdasarkan teori pemilihan sosial (social choice theory), dan kemudian menggunakan data sebagai sumber pandangan (insights) yang membimbing kebijaksanaan dan naluri (wisdom and instincts) untuk membuat rumusan.

Memahami manusia dan perilaku manusia secara individu atau kolektif dalam penentuan pemerintahan melalui sistem politik negara adalah sesuatu yang menarik dan mencabar. Sistem politik yang berlaku pada dunia saat ini adalah sistem demokrasi Westminster atau lebih dikenal sebagai "Demokrasi Barat" yang diterapkan di lebih dari 200 negara.

Seperti yang dikatakan oleh Tolstoy, "Semua keluarga bahagia adalah serupa, tetapi setiap keluarga yang tidak bahagia memiliki masalahnya sendiri." Demikian pula dengan sistem politik demokrasi, semua demokrasi memiliki ciri yang hampir sama. Namun, masalah yang ada pada setiap demokrasi berbeda satu sama lain. Malaysia sebagai negara yang menerapkan demokrasi memiliki masalah tersendiri yang berbeda dari negara lain. Inilah pendekatan yang saya ambil dalam analisis saya.

Mungkin ada pembaca yang berpendapat bahwa kita dapat belajar dari demokrasi yang lebih maju. Jawabannya jelas: setiap demokrasi lain memiliki masalah mereka sendiri. Meskipun Amerika Syarikat seharusnya merupakan negara demokrasi yang matang, masih terikat oleh masalah dasar yang tak berkesudahan, seperti masalah kebudayaan, politik, polarisasi besar, dan sebagainya. Oleh karena itu, satu-satunya pilihan adalah untuk melihat dalam dan tidak terpengaruh oleh sistem demokrasi lain, namun kita mesti tetap menjaga jati diri dan amalan demokrasi di Malaysia.

Disinilah penting nya kepada penganalisaan yang tidak condong kepada mana-mana arah tertentu (bias tendencies), dimana analisa dibuat tidak terperangkap dalam naratif yang sempit serta parokial. Apa yang boleh membantu kita disini ialah dengan pengunaan data sebagai fakta asas. Data yang saya maksudkan disini mestilah menepati piawaian data yang tinggi dan bukan nya data yang banyak kekaburan seperti dapatan daripada perlombongan data media sosial. Seterusnya data akan dapat dibentuk sebagai telahan fakta setelah ianya disaring menggunakan kaedah sains data yang baik. Ini dapat dilakukan dengan membuat proses pembersihan dan juga visualisasi yang tepat. Inilah kaedah yang saya gunakan didalam penulisan ini.

Saya juga mengambil cara untuk menulis dalam bahasa Malaysia, yang mana saya akui bukanlah bahasa utama penulisan untuk saya (English adalah bahasa utama saya). Juga saya mengambil pendekatan yang agak santai dan tidak formal dalam pengunaan istilah serta gaya bahasa yang bersifat bersahaja. Tujuan ini adalah supaya lebih ramai rakyat Malaysia, terutama nya yang hanya memahami bahasa Malaysia untuk mendapat manafaat daripada penulisan ini.

Secara peribadi saya telah pencen (tanpa faedah serta gaji) daripada memegang jawatan aktif dalam mana-mana badan politik semenjak saya dibuang daripada UMNO pada tahun 1998. Saya juga tidak pernah terniat untuk kembali menjadi ahli politik yang aktif semenjak itu. Pada waktu sekarang dan kehadapan, saya cuma aktif dalam pemikiran serta strategi politik kenegaraan. Matlamat asal saya hanyalah untuk memastikan pimpinan politik negara terletak kepada orang yang betul dan paling layak untuk membawa negara kehadapan. Inilah prinsip pegangan saya yang tetap dipertahankan sampai bila-bila masa sekalipun.

Saya banyak berterima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya seperti Dr. Abdul Rahim Ghouse, yang banyak memberikan pandangan serta tunjuk ajar sepanjang hidup saya mengenali dunia politik Malaysia. Dr. Azman Hussin yang banyak memberikan waktu perbincangan mengenai pelbagai hal berkaitan dengan data dan juga kefahaman data serta aplikasi kepada politik Malaysia. Saya banyak terhutang

budi dengan saudara YB Datuk Seri Saifudin Nasution yang seringkali menjadi rakan perbicangan strategi politik daripada zaman pemuda UMNO, sehinggalah tercetus nya gerakan reformasi sampailah sehingga kini. Juga tidak ketinggalan saudara Datuk Johari Abdul, Yang Dipertua Dewan Rakyat sekarang, sebagai ahli politik yang gigih dan konsisten dalam perjuangan bersama. Beliau merupakan anggota seangkatan saya dari waktu Pemuda UMNO, dan kami bersama diatas landasan perjuangan sehinggalah kini.

Penting saya nyatakan terima kasih saya kepada YAB Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, yang pernah menjadi ketua kepada saya sewaktu didalam angkatan Pemuda UMNO Malaysia, dan sehingga kini tidak pernah luput dan lepas daripada wacana politik yang banyak mengajar saya secara langsung dan tidak langsung.

Terutama nya sekali, saya amat berterima kasih serta sanjungan hormat yang tinggi kepada saudara YAB Perdana Menteri Malaysia ke 10 Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang dari dahulu nya lagi merupakan pimpinan saya dan mengajar saya dunia politik Malaysia. Dari beliau saya banyak belajar sebagai pengikut setia, banyak menelaah serta membaca setiap gerak-geri beliau, setiap ucapan beliau dan terutama sekali pemikiran beliau sebagai pemimpin dan negarawan. Kebersamaan saya, secara langsung dan tidak langsung dengan beliau sudah lebih dari 40 tahun cukup menjadi waktu yang panjang melalui pelbagai liku-liku serta tribulasi kehidupan serta memahami erti karenah dan makna politik negara serta antarabangsa.

Saya juga banyak belajar daripada pemimpin politik yang lampau, seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun pembeljaran saya lebih kepada menerima padah dan bukan nya menerima ganjaran atau habuan. Saya banyak mengkaji dan menelaah beliau melalui perbualan peribadi dan juga daripada sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri (kali yang pertama dan juga yang kedua). Saya juga hadir didalam sebahagian perbincangan politik apabila diperlukan. Selebih nya saya belajar daripada membaca serta menelaah daripada penulisan sejarah, falasah silam dan moden, kitab-kitab Turath tamadun Islam, dan pelbagai artikel serta penulisan ahli-ahli pemikir yang dahulu dan juga terkini.

Akhir sekali saya ingin menyatakan disini bahawa setiap isi penulisan ini adalah daripada buah fikiran serta pandangan peribadi saya semata-mata dan tidak sekali-kali mengambarkan pandangan serta buah fikiran mereka-mereka yang saya sebutkan diatas.

MUKADIMAH

Pada pengamatan saya, politik negara Malaysia beredar melalui beberapa titik infleksi besar semenjak negara merdeka pada tahun 1957. Titik infleksi pertama terjadi pada tahun 1969-1973, yang bermula dengan kejadian 13 Mei 1969 dan berakhir dengan penubuhan Barisan Nasional. Titik infleksi kedua pula terjadi pada tahun 1998-1999, yang bermula dengan kejadian reformasi bermula dengan pemecatan Dato Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Titik infleksi ketiga pula bermula dengan kejatuhan Barisan Nasional pada 2018 sehinggalah 2022, dimana Dato Seri Anwar Ibrahim di angkat menjadi Perdana Menteri dan tertubuh nya Kerajaan Perpaduan. Samada ini akan diikuti dengan penubuhan gagasan baru politik seperti juga terbentuknya Barisan Nasional pada tahun 1973 masih menjadi satu persoalan yang belum pasti.

Infleksi politik yang pertama negara adalah selepas peristiwa 13 Mei 1969 yang terjadi selepas berlangsungnya Pilihanraya Umum ke 2, iaitu pada 10 Mei 1969. Ianya di ikuti dengan pengistiharan darurat pada 14 dan 15 Mei, dan hasil dari nya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dibentuk pada 15 Mei 1969. MAGERAN di ketuai oleh Tun Abdul Razak, walaupun Perdana Menteri waktu itu masih lagi Tunku Abdul Rahman. Kabinet kerajaan baru dibentuk pada 22 September 1970 apabila Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan digantikan oleh Tun Abdul Razak. MAGERAN secara rasmi nya berakhir pada 23 Februari 1971.

Infleksi politik kedua terjadi pada tahun 1998 dengan pemecatan secara “brutal” Dato Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO dan kerajaan Tun Mahathir, dan bermulalah gerakan reformasi pimpinan Anwar Ibrahim. Period bermula setelah hampir 25 tahun selepas infleksi pertama. Bermula daripada titik ini membawa kepada berundur nya Tun Mahathir daripada kerajaan pada tahun 2003. Bermula pada PRU 10 terbentuklah satu gagasan pembangkang yang baru didalam politik Malaysia. Gagasan tersebut dibawah nama Barisan Alternatif (pada PRU10 dan PRU11) yang berhujung dengan kegagalan yang amat teruk, diganti dengan Pakatan Rakyat (pada PRU12 dan PRU13) yang menampakkan kemajuan baru sebagai pembangkang yang lebih berdaya maju.

Infleksi politik seterusnya bermula dengan PRU ke 14 pada tahun 2018 apabila terbentuknya gabungan baru dibawah nama Pakatan Harapan, yang menang dan membentuk kerajaan dibawah Tun Mahathir. Namun ianya memakan waktu yang agak lama juga untuk membentuk jalan keluar yang baru, sehinggalah berlaku nya PRU ke 15 pada 2022. Sebelum jalan keluar terbentuk, satu period yang tidak menentu (volatile) terjadi dimana pertukaran kerajaan terjadi selama tiga kali dalam tempoh yang singkat. Kerajaan Pakatan Harapan Tun Mahathir dijatuhkan melalui langkah Sheraton, kemudian terjadi permuafakatan baru dibawah Tan Sri Muhyidin Yasin setelah menolak gabungan lama dengan pembentukan gabungan longgar (loose coalition) yang baru.

Ini diikuti dengan Pengisytiharan Darurat pada 21 Januari 2021 sewaktu bencana pandemik Covid-19 yang berkuatkuasa sehingga 1 Ogos 2021. Pengisytiharan tersebut diragui bahawa ianya hanya disebabkan pandemik Covid-19 kerana langkah tersebut tidak mempunyai sebab serta kesan yang nyata terhadap menangani pandemik, tetapi lebih kepada kemelut politik yang melanda dimana keabsahan Perdana Menteri Tan Sri Muhyidin Yasin serta kerajaan beliau menjadi persoalan utama. Ini terbukti apabila terjadi nya proses pembuktian bahawa beliau telah hilang majoriti dan terpaksa mengundurkan diri serta terjadi nya kejatuhan kerajaan beliau. Kerajaan beliau dijenamakan sebagai kerajaan Perikatan Nasional.

Hasil daripada proses tersebut, Dato Seri Ismail Sabri dipilih sebagai Perdana menteri baru pada 21 Ogos 2021 dengan majoriti tipis. Jumlah sebenar sokongan kepada Dato Seri Ismail Sabri tidak diketahui dengan jelas kerana tiada terjadi pengabsahan yang terbuka melalui undi percaya di Parlimen. Kerajaan beliau tidak bertahan lama apabila akhir nya parlimen dibubarkan pada 10 Oktober 2022 yang membawa kepada PRU ke 15.

Dalam masa satu period parlimen, kita mendapati tiga kerajaan yang mempunyai pimpinan berbeza yang jangka waktu nya amat pendek, 22 bulan Pakatan Harapan yang diketuai oleh Tun Mahathir Mohamad, 17 bulan gabungan longgar Perikatan Nasional yang diketuai oleh Tan Sri Muhyidin Yasin, dan 15 bulan gabungan longgar Barisan Nasional dan Perikatan Nasional yang diketuai oleh Dato Seri Ismail Sabri Yaakob. Ketidak stabilan politik menjadi karakter utama politik negara sehinggalah memaksakan PRU15 diadakan

lebih cepat dan menjuruskan kepada terjadi nya pilihanraya tersebut.

PRU15 adalah pertarungan besar tiga penjuru, yang hasil nya jelas bahawa tiada mana pun gabungan besar yang mempunyai majoriti mudah. Maka dengan itu terjadilah proses penyelesaian parlimen tergantung yang berakhir dengan pembentukan kerajaan gabungan campuran, atau dinamakan sebagai kerajaan perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri baru, Dato Seri Anwar Ibrahim.

Ini adalah penghujung kepada titik akhir infleksi politik yang ketiga ini. Ianya bermula pada tahun 2018 dan berakhir pada tahun 2022. Period ini adalah hampir 25 tahun selepas infleksi kedua (1998), dan hampir 50 tahun selepas infleksi pertama (1969).

Dari satu titik kepada titik seterus nya memakan masa selama hampir satu suku abad dan kembali kepada titik yang lebih hampir kepada titik pertama memakan masa hampir setengah abad. Dari satu period yang "volatile" kepada period "volatile" seterusnya memakan masa sedemikian rupa.

Adakah ini satu kebetulan atau ianya merupakan perubahan yang lebih mendasar, merupakan satu hipotesis yang sukar diperjelaskan dengan mudah. Walau bagaimana pun didalam kajian pertukaran generasi (inter-generational change), 25 tahun memang wajar digunakan sebagai panduan kerana jangka waktu tersebut sememangnya merupakan perbezaan dari satu generasi lama kepada generasi baru yang seterusnya.

Inilah tesis yang saya akan utarakan didalam penulisan ringkas ini dengan menggunakan beberapa teori perubahan serta falsafah kemanusian dibantu dengan data yang didapati daripada PRU15 yang baru saja selesai.

1 MEMAHAMI SISTEM DEMOKRASI MALAYSIA

1.1 Idealisma Politik Kenegaraan

Minat saya kepada politik kenegaraan bermula sewaktu saya masih belajar di universiti (1980an) apabila saya turut menyertai persatuan pelajar Islam di Amerika Syarikat dibawah Malaysian Islamic Study Group atau MISG USA dan Kanada. Sewaktu itu idealisma saya untuk melihat satu negara berasaskan Islam, walaupun sebenarnya saya sendiri tidak mengerti apakah yang dimaksudkan dengan negara Islam tersebut.

Jenama pergerakan Islam bagi orang Malaysia yang ada pada ketika itu adalah ABIM, PAS dan juga IRC. Saya awalnya diperkenalkan kepada IRC, kemudian nya kepada PAS, dan akhir nya ABIM. Diwaktu itu saya baru mengenal Islam melalui "harakah islamiyah" ataupun pergerakan haraki negara Islam, yang rujukannya lebih kepada Muslim Brotherhood di Mesir dan Timur Tengah serta Jamaat Islami daripada Pakistan. Idealisma nya ialah membentuk negara yang berasaskan prinsip-prinsip serta syariah Islam.

Saya dikenalkan dengan saudara Anwar Ibrahim dan juga Haji Hadi Awang pertama kali di Peoria, Illinios, apabila MISG mengadakan satu debat diantara beliau (sebagai wakil dari UMNO) dan Haji Hadi Awang (sebagai wakil dari PAS) didalam konvensyen tahunan MISG. Kesempatan itulah memberi saya peluang bertanya apakah tujuan pergerakan Islam seperti Sdr. Anwar Ibrahim (yang merupakan pengasas nya) dan juga Haji Hadi sebagai ideolog PAS mahu melibatkan diri dalam politik di Malaysia. Jawapan mereka berdua jauh berbeza. Anwar mengatakan approach beliau adalah dengan cara menerapkan nilai-nilai Islam dalam politik dan kenegaraan Malaysia. Sementara jawapan Haji Hadi adalah kearah penubuhan negara Islam melalui orang-orang Islam, berwadahkan parti PAS (sebagai satu Jamaah) untuk menguasai negara melalui sistem politik yang ada.

Saya juga berkesempatan bertemu dengan pemimpin pergerakan Islam daripada Timur Tengah, juga daripada Sudan, serta daripada Pakistan. Soalan yang saya tujukan sama sahaja - iaitu apa tujuan serta approach yang mahu diambil dalam menegakkan negara Islam. Jawapan yang saya terima berbeza daripada satu kepada yang lain. Tiada satupun yang dapat saya padankan dengan baik. Saya mengambil keputusan bahawa jalan yang terbaik adalah yang dibawa oleh Sdr. Anwar Ibrahim di Malaysia. Pertama nya, jalan beliau lebih jelas dan praktikal dan tidak berasaskan teori-teori yang susah saya fahami. Jalan nya lebih bersifat Islam yang sederhana dan tidak radikal serta melampau.

Diwaktu yang sama, Malaysia pada ketika itu lebih didominasikan politik kebangsaan atau nasionalisma yang diterajui oleh UMNO (dan Barisan Nasional). Pergerakan Islam secara umum nya dilihat oleh pimpinan UMNO sebagai mencabar kedudukan nasionalisma Melayu yang menjadi teras negara. Pengkaderan UMNO wujud dimerata tempat, daripada Biro Tata Negara, didalam agensi kerajaan, sehinggalah kepada anggota keselamatan. UMNO adalah defacto ideologi politik kenegaraan yang dominan.

Kenaikan mendadak Anwar Ibrahim didalam UMNO menjadi satu cabaran besar kepada golongan incumbent. Ini termasuklah Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh, Musa Hitam dan juga golongan agamawan UMNO seperti Wan Mokhtar, Hamid Othman, Dusuki Ahmad, dan lain-lain. Popularity Anwar adalah melalui program Islamisasi yang disambut baik oleh Dr. Mahathir yang menjadi pemimpin defacto UMNO ketika itu. Tertubuhlah Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), perbankan syariah dan juga pengenalan yang meningkat terhadap pendidikan nilai-nilai Islam dalam sistem pelajaran kebangsaan.

UMNO sendiri mempunyai pergolakan dalam yang amat mengancam yang mana akhir nya terjadi penyingkiran Musa Hitam dan juga Tengku Razaleigh. Terjadilah perpecahan awal UMNO kepada Semangat 46. Diwaktu yang sama juga PAS, dibawah pimpinan Ustaz Fadhil Nor serta Tuan Guru Nik Abdul Aziz masih tetap menjadi pembangkang tegar kepada UMNO dan Barisan Nasional. Diwaktu yang sama juga DAP wujud sebagai pembangkang terbesar dalam parlimen Malaysia; dimana lawan utama DAP adalah MCA dan juga Gerakan, yang dilihat bersekongkol dengan UMNO didalam Barisan Nasional. DAP tidak pernah bertentangan dengan PAS secara langsung; bahkan keberadaan bersama sering dilihat sebagai saling melengkapi sebagai teras pembangkang.

Apabila saya melihat kembali politik Malaysia semenjak 30 tahun yang lalu sehingga kini, saya boleh rumuskan bahawa peranan "ideologi" amatlah meragukan. Ini kerana ideologi adalah merupakan satu sistem pemikiran yang mempunyai idealisma serta asas kepada sistem politik yang dikehendaki. Kalau diambil

pendekatan Anwar Ibrahim, ianya lebih merupakan arah pragmatik yang berpandukan nilai-nilai Islam dan ketimuran serta kemelayuan. Sementara PAS pula lebih bertumpu kepada pergerakan Islam dalam bentuk parti politik tanpa kejelasan mutlak terhadap apakah sistem pemikiran serta idealisma negara Islam yang mereka bawakan. DAP pula dilihat lebih kepada melawan nasionalisma Melayu didalam bentuk parti UMNO dan berlawanan dengan seteru politik mereka iaitu MCA dan Gerakan. Ideologi DAP secara nyata juga tidak ada satu kejelasan yang ketara. Jadi adakah "ideologi" sebenar nya menjadi teras politik Malaysia selama ini? Yang ada hanya satu gagasan yang dinamakan sebagi nasionalisma Melayu.

Disinilah timbul persoalan kepada saya bahawa adakah politik Malaysia ini sebenarnya merupakan pertembungan ideologi diantara pihak-pihak yang ada? Adakah pertembungan PAS dan UMNO merupakan pertembungan ideologi? Demikian juga diantara DAP dan UMNO, ataupun diantara DAP dan MCA serta Gerakan. Tidak ada kejelasan "fault lines" ataupun garis pembahagi diantara pihak-pihak secara ketara. Apabila PKR ditubuhkan selepas pergerakan reformasi bermula, adakah PKR membawa "ideologi" yang jelas membezakannya dengan PAS, DAP, ataupun UMNO? Ini pun satu keraguan.

Setelah merenung dan mengamat dengan lebih mendalam, serta pembacaan terhadap kemanusian serta sejarah politik dunia, seperti sejarah empayar Roman, sejarah empayar Islam serta Muslim sehingga empayar Othmaniah Turki, sedikit sebanyak sejarah benua India (the Moghuls), sejarah berdarah Jepun sehingga pemerintahan Shogun Tokugawa, dan juga sejarah negara China sehingga terbentuk negara komunis hari ini. Saya juga sertai pembacaan falsafah, bermula daripada falsafah Yunani, sehinggalah kepada falsasah moden. Banyak juga pengaruh bacaan daripada penulisan penulis kontemporari seperti John Rawls, Francis Fukuyama, menjadi panduan saya.

Sebagai rumusan nya, saya ada beberapa telahan dan hipotesis. Pertama nya politik Malaysia tidaklah terbelah bagi berdasarkan ideologi tegar, tetapi lebih kepada "identiti perpuakan" sebagaimana yang dijelaskan oleh Fukuyama (sebagai contoh). Perkauman, walaupun ianya menjadi perisa luaran utama, tidaklah terlalu mendalam sebagai elemen pembahagi. Sebab itu UMNO berlawan dengan PAS boleh terjadi, walhal kedua-dua nya adalah parti Melayu sejati. Demikianlah juga pertembungan antara DAP dan UMNO, ataupun dengan MCA juga bukanlah secara asasnya diatas "fault line" kaum Cina melawan kaum Melayu. Kalau tidak, mengapakah DAP boleh bertentangan dengan MCA atau Gerakan?

Diatas asas identiti perpuakan begini, kerjasama diantara dua musuh sejati, iaitu UMNO dan PAS boleh terjadi melalui konsep Muwafakat Nasional. Demikian juga diantara PAS dengan Bersatu, yang mana DNA nya adalah DNA UMNO. Tetapi UMNO secara asasnya susah untuk bekerjasama dengan Bersatu lantaran perseteruan puak yang bercerai dari UMNO. Diwaktu yang sama pada satu masa dahulu PAS dan DAP memang sudah pernah bekerjasama dengan erat dibawah naungan Barisan Alternatif dan juga Pakatan Rakyat. Kalaulah perbezaan ideologi menjadi dasar, perkara sedemikian tidak mungkin terjadi.

Kalau begitu yang menjadi asas kepada perbezaan politik diantara parti-parti yang wujud pada masa ini bukan lagi ideologi, tetapi perpuakan dan identiti kepada perpuakan tersebut. Persoalan seterusnya, apakah yang menjadi asas kepada perpuakan tersebut, dan juga asas kepada identiti yang dimaksudkan? Adakah asas nya agama Islam melawan yang bukan beragama Islam, ataupun kaum Melayu melawan yang bukan Melayu? Ataupun juga asas kedaerahan, seperti di Sabah atau di Sarawak?

Jawapan yang saya fikirkan paling munasabah adalah identiti berdasarkan hak milik (identity through enfranchisements). Biar saya jelaskan maksud nya disini. Enfranchisements atau hak milik berfungsi lebih jelas melalui antonim nya, iaitu "disenfranchisements", perasaan dan persepsi penafian hak milik. Satu puak merasakan hak-hak mereka dinafikan oleh puak yang lain. Sekiranya perpuakan itu tergaris diatas jalur kaum, maka kaumlah yang menjadi garis depan (frontline) yang mudah dipakai. Sekiranya perpuakan itu tergaris diatas jalur agama, maka agamalah yang menadi garis depan. Demikian juga sekiranya kedaerahan menjadi garis utama perpuakan, maka penafian hak kedaerahanlah yang menjadi garis depan nya.

Disini saya juga akan mengenengahkan dua lagi faktor belahan (cleavage) yang penting, iaitu kesenjangan pendapatan dan harta (income and wealth inequality) dan juga penempatan kehidupan, samada hidup dibandar atau luar bandar. Dalam banyak kajian dinegara-negara maju, kedua-dua faktor ini juga menjadi belahan (bukan nya garis pembahagi) kepada "identiti perpuakan" serta sumber kepada perasaan dan persepsi "disenfranchisements" yang saya katakan diatas. Sekiranya belahan ini bersamaan dengan garis-

garis depan yang ada, maka faktor-faktor (kesenjangan pendapatan dan harta, kehidupan seharian) ini akan ditelan (subsume) oleh garis-garis depan tadi. Akhir nya yang nyata dikhalayak ramai (iaitu pengundi) hanyalah kaum, agama, atau kedaerahan.

Kalaulah telahan saya ini benar, maka apakah strategi politik yang perlu diambil untuk sesuatu parti atau gabungan parti untuk memenangi pilihanraya? Jawapan nya mudah sahaja - iaitu menjadi populis dan bukan nya lagi ideologi. Bentuk populis boleh terjadi dalam pelbagai cara, samada populis yang lebih bersifatkan ideologi seperti Melayu Islam, atau pun populis bersifat kedaerahan seperti Borneo untuk Borneo, atau pun juga populis dalam bentuk anti korupsi serta beban kehidupan (seperti kos sara hidup). Mana-mana strategi populis sememangnya beredar mengikut waktu yang berkesesuaian. Lebih tergantung kepada isu-isu semasa. Kelemahan strategi populis juga nyata, amat sukar untuk mendapatkan sesuatu yang populis kepada semua pengundi. Sudah pasti juga sesuatu yang populis bagi puak tertentu tidak menjadi populis bagi puak yang lain.

Bagi saya, Malaysia hari ini sudah beralih daripada politik berdasarkan ideologi kepada politik berdasarkan populis. Malangnya populis tersebut terbahagi kepada beberapa “fault lines” yang susah mahu diperbaiki dengan cepat dan baik. Lebih-lebih lagi apabila ianya tidak boleh berubah dengan cepat, seperti kesenjangan pendapatan dan pemilikan harta, ataupun juga kesenjangan kedaerahan. Ini membawa maksud yang dalam serta jauh kehadapan, iaitu perpecahan politik tetap akan terjadi mengikut perpuakan. Ianya hanya boleh didamaikan dengan mengambil kira kepentingan semua puak dan pihak supaya jembatan dapat dibina diatas ’fault lines” yang wujud, samada secara nyata ataupun secara hakiki.

1.2 Sistem demokrasi serta kepincangan nya

Sistem politik Malaysia adalah berasaskan kepada demokrasi berparlimen ala Westminster yang di amalkan di negara-negara maju, dengan satu perbezaan iaitu demokrasi kita adalah demokrasi raja berperlembagaan (constitutional monarch). Sistem demokrasi sebegini bukanlah suatu yang baharu, bahkan ianya telah wujud hampir 200 tahun. Ini bermakna pengalaman amalan sistem demokrasi sedemikian juga penuh dengan pelbagai rekod serta penyelesaian kepada berbagai permasalahan yang dihadapi dari masa ke semasa.

Secara asas nya demokrasi bermula dengan satu dilema, iaitu bagaimanakah manusia dapat membentuk satu sistem pemerintahan yang adil serta saksama bagi penduduk sesebuah negara. “Polity” sebagaimana yang dijelaskan Aristotle, adalah satu order politik yang sebenar nya terletak diantara dua kutub, iaitu kutub anarki dan kutub utopia demokrasi. Sekiranya tiada kewujudan utopia demokrasi, yang wujud adalah suatu yang dikatakan sebagai sistem pertengahan, iaitu demokrasi yang penuh kepincangan.

Dalam sejarah demokrasi manusia, sistem yang ada hanyalah suatu sistem yang dinamakan demokrasi tetapi ianya tidak dapat menjamin keadilan dan kesaksamaan yang nyata. Ini disebabkan pengtakrifan keadilan dan kesaksamaan yang tidak tetap dan berubah dari zaman ke zaman. Sistem demokrasi tidak menjamin pentakrifan yang mempunyai piawaian yang sama kepada semua orang dan semua zaman.

Lantaran itu, apa yang terjadi yang wujud nya adalah pelbagai amalan yang bersifat oligarki, autokrasi, plutokrasi, yang membawa kepada kezaliman (tyranny) kepada sebahagian daripada penduduk negara yang ada. Apa nama sekalipun, pada asasnya ia dipanggil secara generik sebagai demokrasi, walaupun pada hakikat nya ianya merupakan bukanlah demokrasi utopia yang hakiki. Hasil daripada demokrasi mencetuskan pelbagai masalah seperti peperangan sivil di Amerika Syarikat, kenaikan Hitler di Jerman, diktator-diktator di negara-negara Arab, dan sebagai nya.

Bagaimana hal sebegini boleh terjadi? Adakah sepatutnya sistem yang baik tidak akan mendatangkan hasil yang negatif? Bagaimana juga amalan demokrasi moden menghasilkan masyarakat yang mempunyai polarisasi yang tinggi seperti yang ada di Amerika Syarikat pada hari ini? Terlalu banyak persoalan yang timbul daripada pengamalan demokrasi mutakhir ini. Adakah terdapat keperluan kepada reformasi sistem demokrasi yang ada supaya kepincangan yang ketara dapat di perbaik pulih supaya impak negatif dapat dielakkan?

Perbincangan sebegini telah pun dibuat oleh pemikir-pemikir lampau seperti Thomas Hobbes (1588-1679), Baruch Spinoza (1632-1677), John Locke (1632-1704), Montesquieu (1689-1755), Rousseau (1712-1788), Jeremy Bentham (1748-1832), John Stuart-Mill (1806-1873), dan ramai lagi pemikir yang kemudian nya.

Secara falsafah Emanuel Kant (1724-1804), Hegel (1780-1831), Nietzsche (1844-1900) daripada Jerman dan juga beberapa ahli falsafah yang lain menjelaskan pelbagai perihal berkenaan dengan sifat manusia. Secara umum nya sistem demokrasi yang terwujud tidaklah bebas daripada nilai-nilai kemanusian serta kepercayaan keagamaan dalam aspek kejadian serta ketuhanan.

Didalam sejarah umat Islam juga terdapat pelbagai telahan terhadap sistem demokrasi. Tetapi malangnya hampir keseluruhan sejarah umat Islam tiada satu pun contoh yang dapat diambil secara langsung untuk dijadikan panduan kepada sistem demokrasi ala Westminster yang kita sebutkan tadi. Sistem Khilafah yang ada merupakan satu sistem turun-temurun (hereditary), daripada Khilafah Ummayyah, kepada Abbasiah, sehinggalah kepada pembentukan kesultanan Othmaniyah dan juga Umayyah di Sepanyul. Sejarah silam daripada zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w dan Khalifah Ar-Rashiduun juga tidak dapat membantu kita dengan mudah.

Sementara itu juga pemikir-pemikir lain seperti Condorcet (1743-1794) meragui bahawa sistem pengundian yang ada dalam amalan demokrasi mempunyai paradok yang mendalam. Perkara ini juga dipertikaikan melalui kaedah keutamaan pilihan dalam pengundian oleh Borda (1770) dan diperjelaskan lagi melalui paradok Allais dan juga melalui teori pilihan sosial oleh Arrow yang menyatakan secara asasnya tiada satu pun kaedah yang boleh digunakan untuk menjamin hasil yang optima kepada proses pengundian, pemilihan, serta penentu pemenang dalam proses tersebut.

Secara ringkas nya, falsafah demokrasi ala Westminster yang ada pada kita hari ini sememang nya mempunyai banyak kekurangan (sub-optimal solutions) dan mesti sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, pada setiap waktu dan zaman, perubahan serta reformasi kepada sistem politik adalah proses yang berterusan dan tiada penghujung nya.

1.2.1 Kepincangan Pertama - Sistem majoriti

Sistem pemilihan demokrasi yang ada tidak akan menjadi satu suara yang tepat mewakili pengundi. Ini disebabkan dalam pemilihan, terutama nya apabila pengundi hanya boleh memilih satu sahaja calon, dan calon yang menang ditentukan oleh proses “first pass the post” (FPTP), iaitu yang memperoleh majoriti mudah.

Sudah tentu saja pemenang dengan undian 51% tidak mewakili 49% yang tidak mengundi beliau. Adakah bermakna golongan 49% tersebut tidak diwakili? Ini yang menyebabkan terjadi nya “disenfranchisement” (penafian hak) pengundi kepada calon yang kalah. Penafian hak ini akan menjadi lebih ketara apabila pemenang bersikap menafikan golongan yang kalah. Ini sering dan sememangnya terjadi secara nyata.

Penyelesaian nya hanya dengan pemenang bersikap “pemenang tidak menang kesemuanya: (no winner win all) dan juga,”yang kalah tidak kalah kesemuanya” (no loser lose all). Tetapi ini sering tidak terjadi kerana kelaziman ahli politik yang berlawanan akan sentiasa mencuba memuaskan hati mereka yang mengundi pihaknya, dan memberikan keutamaan kepada mereka yang menyokong beliau. Perkongsian kuasa adalah suatu yang amat sukar dibuat dengan sukarela dan secara ikhlas.

1.2.2 Kepincangan Kedua - Penentuan daerah pengundian

Wajaran pengundi yang samarata tidak dapat diamalkan dengan sempurna. Secara ideal nya, satu orang mempunyai satu undi. Tetapi hakikat nya undian setiap orang tidak mempunyai wajaran yang sama. Bahkan sistem persempadanan pilihanraya tidak pernah mempunyai kesempurnaan. Terdapat kawasan pengundian pilihanraya yang mempunyai wajaran lebih daripada satu kepada satu undi (mencecah julat 1.5), dan juga terdapat kawasan pilihanraya yang mempunyai wajaran dibawah satu kepada satu undi (mencecah julat 0.5). Ini yang dikatakan sebagai “gerrymandering”.

Adakah perkara ini dapat diselesaikan? Jawapan nya tidak. Ada pelbagai perkara yang menjadi halangan. Sebagai contoh, terdapat ramai pengundi yang mungkin tidak menetap ditempat mereka mendaftar sebagai pengundi. Adalah menjadi hak seseorang untuk mendaftar ditempat yang mereka pilih untuk mengundi. Tiada paksaan yang boleh dibuat terhadap pilihan mereka.

Demikian juga terdapat kekangan dari sudut fizik geografi. Tidak mudah untuk membuat "garis pemisah" diantara satu daerah pengundian dengan daerah yang bersebelahan. Ini bukan sahaja terjadi kepada kawasan urban, tetapi juga kepada kawasan luar rural. Perkara ini terjadi disebabkan perkembangan kependudukan manusia tidak boleh dikawal dan terjadi secara rawak. Demikian juga aspek mobiliti yang terjadi secara tidak terancang dan sudah menjadi lumrah kepada kehidupan moden.

Didalam aspek geografi perkara ini dijelaskan didalam sains spatial. Dalam pengoptimaan spatial, ianya merupakan subjek yang komplek serta rumit. Lebih-lebih lagi apabila ianya disertai dengan hujah-hujah bermotifkan politik serta perkauman yang mendalam. Adakah pengoptimaan yang dibuat lebih berobjektifkan kesamaan dan keserataan (homogen dan homofili), ataupun lebih kepada kemajmukan dan kepelbagaian (heterogen dan heterofili)? Persoalan sebegini akan menjadi perdebatan yang tidak berkesudahan, lebih-lebih lagi apabila ianya perlu mendapatkan pengundian di Parlimen sebagai pengesahan majoriti mudah kepada perubahan tersebut.

Di Malaysia, Seksyen 2 Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa jumlah pengundi satu-satu kerusi untuk kawasan luar bandar di bolehkan kurang daripada jumlah pengundi bandar. Ini secara nyata menjadikan pemberat kepada pengundi di luar bandar melebihi daripada pengundi di bandar. Adakah ini satu perkara yang wajar? Jawapan nya tidak semudah yang kita sangkakan. Kalaulah perkara ini mahu ditukar, bermakna harus berlaku perubahan kepada Perlembagaan Persekutuan. Selagi struktur nya masih sedemikian, hasil nya tetap memihak kepada pengundi luar bandar berbanding dengan pengundi bandar.

1.2.3 Kepincangan Ketiga - Demokrasi perwakilan

Sistem demokrasi perwakilan (representative democracy) juga menjadi suatu permasalahan. Penentuan pembentukan kerajaan bergantung kepada wakil-wakil yang dipilih untuk membuat pilihan siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri (atau Ketua Eksekutif). Oleh kerana pengundi hanya memilih wakil tempatan mereka (atau pun memilih didalam kolej pilihanraya bagi Amerika Syarikat), pengundi tidak secara langsung menentukan siapakah yang Ketua Eksekutif yang mereka mahu. Hasil nya terjadi kesenjangan diantara kehendak mereka dan siapakah yang mereka mahu terajui kerajaan.

Lebih-lebih lagi apabila yang mereka undi (iaitu calon wakil rakyat) kalah, bererti suara mereka tidak kesampaian. Demikian juga apabila calon yang mereka pilih dan menang, tetapi gagal menjadi suara penentu kepada pemilihan Ketua Eksekutif, juga menjadi satu kesenjangan. Ini bermakna dalam apa jua keadaan sekalipun ramai yang akan terasa kecundang dalam pilihan mereka. Hal ini lebih meruncing lagi apabila tidak kewujudan satu parti atau gabungan yang menang dengan majoriti mudah didalam parlimen. Kesenjangan ini akan menjadi lebih mendalam.

Apabila perwakilan yang dipilih pengundi berubah parti atau pun berubah kumpulan, ianya akan menyebabkan kekecewaan kepada pengundi yang memilih beliau. Hal ini tidak terselesai sekiranya tiada sekatan undang-undang untuk merungkaikan perkara tersebut. Demikian juga sekiranya perwakilan yang dipilih membuat pengundian kepada sesuatu usul atau keputusan yang tidak dipesetujui oleh pengundi. Pengundi tidak mempunyai jalan balik (recourse) sehinggalah tiba tempoh pilihanraya yang akan datang. Ini juga tiada jalan yang mudah untuk diselesaikan kerana apa-apa undang-undang sekali pun tidak dapat mengawal etika perwakilan yang sudah dipilih.

Perkara ini menjadi lebih runcing apabila jawatan Ketua Eksekutif tersebut merupakan stau-stau nya sahaja punca kuasa eksekutif dalam negara. Penumpuan kuasa yang terlalu besar kepada seorang Ketua Eksekutif sebegini memanglah satu lagi kepincangan besar yang ada didalam sistem pemerintahan sesuatu negara.

1.2.4 Kepincangan Keempat - Penumpuan kuasa kepada seseorang

Selalu nya sistem demokrasi perwakilan berjalan melalui kewujudan parti-parti politik yang mewakili ideologi atau prinsip-prinsip tertentu. Sistem demokrasi seharusnya wujud bermula pada parti-parti politik itu sendiri. Amalan demokrasi yang sihat seharus nya menjadi DNA kepada parti-parti tersebut.

Apa yang terjadi, hampir semua parti-parti politik bergerak kearah penumpuan kuasa kepada ketua parti. Hal ini terjadi secara lazim kerana keseluruhan proses demokrasi memerlukan kepada "otokrasi" bagi menentukan satu suara yang sama dan sekata. Proses penentuan kesamaan dan keserataan suara ini menyebabkan

parti politik membentuk struktur kuasa yang berpusatkan kepada ketua parti. Oleh yang demikian, perebutan kepada jawatan ketua serta jawatan tinggi didalam parti selalu nya sengit dan "extremely divisive". Proses sebegini selalunya mempunyai kadar penyingkiran yang tinggi (high attrition ratio).

Apa yang terjadi sering menyebabkan perpecahan kepada parti. Pihak yang tersingkir kadang kala keluar membuat parti yang baharu. Ini adalah kerana lebih baik menjadi ketua kepada parti sendiri dan bukan nya menjadi penumpang yang bergantung kepada ehsan pemimpin parti yang lama. Hasil nya terdapat banyak parti-parti yang kecil. Akhir nya apabila terlalu banyak, dalam sistem penentuan siapakah yang mendapat majoriti, menjadi satu keperluan kepada pengabungan semula kepada parti-parti yang berpecah tadi. Proses perpecahan dan pengabungan sebegini menjadi satu lumrah kepada sistem politik kepartian di dalam demokrasi perwakilan ala Westminster yang diamalkan.

Permasalahan penumpuan kuasa juga boleh diperkatakan kepada Ketua Eksekutif kerajaan. Hal ini juga menjadikan sistem "winner win all" terjadi. Ianya amat bergantung kepada keperibadian Ketua Eksekutif yang terpilih. Di Malaysia, hal ini sudah menjadi satu kebiasaan yang terpakai semenjak pemerintahan Tun Mahathir yang membuat pelbagai perubahan yang memberikan kuasa mutlak kepada Perdana Menteri. Sebagai contoh, pengunaan perogatif dalam perlantikan pelbagai jawatan didalam kerajaan, sehinggakan perlantikan Kehakiman juga dipegang sepenuhnya oleh Perdana Menteri. Walaupun pada hakikat nya, secara etika, seorang Perdana Menteri seharusnya memikirkan kepentingan ramai mengatasi kepentingan mengikut kehendak peribadi beliau. Perkara sebegini tidak terjadi secara otomatik lantaran peribahasa Lord Acton yang mengatakan "absolute power corrupts absolutely". Tiada siapa yang memegang tampuk kuasa yang mahu melepaskan kuasa beliau dengan mudah. Ini sudah menjadi lumrah kemanusian.

1.2.5 Kepincangan Kelima - Kualiti perwakilan

Demokrasi utopia berparlimen bergantung kepada kualiti ahli-ahli yang terpilih sebagai wakil kepada rakyat. Sebagai wakil kepada rakyat, atau "wakil rakyat", mereka perlu memainkan peranan mewakili "kesemua rakyat" bagi kawasan mereka. Didalam konsep dan pengertian asal, wakil rakyat adalah wakil kepada keseluruhan rakyat dikawasan yang dipertandingkan. Ini bermakna mereka adalah wakil suara bagi rakyat dikawasan mereka. Suara ini adalah didalam bentuk mengutarakan hal-hal kepentingan bagi rakyat dikawasan mereka, samada dalam isu-isu semasa tempatan secara rutin nya, dan terutama lagi pandangan umum atau ramai rakyat dari kawasan mereka mengenai dasar dan perundangan negara yang mempunyai kesan terhadap penduduk kawasan.

Permasalahan pertama ialah kualiti mereka yang terpilih. Ini bermula dengan proses pencalonan itu sendiri. Oleh kerana pilihanraya adalah proses melalui perkumpulan melalui parti-parti politik, maka pilihan tersebut bergantung rapat dengan parti dan jawatan didalam parti. Sebagai contoh, selalu nya ketua bahagian atau cabang akan mendapat keutamaan sebagai calon disebabkan senioriti atau incumbency mereka, yang pada dasarnya memimpin jentera parti yang sekaligus menjadi jentera pilihanraya. Sekiranya proses pemilihan ketua tempatan parti mempunyai kepincangan, hasil nya pemimpin yang dipilih tidak mempunyai kualiti yang baik, maka akhir nya calon yang diangkat dari kalangan mereka juga mempunyai kualiti yang rendah. Sebagaimana yang sering terjadi, ketua-ketua bahagian parti selalunya adalah pemain parti veteran. Mereka tidak akan memberikan ruang kepada sesiapa yang baru yang lebih pintar dari mereka. Maka wujudlah "little Napoleon" disetiap peringkat. Inilah proses yang sering diambil pakai untuk menentukan calon parti bagi setiap pilihanraya.

Permasalahan kedua tujuan berpolitik kepada sesiapa yang mahu menjadi calon. Jarang sekali mereka yang dikatakan masuk politik adalah bertujuan untuk memainkan peranan kenegaraan. Bahkan gelaran berkarya sebagai ahli politik lebih dikaitkan dengan "bermain politik". Tujuan utama bermain politik adalah untuk mendapat jawatan atau "entitlements" (Tashrief) dan bukan nya pertanggungjawaban (Taklif). Boleh dikatakan ramai yang masuk politik juga sebagai satu "pelaburan" yang perlu meraih keuntungan. Ini menyebabkan ramai juga bersikap mencari penaja dalam bentuk kewangan, dengan janji bahawa pelaburan tersebut akan dibayar balik nanti dengan imbuhan projek melalui jawatan yang bakal diperolehi. Altrusime bukanlah cara yang dianggap bijak dalam berpolitik, bahkan terlalu ramai yang kecundang kerana idealisma berpolitik merupakan suatu kaedah yang mendatangkan hasil.

Hasil daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi membawa kepada penghujung nya dimana kadar

pergeseran yang amat tinggi dalam kerjaya politik menyebabkan ramai yang pintar dan berkualiti tersingkir, dan sebalik nya mereka yang lebih pandai "bermain politik", tetapi lebih dungu, akan menang dan berjaya menjadi wakil rakyat. Proses penyaringan sebegini menghasilkan kualiti perwakilan yang rendah. Akhirnya apabila kita mengambil kira keseluruhan mereka yang menjadi ahli sesebuah parlimen, berapa ramaikah yang terdidik dengan tinggi serta berpengalaman yang meluas didalam pelbagai bidang yang relevan kepada tugasan mereka. Bahkan kita dapati ramai ahli-ahli yang terlalu jahil dengan aspek-aspek undang-undang, tata kelola negara dan peranan mereka sebagai "law makers".

1.2.6 Kepincangan Keenam - Kualiti pengundi

Demokrasi utopia mengangap bahawa pengundi adalah pintar dan rasional. Mereka juga dianggap sebagai "well informed" dan tidak mudah dipengaruhi dengan perkara-perkara yang remeh serta publisiti yang murahan serta negatif. Hal ini umpamakan jauh panggang daripada api.

Pengundi rata-rata nya tidak rasional, banyak mengunakan emosi, selalu nya tidak banyak mengkaji dan membaca, dan sememang nya mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang negatif. Ini terbukti didalam banyak demokrasi moden yang wujud diserata dunia pada hari ini.

Dalam kajian perangai manusia (human behavior), banyak dapatan yang membuktikan bahawa dalam apa-apa pilihan, manusia akan mempunyai kecenderungan (bias). Manusia juga sering bersifat pandangan singkat (myopic), serta mementingkan diri sendiri bukan nya mementingkan kepentingan ramai. Hal sebegini lebih ketara apabila pilihan yang dibuat adalah merupakan hak milik awam (public goods) seperti pemilihan pimpinan negara.

Perangai sebegini bukanlah terjadi kepada golongan yang mempunyai IQ yang rendah. Bahkan rendah atau tinggi nya IQ tidak menjadi penentuan yang berkepastian. Lebih-lebih lagi dapatan kajian menunjukkan pilihan yang dibuat sering terjadi hasil daripada lingkungan persahabatan dan kehidupan. Lebih tepat lagi kalau kita gunakan istilah habitat. Disini manusia hampir sama sahaja dengan alam semulajadi seperti alam haiwan. Naluri manusia amat bergantung kepada faktor sekeliling.

Ini amat berbeza dengan teori perubahan sosial yang mengutamakan ideologi sebagai penentu. Mengikut teori perubahan sosial seperti yang dibawa oleh Karl Marxs, ideologi adalah penyebab utama. Demikian juga teori pergerakan Islam atau nasionalisma menekankan aspek ideologi. Perkara ini disangkal oleh pemikir mutakhir kini dengan mengunakan data serta fakta yang terpapar, bahawa ideologi sebagai pemangkin sudah makin kabur, dan yang lebih mendalam adalah identiti kelompok seperti kaum dan agama. Ini yang diutarakan oleh Francis Fukuyama dan juga Samuel Huntington. Saya tidak pasti adakah perkara ini satu kebenaran. Yang pasti nya pengundi tidak lah sepintar dan juga tidaklah terlalu sophisticated seperti yang dicanang-canangkan.

Dengan ada nya peranti digital dan akses kepada media sosial yang merambah ini hari, pasti nya pengundi dengan mudah dipengaruhi dan dianjak kesana-kesini dengan mudah oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai agenda tertentu. Sesuatu yang negatif sememang nya lebih mudah tular daripada suatu yang positif. Lantaran itu peranti media sosial menjadi laman yang luas serta ampuh untuk penyemarakan propaganda negatif didalam kempen pilihanraya. Hasil akhir nya pemilihan dan keputusan pilihanraya tidaklah seimbang serta mempunyai asimetri berkecondongan tinggi (highly skewed asymmtery).

1.3 Sistem demokrasi Raja berperlembagaan

Negeri-negeri Tanah Melayu berasal daripada negeri beraja, yang di pertuankan oleh Raja-raja Melayu. Demokrasi yang wujud adalah melalui parlimen, yang mana asal parlimen adalah merupakan perwakilan daripada rakyat untuk mengadap raja bagi menentukan siapa yang diberikan tauliah oleh raja untuk menjadi wakil bagi beliau untuk menjalankan urusan-urusan pemerintahan bagi pihak raja, diatas nama "kerajaan". Maka dengan itu, kerajaan dinamakan "His Majesty's Government" sebagai contoh di United Kingdom. Bagi Malaysia, disebut sebagai "Kerajaan Seri Paduka Baginda" dan urusan-urusan kerajaan dipanggil "Urusan Seri Paduka Baginda".

Banyak istilah dan pengunaan perkataan "kerajaan", "Kerajaan Seri Paduka Baginda", "Urusan Seri Paduka

Baginda" seolah-olah dilupai atau pun being taken for granted. Seolah-olah ianya istilah resmi yang tidak mempunyai makna selebih dari itu. Walhal semuanya ini adalah merupakan "raison d'etre" kepada pilihanraya, pembentukan parlimen, perwakilan rakyat, dewan rakyat, dan juga penentuan ketua kepada menteri-menteri diatas nama Perdana Menteri. Kabinet jemaah menteri juga adalah satu badan as a whole dan tidak terpisah, dengan kepala tubuh nya ialah Perdana Menteri. Setiap keputusan kabinet, pertanggungjawaban adalah kepada keseluruhan jemaah menteri. Kalau ada menteri yang tidak perform, maka menjadi tanggungjawab Perrdana Menteri untuk mengugurkan menteri itu dari kabinet. Apabila gugur Perdana Menteri, gugurlah keseluruhan kabinet dan kerajaan.

Penentuan perlantikan Perdana Menteri adalah melalui kepercayaan YDPA terhadap seseorang ahli parlimen yang beliau mempunyai sokongan majoriti wakil rakyat yang ada. Dalam kes Malaysia sekarang ini, jumlah nya melebihi 111 orang daripada 222 orang yang ada. Bagaimana kepercayaan tersebut boleh ditentukan boleh disahkan dengan berbagai cara, bergantung kepada budi bicara YDPA. Melalui pernyataan langsung, atau pernyataan bertulis, membuat perakuan bersumpah, dan sebagai nya. Yang paling penting nya bukan nya cara, tetapi maksud serta makna "kepercayaan sokongan" tersebut adalah intipati utama nya.

Sekiranya seseorang Perdana Menteri tidak mempunyai sokongan yang kukuh dan padu, ia nya akan membawa permasalahan kepada kerajaan yang beliau ketuai. Ianya akan menimbulkan keabsahan serta legitimasi kepada kesemua kerajaan beliau yang mana keseluruhan tindakan serta keputusan setiap menteri juga menjadi keraguan kepada khalayak ramai. Persoalan keabsahan ini timbul dalam tiga bentuk: pertama nya "public moral legitimacy", iaitu keraguan daripada umum, yang mana sekiranya ada arahan, ia nya tidak dipatuhi; kedua nya, keraguan daripada pegawai-pegawai kerajaan, yang mana arahan tidak dipatuhi atau dilaksanakan dengan sempurna; dan ketiga nya, mana-mana perkara yang diusulkan di parlimen tidak mendapat undian yang mencukupi untuk di luluskan dan ini akan menimbulkan permasalahan yang besar kepada kerajaan, terutama nya usul bajet dan perbekalan negara.

Proses penentuan bahawa seseorang itu mempunyai sokongan daripada ahli-ahli dewan rakyat secara basic nya berdasarkan "First Pass the Post" (FPTP), iaitu siapakah yang melepasi Majoriti Mudah (MM). Tetapi tujuan utama bukanlah FPTP, tetapi siapa yang sebenar nya mempunyai sokongan "First Provider of Stability" (FPOS), iaitu siapakah yang boleh mendapat sokongan yang besar untuk membentuk kerajaan yang stabil dan tidak mudah jatuh supaya tidak berlaku perubahan kerajaan dengan mudah kerana terjadi sesuatu seperti kehilangan beberapa orang wakil rakyat atas mana-mana sebab, iaitu Majoriti Selesa (MS). MS adalah intipati sebenar kepada kepercayaan yang mahu diberikan kepada seseorang Perdana Menteri, bukan sekadar MM. Kalau diambil kaedah perlumbaan, garis penamat bukan nya pada garis 51%, tetapi jauh lebih keatas, seperti garis 60% atau pun lebih lagi. Sebaik-baik garis penamat adalah 67%, supaya ada 2/3 majoriti yang diperlukan untuk membuat mana-mana perubahan kepada perlembagaan, sekiranya perlu.

Kepincangan FPTP adalah terjadi nya pelbagai masalah, seperti tawar menawar jawatan, pembelian wakil rakyat, skema-skema serta komplot jatuh menjatuhkan yang terjadi dibelakang tabir. Satu skema boleh dijatuhkan dengan skema yang serupa. Maka terjadilah ketidakstabilan kerajaan yang bakal mewujudkan beberapa kerajaan dalam satu penggal parlimen. Adakah hal sebegini tidak baik? Ianya terjadi dibanyak negara, seperti negara United Kingdom. Ianya tidak menjadi masalah sekiranya pemimpin-pemimpin dapat membuat nya dengan cara yang baik, diatas sebab-sebab yang munasabah, seperti berlaku pertukaran pimpinan parti blok utama. Ini pertukaran hasil dari pertukaran dalaman. Tetapi sekiranya perbuatan penukaran tersebut melibatkan menukar mandat rakyat, ianya akan menimbulkan masalah public legitimacy yang menyukarkan sesiapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri. Sebagai contoh, timbul istilah kerajaan tebuk atap, pintu belakang, dan sebagai nya.

Oleh sebab itu, apabila terjadi pertukaran yang menukar mandat rakyat, ataupun juga pertukaran dalaman parti, sebaik-baik nya secara etika yang tinggi, seseorang yang baru mendapat mandat tersebut perlu mengabsahkan secara terbuka sokongan beliau di parlimen sesegera mungkin. Pengabsahan tersebut adalah dengan membuat undi percaya. Demikian juga sebaik-baik cara untuk menukar bukanlah dibuat diluar parlimen, dengan membuat usul undi tidak percaya. Kenapa hal demikian itu penting? Kerana ianya dibuat secara terbuka dan didepan khalayak ramai supaya wakil-wakil rakyat yang membuat keputusan tersebut diketahui umum, terutama nya pengundi-pengundi dari kawasan mereka. Wakil rakyat secara hakiki nya

mewakili rakyat dari kawasan beliau, dan bukan nya hak milik beliau secara peribadi. Inilah etika sebenar nya. Kalau tidak dilakukan sebegini, rakyat akan marah seperti yang tejadi di Pakistan baru-baru ini. Wakil rakyat dihumban dan dilemparkan batu oleh rakyat tempatan.

Dalam keadaan biasa, yang mana PRU menghasilkan keputusan yang jelas terhadap siapa yang mempunyai majoriti selesa, keputusan YDPA menjadi mudah dan tiada keraguan. Keabsahan tidak menjadi pertikaian. Tetapi sekiranya keputusan hanya mempunyai majoriti mudah sahaja, ianya akan menimbulkan banyak permasalahan kepada YDPA dalam membuat keputusan. Permasalahan tersebut bermula daripada bagaimanakah kaedah nya untuk memastikan jumlah tersebut akan kekal dan tidak berubah-ubah. Lebih-lebih lagi sekiranya tiada kaedah yang boleh mengikat wakil-wakil rakyat yang menyokong supaya tetap dengan sokongan mereka terhadap seseorang yang diberi sokongan. Walaupun ada undang-undang anti lompat parti sekalipun ianya tidak boleh menyekat seseorang wakil rakyat itu daripada menukar sokongan.

Permasalahan mambuat keputusan menjadi lebih rumit dan runcing lagi apabila terjadi nya keputusan tergantung. Tiada siapa yang mempunyai majoriti mudah. Ini biasanya akan terjadi apabila terdapat "multi-elite" parti politik yang menyebabkan pilihanraya dijalankan dengan lebih dari dua blok politik. Sebagaimana dijelaskan oleh Condorcet (1743-1794) manusia sukar membuat pemilihan sekiranya terdapat tiga atau lebih pilihan. Sebagai contoh, PH lebih disukai daripada BN, dan BN lebih disukai daripada PN, tetapi PN lebih disukai daripada PH. Apakah pilihan nya? Perbandingan menjadi circular process. Kalau terdapat empat pilihan, jarang kali pilihan keempat masuk kedalam perbandingan utama. Proses FPTP tidak lagi berpandukan kepada garis 51%, bahkan menjadi kurang. Kalau terbahagi tiga sama rata, garis 34% sudah memadai. Masalah nya apa akan terjadi kepada 66% pengundi yang tidak mendapat wakil mereka kepada perwakilan tersebut? Adakah mereka akan dinafikan hak bersuara mereka? Penafian sebegini akan menimbulkan keresahan yang besar dikalangan khalayak ramai.

Berlatarbelakangkan senario yang saya nyatakan diatas, apabila terjadi parlimen tergantung hasil daripada pemilihan parti "multi-elite" atau blok-blok lebih daripada dua, membuat penentuan keputusan siapa yang mendapat sokongan wakil rakyat yang meyakinkan menjadi satu permasalahan yang rumit serta kompleks. Pertimbangan yang perlu diambil bukan sahaja terhadap jumlah wakil-wakil rakyat, tetapi juga jumlah undian "popular" yang diperolehi. Ini adalah untuk mengambil kira 66% yang tidak dapat diwakili seperti yang dijelaskan diatas. Pertimbangan ini perlu diambil kira untuk membentuk gabungan antara blok. Gabungan dua blok yang terbesar undian "popular" adalah sebaik-baik gabungan yang lebih menjamin tiada penafian hak kepada pihak yang paling ramai.

Dinegara yang tidak mempunyai Raja Berpelembagaan, peyelesaian untuk menentukan siapakah yang paling layak untuk menjadi Ketua Eksekutif dibuat melalui badan yang lain sebagai penimbangtara yang terakhir atau muktamad. Kalau di Amerika Syarikat contoh nya, ia diputuskan di Supreme Court. Di Malaysia, proses ini diberikan secara mutlak kepada Yang DiPertuan Agong melalui klausa khusus didalam perlembagaan kita.

Prinsip penentuan ini sebenar nya berbalik kepada perkara yang saya nyatakan di awal-awal tadi - iaitu demokrasi berparlimen ini asal usulnya adalah "kerajaan" didalam erti kata "His Majesty's government" - kerajaan "milik" Raja. Penganugrahan Ketua Eksekutif adalah daripada Raja yang diwakili YDPA. Inilah prinsip asas yang mungkin di lupai sebahagian ahli-ahli politik, dan tidak difahami rakyat jelata.

Dengan kefahaman sebegini, sepatut nya tiada ungkapan seperti "peruabahan gol pos", atau "kerajaan di luar tabi'ie", dan sebagai nya. Maskud dan semangat kerajaan dan peranan YDPA terlalu jelas mengikut perlembagaan.

1.4 Sistem demokrasi yang sentiasa beradaptasi

Demokrasi adalah satu sistem. Mana-mana sistem yang wujud dalam kehidupan manusia mempunyai ciri-ciri kompleks dan juga kerumitan (complexity and complicatedness). Complexity berkait dengan hubungkait antara "agen-agen pemain" yang membentuk sistem tersebut. Dasar yang mengaturcara sistem demokrasi adalah perlembagaan dan undang-undang negara, yang mentakrifkan peranan serta tatasusila perlaksanaan. Perlembagaan serta undang-undang pula adalah suatu yang "invisible" (laws are invisible things) yang terhasil daripada pembuatan yang tidak sempurna dan perlu dibuat penyesuaian dari masa kesemasa. Kerumi-

tan pula terhasil daripada kedapatan pemain serta agen-agen pelaksana yang ramai dan banyak, melibatkan hampir keseluruhan penduduk negara yang layak mengundi serta agensi-agensi, badan-badan kerajaan, suruhanjaya serta badan kehakiman.

1.4.1 Adaptasi perubahan kecenderungan pengundi

Persoalan yang paling mendasar kepada sistem demokrasi yang bercirikan penyesuaian komplek adalah perangai pengundi (voters' behaviors). Pemilihan yang dibuat oleh pengundi tidak statik, tetapi berubah mengikut masa dan zaman. Perubahan ini disebabkan bermacam-macam perkara. Contoh nya, selepas kemerdekaan, isu yang menjadi keutamaan pengundi Malaysia adalah ancaman komunis dan keselamatan negara. Tetapi pada hari ini mungkin isu nya lebih kepada kos sara hidup. Voters concerns change through time.

Malangnya tiada rekod yang jelas boleh kita gunakan sebagai data yang reliable untuk mengkaji perkara ini. Yang ada ialah Hansard parlimen Malaysia yang mana perdebatan di parlimen boleh dikaji melalui pembelajaran mesin menggunakan teks Hansard tersebut. Kajian ringkas yang saya buat menunjukkan perubahan dari masa kesemasa. Yang jelas nya ialah berlaku perubahan secara perlahan-lahan dari masa kesemasa isu utama yang menjadi tumpuan perbahasan.

Kajian yang terperinci menggunakan data dibuat didalam buku: *Political Cleavages and Social Inequalities* (Harvard University Press, 2021) oleh Thomas Piketty dimana mereka mengkaji 50 buah demokrasi modern daripada 1948 sehingga 2020 memberikan gambaran bahawa bagaimana satu kumpulan masyarakat yang pada 1960an yang condong kepada "ideologi berhala kiri", akhir nya pada 1990an berbalik condong kepada "ideologi berhala kanan". Complete reversal dalam masa 30 tahun, atau hampir satu generasi. Dalam jangka waktu yang sama juga, kumpulan yang asalnya condong kekanan beralih kepada condong kekiri. Ini terjadi di Amerika Syarikat, German, Peranchis dan beberapa negara lain.

Malaysia juga mengalami fenomena yang sama. Disuatu masa dahulu, kepada generasi pasca merdeka, kecenderongan pengundi adalah kepada satu arah. Ini mungkin kerana latar belakang keadaan lebih meruncing kepada satu arah. Terdapat hegemoni yang berarahkan UMNO dan kedudukan orang Melayu. Kecenderongan ini terhakis perlahan-lahan demi perubahan masa dan zaman, yang mana golongan anak-anak mereka, terutama nya yang mulai terdidik dengan pengajian tinggi beralih arah kepada hala yang berbeza. Mungkin saya sudah tergolong dalam golongan ini. Mungkin juga UMNO sendiri tidak dapat berubah mengikut zaman dan terketinggalan kebelakang. Kelowongan ini di isi oleh PAS sebagai penolakan kepada UMNO dikawasan luar bandar. Mungkin juga ianya di isi oleh PKR didalam kawasan urban, sebagai mengisi kelowongan di kawasan bandar.

Apa hakikat sebenar nya yang menyebabkan perpindahan kecenderongan merupakan satu subjek yang perlu pengkajian lebih mendalam. Satu kepastian ialah sistem demokrasi tidaklah statik; berubah dari zaman ke zaman, perubahan yang perlahan-lahan dan tidak ketara dari satu PRU ke PRU yang lain, tetapi bila dilihat trend jangka panjang, ianya lebih nyata dan jelas. Trend ini memakan masa 25 tahun atau lebih (5 PRU atau lebih), barulah ianya kelihatan dengan nyata. Pengunaan terma "hala kiri" atau "hala kanan" hanyalah penunjuk kepada polarisasi, dan bukan nya pengertian yang mutlak (leftist or rightist). Kenyataan utama nya ialah wujud kekutuban yang sentiasa ada polarisasi di antara nya.

1.4.2 Adaptasi perubahan pusingan kekutuban

Satu lagi fenomena ialah perubahan kekutuban. Pada satu masa satu kutub yang lebih dominan dan berpegang kepada kuasa. Kemudian sedikit masa kemudian (selepas beberapa kali PRU), kuasa berpindah kepada kutub yang berlawanan. Contoh hal ini jelas di Amerika Syarikat, bagaimana pusingan peralihan penguasaan kongres dan senat, yang bersilih ganti di antara republikan dan demokrat. Bahkan sistem di AS sudah sampai ketahap dimana Presiden nya dari republikan, sementara kongres dan senat dikuasai oleh demokrat, dan sebalik nya pula akan terjadi sedekad kemudian. Pengundi mulai bosan dengan satu kutub, berpindah ke kutub yang berlawanan.

Malaysia belum lagi melihat fenomena sebegini. Mungkin ianya belum lagi sampai ketahap sedemikian. Tetapi kalau diperhatikan di peringkat negeri, hal yang sedemikian sudah pun mula wujud. One set of

government ruling for a while until they started to screw up, then people get fed up and start to choose the opposite set. Sebagai contoh di negeri Terengganu, silih berganti diantara PAS dan UMNO/BN sudah pun terjadi. PRU 1999 PAS memerintah Terengganu, berbalik kepada BN/UMNO pada PRU 2004. BN/UMNO hampir jatuh dalam PRU 2013, dan akhir nya jatuh teruk pada PRU 2018 kepada PAS. Berapa lama PAS boleh bertahan di Terengganu merupakan satu persoalan yang patut difikirkan oleh orang Terengganu. Perhatikan kekutuban yang ada: PAS vs UMNO, bukan nya PH. PH tidak wujud dalam kekutuban negeri Terengganu. Hal yang sama boleh diperkatakan tentang negeri Kedah.

1.4.3 Adaptasi perubahan kawasan mengundi dan tempatan pengundi

Ketentuan kawasan mengundi (electoral boundaries) dan tempatan pengundi (voters registration) juga menjadi perkara penting. Mengikut perlembagaan, persempadanan semula kawasan pengundian mesti dibuat sekurang-kurang nya 8 hingga 10 tahun sekali. Ketentuan kawasan bergantung kepada pengundi terdaftar didalam kawasan-kawasan tertentu berpandukan kepada dapatan daripada bancian penduduk (census) terkahir yang dibuat.

Pengundi berdaftar juga menjadi perkiraan. Dengan ada nya undi 18, bermakna terdapat ramai pengundi baru yang akan menjadi "first time voters". Penempatan pengundi, iaitu samada mereka mengundi ditempat asal mereka (seperti ramai orang Kelantan yang menetap dan bekerja di luar Kelantan), masih memilih untuk mengundi di kampung asal mereka. Sebagai contoh, saya sendiri sampai sekarang masih berdaftar pengundi di Pasir Mas, walaupun telah menjadi warga Ampang dari tahun 1990an. Anak-anak saya, semuanya sudah diatas umur 18, mengundi di Ampang.

Demikian juga pengundi yang dikatakan sebagai "safe deposit" bagi BN/UMNO daripada anggota beruniform serta pegawai kerajaan, sudah tidak lagi menjadi "fixed deposit" kepada mana-mana pihak. Kedudukan kem-kem askar tidak semesti nya menjamin hasil yang jelas. Sedikit masa lagi apabila undi pos sudah menjadi lebih efisyen atau undi melalui peranti digital diperkenalkan, boleh menjadi tumpuan pengundi untuk membuat "mob targeting" supaya berpakat beramai-ramai mendaftar di kawasan yang menjadi sasaran. Nada sedemikian sudah berbunyi daripada posting facebook pemimpin PAS menimbulkan rasa kebersalahan kepada pengundi Melayu-Islam kerana tidak turun mengundi atau tidak menggunakan undi pos, sedangkan tuduhan dibuat kepada DAP dan kaum cina yang lebih giat dan aktif melibatkan diri dalam turun mengundi. Ada juga posting daripada Kedah mengalakkan pengundi asal Kedah supaya beramai-ramai mendaftar di Selangor supaya target seterusnya, setelah menang besar di Kedah, mengambil alih Selangor pada PRN akan datang.

Demografi serta geografi pengundi juga menjadi satu perkara yang penting. Kecenderungan golongan yang sudah tua (ageing voters), seperti kawasan parlimen Tanjong di Pulau Pinang (dimana "average voters age" antara yang tertua di Malaysia) sudah pasti berbeza dengan Pengkalan Chepa, Kelantan, yang mana purata umur pengundi yang jauh lebih muda.

Dalam kata ringkas, pemain-pemain akan cuba "game" kan permainan supaya kelebihan akan memihak kepada puak mereka. Inilah adaptasi yang saya maksudkan.

1.4.4 Adaptasi manipulasi golongan pengundi

Pengundi memang biasa terbahai kepada pelbagai golongan. Golongan yang berumur 50 tahun keatas, berumur 30 tahun kebawah, golongan wanita dan golongan lelaki. Golongan berpendidikan tinggi dan rendah, berpendapatan tinggi dan rendah, dan sebagai nya.

Melalui kewujudan peranti digital dan media sosial, manipulasi sentimen pengundi akan menjadi pebih rancak. Pengunaan Facebook di Amerika satu ketika dahulu melalui Cambridge Analytics sudah menjadi pengetahuan umum. Kumpulan yang sama mencuba manipulasi PRU Malaysia pada 2018 melalui Facebook dengan pendanaan yang cukup lebat sudah pun terjadi. Kaedah yang sama juga digunakan dalam PRU15 melalui Tik-Tok sudah jelas kepada mata ramai.

Golongan yang paling vulnerable adalah golongan muda yang belum memahami tanggungjawab demokrasi yang baik. Kadang-kadang dengan wang bayaran untuk pulang mengundi sudah cukup untuk memanipulasi mereka. Pengunaan naratif yang ringkas tetapi teramat negatif memang menjadi taktik yang memang

berkesan. Teknik menjadikan sesuatu supaya viral memang mudah, dengan menggunakan akaun berbayar Tik-Tok supaya capaian yang lebih luas dihasilkan dengan cepat. Semuanya ini bukan baru. "Black ops", sebagai istilah memang sudah lama wujud. Hanya medium yang digunakan berbeza, tetapi taktik serta teknik tidak berbeza, iaitu membuat tuduhan keji serta fitnah yang tidak dapat dibalas dengan cepat oleh pihak lawan.

Persoalan yang tinggal hanyalah etika pemimpin. Adakah kita sanggup membuat "percanduan" sehinggakan naratif yang dibawa menjadi kepercayaan mendalam kepada pengundi? Percanduan akan memberikan tahapan toxicity yang memanjang dalam bentuk suhu pilihanraya. Bagaimana pemimpin mahu "detox" kecanduan yang terjadi dengan kadar yang cepat supaya impak mabuk dapat dibuang dan dihilangkan dengan segera?

1.4.5 Adaptasi perlembagaan serta undang-undang

Perlembagaan serta undang-undang didalam mana-mana demokrasi sentiasa memerlukan pengubah-suaian demin untuk menangani perubahan-perubahan yang diperlukan untuk menangani kesenjangan serta ketidak-seimbangan yang mungkin wujud. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum nya, sistem demokrasi bukanlah sempurna, dan perlu penambah-baikan berpanjangan (a continously evolving process).

Sebagai contoh, apabila tiada lagi sistem "dwi blok" dan terdapat apa yang dikatakan sebagai "sistem parti berbilang elit", maka keperluan kepada undang-undang "anti lompat parti" sudah menjadi satu keperluan untuk kestabilan. Terutama nya apabila sistem yang dipakai adalah FPTP atau Majoriti Mudah sebagai penentu. Keadaan ini akan memberikan insentif besar kepada wakil-wakil rakyat untuk di "beli" atau mengubah sokongan secara peribadi dengan mudah. Konsep "blok" dan juga "whip" mesti ada. Terjemahan "whip" ke Bahasa Malaysia adalah "sebat". Di United Kingdom, "whip" sudah wujud dari 1800an, sementara di Amerika Syarikat pada awal 1900an. Ianya sudah menjadi satu amalan lazim.

Hal yang sama juga perlu disebut berkenaan dengan pendanaan politik. Ini satu perkara yang perlu penjelasan dan kemungkinan ada nya undang-undang khusus untuk memastikan kelangsungan pilihanraya serta risiko politik negara. Sebagaimana diterima umum bahawa "pembelian undi" dan juga "rasuah undi" adalah perkara yang tidak dibolehkan. Tetapi amalan ramai sudah mengetahui bahawa pilihanraya serta parti-parti politik perlukan pendanaan yang besar. Di Malaysia, sebagai contoh nya perkataan "Cash is King" sudah pun diketahui ramai bahawa ianya menggambarkan kepentingan wang untuk memenangi serta manipulasi dalam pilihanraya.

Permasalahan juga terjadi apabila kes-kes rasuah boleh ditafsirkan sebagai ejen kepada parti sebagai derma politik. Secara hakikat nya, sememang nya tidak ada masalah sekiranya seseorang ahli perniagaan mendermakan sebahagian keuntungan beliau untuk parti politik dan pilihanraya. Ini adalah norma yang terjado dimana-mana negara sekalipun. Masalah nya ialah apabila terdapat konflik kepentingan, seperti apabila kontrak yang diperolehi dianugerah oleh seorang yang memegang jawatan dalam kerajaan, seperti seorang menteri. Disini menjadi permasalahan besar kerana ianya menjadi satu perkara yang berunsurkan rasuah, iaitu pemberian kontrak yang didapati dengan janji imbuhan serta penunaian imbuhan tersebut. Pengertian rasuah ialah "meminta" atau "menjanjikan" atau "menerima" imbuhan kepada transaksi tersebut.

Sudah sampai masa nya juga di Malaysia untuk menyelaraskan hal pendanaan politik melalui undang-undang yang harus digubal sebelum PRU16 nanti.

Akhir kata, tiada undang-undang yang akan menutupi kesemua kelowongan yang ada. Tetapi ini bukan mesti menjadi hujah utama. Ketiadaan undang-undang langsung adalah lebih membahayakan daripada ada nya undang-undang walaupun tidak semesti nya sempurna. Undang-undang boleh diubah suai dari masa kesemasa untuk menutup kelowongan tersebut. Improvisation over time.

1.5 Idealisma demokrasi

Oleh kerana sistem demokrasi yang mempunyai terlalu banyak kepincangan yang ketara, sebarang harapan bahawa demokrasi adalah satu-satu nya jalan terbaik untuk kenegaraan adalah amat meleset. Namun ianya satu-satu nya cara yang ada untuk untuk keterlibatan dalam politik negara, maka kita tiada pilihan kecuali

untuk menggunakannya dengan sebaik mungkin. Caveat yang perlu kita ambil ialah dengan memahami bahawa ianya penuh dengan kepincangan, lantaran itu kita mestilah bersedia untuk menghadapi karenah sistem demokrasi dan mengambil sikap bahawa ianya sentiasa perlu diperbaikkan. It is a less than perfect system. Sebarang idealisma mesti disertai dengan kefahaman terhadap realiti semasa.

2 PRA PILIHANRAYA UMUM KE 15

Keadaan yang wujud sebelum PRU ke 15 adalah suatu yang dicirikan dengan ketidakstabilan serta kekecohan yang berpanjangan. Ianya terjadi semenjak kemenangan Pakatan Harapan dibawah Tun Dr. Mahathir, yang menjadi terjadi perpindahan sebahagian wakil rakyat UMNO kepada Bersatu serta tekanan-tekanan politik serta undang-undang kepada UMNO. Lagkah tersebut walaupun dilihat sebagai memperkuatkan Pakatan Harapan, tetapi sebenarnya lebih kepada melemahkan UMNO dan menambahkan kekuatan Bersatu dalam PH. Dalam waktu yang sama, sebahagian daripada wakil rakyat PKR juga ditarik bersama, dan ianya berakhir dengan Langkah Sheraton yang menaikkan Bersatu sebagai tonggak utama kerajaan melalui Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagi ketua.

Langkah ini menimbulkan reaksi baru yang mana menyebabkan terjadi Pilihanraya Negeri Sabah, dan pergantian kerajaan negeri Sabah kepada Tan Sri Hajiji dari Bersatu. Ianya pula diikuti dengan langkah undi tidak percaya kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin dan berakhir dengan kejatuhan kerajaan beliau diganti oleh Dato' Seri Ismail Sabri dari UMNO. Keadaan ini tak lain hanyalah sebagai satu stop gap measure sementara PRU ke 15 boleh diadakan sebagai jalan keluar daripada impasse yang wujud.

Disini saya akan melakarkan rentetan events sehinggalah PRU ke 15 diselesaikan.

2.1 Ramalan Sebelum Pilihanraya Umum ke 15

Saya meneliti setiap gerak ahli-ahli politik daripada semenjak awal tahun lagi. Anggaran saya, pada waktu itu, parlimen akan dibubarkan takkan menjangkau waktu jauh melebihi bulan Julai 2022. Iaitu waktu tempoh yang dinyatakan didalam MOU antara pembangkang dengan kerajaan DS Ismail Sabri. Yang penting nya, Akta Anti Lompat Parti mestilah sudah diusaikan. Ia nya termaktub dalam salah satu klausa MOU tersebut. Kelulusan dibuat dan termaktublah akta tersebut pada 5 Oktober 2022. Setelah selesai, jelaslah bahawa waktu pembubaran sudah tiba.

Diwaktu itu, banyak suara-suara yang menyatakan waktu banjir sudah hampir tiba. Lebih baik pembubaran ditangguh ketahun hadapan, seperti bulan March 2023. Lantaran ianya memberikan semua pihak membuat persedian awal dan tidak terburu-buru mengejar waktu banjir.

Tapi akhir nya pada 10 Oktober 2022, parlimen dibubarkan. Maka sahlah akan terjadi pilihanraya, yang pada waktu itu saya jangkakan antara 15 - 20 November. Ternyata itulah apa yang terjadi.

Artikel disini saya poskan di Facebook saya membuat telahan terhadap perkara ini.

2.1.1 Ramalan cuaca hujung tahun

20 September 2022

Ramalan cuaca adalah suatu perkara yang paling sukar dalam pengamalan sains data. Pertamanya, kerana data yang didapati mempunyai "volatility" yang luar kebiasaan. Keduanya, "bias" yang menjurus kepada "recent observations" terlalu tinggi. Mutakhir ini ramai yang menyatakan cuaca pada tahun ini agak luar biasa daripada tahun-tahun yang lalu. Hujan nya agak berlebihan dan cuaca selalu mendung dan berawan. Adakah data yang didapati membenarkan pemerhatian tersebut?

Saya tidak sempat untuk membuat penganalisaan data terperinci untuk menidakkan atau membenarkan hal ini. Kalaupun saya sempat, berpandukan pengalaman kerja data yang pernah saya jalani, hasil kajian nya nanti juga berkemungkinan besar "non-conclusive". Ini disebabkan dua faktor yang saya nyatakan di awal tadi.

Dalam sains data, ada suatu perkara yang sentiasa menghantui kita - iaitu bagaimanakah cara kita menggunakan "past data" untuk membuat ramalan terhadap "future events". Satu andaian yang kita buat adalah proses yang dikaji mematuhi hukum "law of large numbers". Ramalan cuaca malangnya adalah satu proses yang tidak mematuhi hukum ini.

Sebaliknya, ramalan cuaca sama juga dengan ramalan politik (i.e. voters behavioral predictions), lebih mirip kepada "power law" dalam kaedah statistik. Purata taburan hujan yang terjadi pada tahun ini mengikut

data yang diperolehi tidaklah melangkaui jauh daripada tahun-tahun lepas. Yang berbeza sedikit adalah jumlah hujan yang turun dalam waktu singkat (time factor differs).

Jumlah hujan dalam waktu yang singkat boleh menyebabkan banjir, berbeza dengan dengan jumlah "total" hujan yang turun. Bayangan mudah - jumlah air satu baldi, biasanya air dicurahkan dengan kaedah dripping, tetapi sebaliknya tiba-tiba ianya dicurahkan sekali gus. Yang pertama tidak menyebabkan banjir, tetapi sebalik nya yang kedua menyebabkan banjir kilat. Yang lebih parah lagi sekiranya penampungan air tidak wujud. Air yang dicurahkan mengalir deras diluar kebiasaan. Ini yang membawa bencana. Ini bukan disebabkan "acts of nature", tetapi ianya adalah perbuatan manusia yang merosakkan alam.

Kesimpulan nya - cuaca memang sukar diramal, tetapi risiko "extreme events" lebih mudah dikenali. Kawasan yang "flood prone" mudah dikenal pasti (in fact it is known without any predictions). Kebarangkalian hujan turun secara purata nya memang juga mudah di hitung. Yang lebih sukar ialah untuk menghitung perangai manusia.

Kalau nak buat pilihanraya kerana keperluan politik, buatlah. Tak perlu gunakan cuaca sebagai isu. Kalau tak nak buat lagi pilihanraya kerana belum siap, tangguhlah sampai dah siap. Masalahnya, siapa yang nak tentukan dah siap ke belum? Yang ni kata dah siap, yang tu kata belum. Cuaca dunia dan negara tidak berpandukan hukum politik. Kalu nak banjir, bagi saya orang Kelantan, kita balik "main bah". Memang seronok.

Nota kaki: Akhir nya memang terbukti bahawa hujan turun lebat sewaktu masa kempen pilihanraya. Banjir melanda banyak negeri pada penghujung Disember tahun 2022.

2.1.2 Ketidakstabilan politik negara

Sebelum lagi PRU15 terjadi, saya sudah mengkaji kemungkinan samada ianya akan membawa kepada satu penyelesaian kepada ketidakstabilan politik negara. Jelas kepada saya bahawa akan terjadi pertarungan banyak penjuru terhasil daripada "stalemate" diantara tiga pemain utama, iaitu PH, BN, dan PN.

Tiada kemungkinan terjadi pergabungan antara PH dan BN (kerana sudah ada No DAP, No Anwar), demikian juga BN dan PN (PN menyatakan secara jelas BN adalah musuh mereka), dan tiada kemungkinan langsung pergabungan PH dan PN (DAP vs PAS). Parti Sarawak sudah awal-awal menyatakan peranan sebagai "King maker".

Parti BN dan PN tak saling sebagai pemain Dam Aji- makan memakan, dan mahu siapa dulu "naik aji". Ini membawa makna bahawa pertarungan sebenar adalah diantara mereka dalam memenangi kerusi-kerusi perlawanan yang "direct".

Hal ini saya nukilkan didalam penulisan saya, "Main Aji Soseh".

2.1.3 Main aji dam soseh

11 Oktober 2022

Di suatu zaman dahulu kita sering main dam aji. Dalam permainan ini sering terjadi adalah kita mungkin terperangkap dan akan kalah. Lantaran itu strategi yang kita ambil ialah untuk mendapatkan position "soseh" dalam bahasa Kelantan, di mana-mana penjuru papan.

Saya cuba menjelaskan apa yang terjadi dalam politik Malaysia semenjak PRU14. Perumpamaan terbaik datang daripada kekanda saya Wan Izuddin dalam satu patah - "aji soseh". Keadaan ini bermula daripada kemenangan PH yang mana kedudukan PH adalah sudah "soseh". Satu geng dalam PH sebenarnya sudah terperangkap, langsung membuat gabungan dengan lawan, dalam nama Perikatan Nasional, PN. Ini pun soseh jugak. Sebelum itu, dua "musuh" membuat satu "pact" bawah nama Muwafakat Nasional, MN, pun soseh jugak. Akhir nya satu kerajaan campuran dibuat dibawah DS Ismail Sabri. Ini adalah soseh terakhir, dah tak da jalan lagi dah.

Dalam bahasa biasa "aji soseh" ini ialah "stalemate". Jalan keluar dari kebuntuan yang sebenarnya bukanlah penyelesaian. Tiada siapa yang menang, tiada penghujung dan jalan keluar kecuali memulakan permainan baru. Buka papan baru, bak kata permainan "aji", kita start semula.

Dari awal lagi, semenjak terjadinya langkah Sheraton, saya menjangka kan penghujung nya sama, iaitu membuka papan baru, melalui PRU15. Saya secara peribadi memberikan pandangan bahawa jawatan Perdana Menteri ke-9 adalah yang terpendek dalam sejarah Malaysia. Not worth to fight for at all cost; better to avoid at all cost. Fokus kepada "game" baru, iaitu PRU15. Pemikiran saya ini berdasarkan beberapa kaedah "usang" dalam analitik, iaitu "Pemikiran Sistem" (Systems Thinking) dan juga "Teori Permainan" (Game Theory). Berdasarkan gabungan kedua-dua kaedah, apa terjadi adalah suatu yang boleh digambarkan dalam permainan "Dilema Banduan" (Prisoner's Dilemma). Keseimbangan yang dicapai akan terungkai dalam jangka masa yang singkat. Quickly unravelling equilibrium. Hasil sebegini sudah menjadi satu kepastian.

Ini adalah disebabkan "ganjaran dan hukuman" mempunyai kesenjangan yang terlalu besar (big gaps in rewards and punishments). Oleh itu, mana-mana pihak yang ingin mengambil jalan yang lebih selamat, kurangkan skop ganjaran dan hukuman. Inilah kaedah pengurusan risiko yang lebih baik. Dalam kaedah politik, jalan ini adalah melalui tiada lagi "winner takes all" dan "loser lose all". Mesti bersiap sedia untuk mencari jalan keluar dengan tidak menghukum "musuh" dan juga siapa yang menang mesti memberikan jalan untuk sistem semak imbang yang lebih berkesan.

Kalau inilah langkah yang bakal diambil semua pihak, selepas PRU15 kemungkinan wujud kestabilan politik sekurang-kurang nya satu penggal lebih probable. Kalu tidak, kita semua akan berbalik kepada "main aji soseh". Rakyat akan mual dan loya dengan politik dan ahli politik kesemuanya.

2.1.4 Pembubaran parlimen dan persiapan kempen PRU15

10 Oktober 2022

Sebaik sahaja pengumuman pembubaran Parlimen ke14 disahkan. Saya terus membawa kesedaran kepada suatu yang sudah diketahui ramai, bahawa PRU15 ini akan merupakan satu pertarungan melalui dunia digital. Perkara yang paling saya khuatirkan adalah pengunaan medium ini secara tidak terkawal dan boleh memberikan kesan yang buruk.

Lantaran itu saya memperingatkan kesemua supaya menggunakan nya dengan pintar dan berhemat. Cara yang paling baik dan beretika ialah dengan "tidak menggunakan" sebarang "feedback" daripada analisa meta, yang cukup membahayakan. Pengunaan analis meta adalah untuk "memviralkan" sesuatu mesej dan juga digunakan sebagai "targeting" kepada kelompok dan orang-orang sasaran, terutama nya golongan muda.

Saya juga menyarankan bahaya kebergantungan kepada peranti-peranti Facebook, WhatsApp, Google dan sebagai nya. Saya juga diberitahui melalui komen-komen yang diterima, peranan Tik-Tok dikalangan orang muda.

Hasilnya sudah kita ketahui sekarang bagaimana Tik-Tok menjadi laman utama untuk menyebarkan fitnah dan adu domba yang amat berat.

2.1.5 Prinsip KISS dan peranan teknologi digital dalam PRU15

11 Oktober 2022

Zaman sekarang sudah menjadi pilihanraya digital. Jangkauan digital dikalangan pengundi amat meluas (data mutakhir: 24 juta pengguna yang aktif di Malaysia). Diantara medium yang paling meluas ialah Facebook daripada Metaverse. Kalau sistem pesanan adalah WhatsApp. Sekarang WhatsApp juga adalah dimiliki oleh Facebook/Metaverse group. Tersembunyi dibelakang adalah Google.

Sewaktu PRU14 yang lalu, saya memberikan tumpuan melihat bagaimana sesetengah pihak menggunakan konsultan untuk menggunakan Facebook sebagai jalur manipulasi. Hasilnya adalah "disasterous". Saya juga mengimbangi kajian saya dengan melihat analitik daripada Google. Hasilnya lebih tepat, walaupun masih terdapat banyak "pockets of errors".

Apa bezanya antara Facebook/Metaverse dengan Google? Facebook/Metaverse menggunakan algoritma yang mereka milki, dikenali sebagai "Meta". Sementara Google masih berpandukan kepada enjin carian dan "google brain". Kedua-dua nya sudah membesar menjadi "self running engine" atau lebih kepada

kecerdasan pintar buatan (AI), Virtual reality (VR), dsbnya. Tiada perorangan yang menjadi pengatur kepada algoritma-algoritma tersebut. Facebook lebih banyak "noise" berbanding dengan Google.

Sudah tentu dalam PRU15, hype pengunaan peranti digital sebagai medium kempen dan jalur analitik bangkit semula dikalangan parti politik dan juga calun-calun yang bertanding. Ramai pihak analitik akan menawarkan perkhidmatan mereka kepada "pelanggan" pada harga yang pelbagai. Akhirnya banyak duit akan tertelan dan hangus dalam proses tersebut. Kenapa? Pertamanya, ramai penganalisa analitik digital tidak dapat membezakan antara "kebisingan" ("noise") dan "isyarat" ("signal"). Mereka gagal untuk membuat penapisan (filtering) data untuk mengasingkan apakah sebenarnya kehendak dan perangai pengundi, yang kebanyakan mesej mereka adalah bersifat kebisingan ("noise"). Sedangkan "isyarat" sebenarnya lebih tersembunyi.

Keduanya, proses untuk tangkap ("capture") data adalah bersifat data raya ("big data"). Ianya memerlukan kuasa pengkomputeran ("computing power") yang amat besar. Tiada siapa di Malaysia ini yang mempunyai kemampuan tersebut kecuali Meta dan Google.

Ketiganya, kepakaran dan pengalaman data. Jumlah nya tak ramai di Malaysia, terutamanya pengalaman data. The intelligence in analyitics can't surpass the knowledge of the analyzer. You need experienced analyzer, not just the data.

Nasihat saya mudah sahaja: gunakan peralatan dan peranti digital sebagai "one way tool", iaitu untuk menyampaikan mesej dan bukan nya untuk meraih "feedback". Kedua nya, "keep it simple, stupid" (KISS principle) sebagaimana nasihat pakar kempen Bill Clinton satu waktu dahulu. KISS bermakna mesej yang nak dibawa dan disampaikan tak lebih daripada satu, dua, tiga. Iaitu naratif utama. Mesti jelas dan membawa perbezaan ketara (Unique Selling Proposition, USP) daripada lawan. Mesej mesti menjurus daripada naratif kepada "action". Action dalam kes ini adalah membuang undi untuk mencapai maksud.

Malangnya setakat ini semua parti masih kemelut dengan hal-hal dalaman. Masa yang ada amat singkat. Siapa yang cepat bergerak kearah keluar dari kemelut dalaman dan bergerak kearah membawa naratif yang mudah (KISS) dan berjaya menjuruskan kepada "action" pengundi, itulah yang lebih berpotensi untuk menang.

Perantara digital hanyalah alat dan bukan nya matlamat. Gunakanlah perantara ini dengan hemat dan pintar.

2.1.6 Teori pembelajaran sosial

18 Oktober 2022

Sewaktu belajar statistik di Iowa, buku yang saya pakai oleh DeGroot dan juga oleh Bob Hogg. Sejak saya membuat kerja analitik saya membaca berkenaan dengan Teori Pembelajaran Adaptif (Adaptive Learning Theory) di dalam Pembelajaran Mesin (Machine Learning). Sewaktu belajar PhD juga saya membuat kajian berkenaan dengan Teori Pilihan Rasional (rational choice theory) terutamanya Arrow's Social Choice Theory (Teori Pilihan Sosial). Dalam pada itu terserempak dengan Teori Pembelajaran DeGroot. Asas kesemua nya adalah berpandu kan kepada teori kebarangkalian (probability theory) dan juga Bayesian Learning.

Aplikasi saya sewaktu dulu adalah tertumpu kepada pasaran modal dan saham. Yang menarik nya konsep dan pemahaman yang sama boleh digunakan juga terhadap pilihan raya dan proses demokrasi, menjurus kepada voters' behavior dan pilihan pengundi.

Persoalan asas nya, adakah pengundi secara kolektif cukup bijak untuk membuat pilihan terbaik (i.e. rasional) untuk mereka? Apakah proses yang mereka jalani untuk membuat keputusan? Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi mereka membuat keputusan?

Secara asasnya manusia akan belajar daripada orang lain, terutamanya di dalam "circle of influence" mereka. Terdapat "opinion leader" dalam circle mereka. Dalam keadaan dunia digital sekarang "circle" atau lingkungan, serta opinion leader wujud melalui dunia maya melebihi daripada dunia interaksi fizikal. (Digital hub and spoke). Lantaran itu kewujudan pembelajaran adaptasi bergerak melalui alam maya dan tidak dapat dikesani secara fizikal.

Tanpa medium digital, proses pembelajaran memakan waktu untuk "spread" dan menemui permuafakatan (consensus). Kini proses ini dipercepatkan dan kemungkinan mencapai satu kata setuju dalam waktu yang singkat lebih tinggi. Ada ciri-ciri "cascading" dan juga "homophily". Ini yang diperkatakan dalam konsep "liquid democracy" (demokrasi cair). Maksudnya, satu kata setuju dapat dicapai dengan cepat, tetapi waktu yang sama juga pilihan yang dibuat mudah berubah dan berubah pada saat-saat akhir.

Teori dan konsep ini telah banyak kali teruji dalam kebanyakan pilihanraya kebelakangan ini. Minat saya adalah untuk memahami samada proses sebegini, dalam dunia maya sekarang dan pengundi-pengundi yang rata-rata nya terpaut dengan dunia digital, adakah ianya juga terjadi di Malaysia.

2.2 Gendang Pilihanraya

Satu faktor yang penting yang akan menjadi penentu utama PRU15 adalah peratusan keluar mengundi. Anggaran saya pada waktu itu, peratusan keluar mengundi adalah persekitaran 70% hingga 75% sebagai purata untuk seluruh negara Malaysia.

Faktor keluar mengundi amat bergantung kepada samada cuaca buruk terjadi, seperti banjir besar, dan juga samada cuti diberikan untuk orang balik mengundi, bagi mereka yang menetap jauh dari kampung tempat mengundi.

Saya umpamakan perihal ini dengan "gendang sudah dipalu, adakah orang akan turun menari", menggambarkan keadaan apabila tarikh PRU15 sudah ditetapkan, iaitu pada 19 November 2022. Tarikh ini diumumkan pada 21 Oktober 2022 oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Bertepatan dengan jangkaan saya yang awal sebelum nya tadi.

Dalam kajian saya, pengunaan media sosial boleh menggerakkan orang ramai untuk turun mengundi dengan ramai, sekiranya "paluan" yang dibuat melalui nya cukup kencang dan kuat. Ini yang saya maksudkan dengan "turun menari" tadi. Ketularan paluan yang kuat adalah paluan berbentuk "negatif" kerana ianya akan lebih berkesan, berbading dengan paluan yang moderate. Keadaan sebegini amatlah merbahaya, kerana sekiranya niat jahat serta manipulasi boleh mnejadi satu yang tular dan sukar dikawal. Ini yang saya maksudkan dalam penulisan "Tabiat tular dan teori fizik sosial".

2.2.1 Gendang sudah dipalu, adakah orang akan turun menari?

21 Oktober 2022

Tabiat manusia untuk tidak tersisih daripada keramaian adalah suatu yang sudah lumrah. People tends to join the dance to the tune of the music. Adakah perkara yang sama terjadi dalam pilhanraya?

Jumlah keluar mengundi untuk Parlimen di Malaysia:

Tahun	Pengundi	Mengundi	Peratus
1999	9.6 juta	6.6 juta	68%
2004	9.7 juta	7.2 juta	74%
2008	11 juta	7.9 juta	73%
2013	13 juta	11 juta	84%
2018	14 juta	12 juta	82%

Jawapan nya, YA, lebih dari tiga suku (>75%) pengundi keluar mengundi. In satu pertanda baik.

Untuk PRU15, 2022, pengundi terdaftar adalah lebih 20 juta. Adakah jumlah pengundi yang akan keluar mengundi mencapai angka 15 juta atau lebih? (reaching the 75% threshold?) Secara dasar nya, siapa yang pernah mengundi lazim nya akan keluar mengundi (at above 85% rate). Bermakna daripada 12 juta, iaitu lebih 10 juta akan keluar mengundi lagi. Daripada pengundi baru (first timers), jumlah nya hampir 6 juta - berapakah peratusan mereka ini akan keluar mengundi? Sekiranya peratusan mereka yang akan keluar mengundi melebihi 50%, jumlah nya adalah 3 juta.

Jangkaan saya adalah seperti berikut:

1. Orang yang pernah mengundi berkemungkinan besar akan turun mengundi: Jumlah 11 juta
2. Pengundi baru, tak lebih 50% akan turun mengundi: jumlah sekitar 3 juta.
3. Jumlah pengundi yang akan turun mengundi: anggaran kasar 14 ke 15 juta.
4. Peratusan mengundi: akan berbalik kepada peratusan tahun 2004 & 2008: 70%-75%

Persoalan utamanya - kepada gendang siapa pengundi akan menari? Ianya tak lebih daripada konsep "war drums". The louder it is the better. Siapa lagi kuat palu, lagi lebih didengari dan di ikuti. Dan penting juga konsep penyegarakan (synchronization) paluan - kalau ada yang sumbang dalam paluan, ianya tidak membantu. Bahkan ianya boleh merosakkan irama paluan. Gendang paluan utama adalah siapa calun perdana menteri. Lumrahnya, gendang ini menjadi gendang tumpuan. Disini PH kelihatan lebih jelas dan mantap. One voice one contender. BN - masih kabur-kabur, dengan menggunakan terma "poster boy". Gendang kedua ialah naratif atau manifesto. Disini ada dua irama: satu - rasuah, dua - kestabilan. Mana yang lebih kuat?

Akhir nya, berjayakah paluan-paluan gendang menarik turun pengundi untuk mengundi? Kalau jumlah pengundi keluar mencapai julat 75% keatas - ini satu pertanda baik untuk negara. Kalau jumlah nya tidak melebihi 50%, itu satu pertanda yang orang sudah jemu dan mual dengan politik negara.

Saya sendiri masih optimistik. Too early to give up on people. Hasilnya penting - iaitu mesej yang jelas dan kuat - bahawa suara rakyat adalah suara yang keramat. Kalau rakyat tidak bersuara, sistem politik tiada semak dan imbang. Sistem demokrasi hanya berfungsi baik dengan adanya semak dan imbang yang utuh.

2.2.2 Tabiat tular dan teori fizik sosial

22 Oktober 2022

Satu pemerhatian daripada media sosial ialah kewujudan "dunia mampat" (Small World Property) didalam jaringan atau rangkaian manusia. Kewujudan ini menyebabkan suatu tabiat (behavior) boleh menjadi tular dengan cepat dan merebak. Penyemarakan tabiat secara begini menjadi lumrah baru (new normal) dalam dunia digital hari ini.

Kenapa perkara sebegini boleh terjadi? Adakah penyemarakan (spreading) yang terjadi merupakan satu proses yang mudah (simple)? Atau ianya adalah satu proses yang kompleks? Ini persoalan yang dijawab oleh dua buku yang saya paparkan disini. Damon Centola (UPenn) dan Alex Pentland (MIT). Ada beberapa perkara yang perlu saya ketengahkan dari rumusan kedua-dua penyelidik:

1) Kewujudan proses tidaklah terlalu rawak atau rambang. Iaitu terdapat kewujudan "dunia kecil" (Small World) didalam rangkaian/jaringan hubungan manusia.
2) Proses "meresap" (percolation) dan juga "melata" (cascading) mudah terjadi dengan kadar yang amat cepat.
3) Keadaan sedia ada (Pre-existing conditions) dan titik permulaan proses (the starting point) juga memainkan peranan penting didalam penyemarakan.

Keadaan sebegini amatlah membimbangkan kerana sesiapa yang boleh mengkaji dan memahami titik-titik kelemahan boleh menggunakan nya untuk memanipulasi orang ramai untuk tujuan yang tidak baik. Masyarakat tiada ketahanan dan imuniti terhadap kelemahan ini. Hal ini sama juga dengan penyemarakan COVID-19. Tiada imuniti semulajadi (natural immunity). Inilah cabaran untuk dunia digital dizaman ini.

Saya berharap dan berdoa agar masyarakat negara kita terlindungi dari musibah sebegini, sebagaimana juga sewaktu musibah COVID kelmarin. Penyelidikan saya sewaktu COVID melalui program "PASCA COVID" banyak memberikan gambaran pola dan struktur masyarakat Malaysia. Jawapan sewaktu itu tidak lain melainkan adanya vaksin untuk mendapat imuniti berkelompok. Saya juga berpendapat pada waktu itu kita perlu PRU15 untuk mengubati keadaan politik negara yang huru-hara.

Harap-harap nya PRU15 ini juga boleh menjadi "vaksin" untuk membuang penyakit-penyakit politik negara. Siapakah yang bakal menyuntik vaksin tersebut? Anda sebagai pengundi. Siapakah yang perlu disuntik? Ahli-ahli politik.

Soalan akhir nya: adakah sekiranya wujud penjahat-penjahat yang cuba memanipulasi keadaan menggunakan medium digital akan berjaya? Kedua-dua penyelidik merujuk kepada "social intelligence" yang ada dalam masyarakat. Walau bagaimana negatif sekali pun, setakat ini "rasional" dan "kecerdikan" masih menang. Harap-harapnya masyarakat Malaysia tidaklah terlalu mudah tertipu (gullible).

2.3 PRU ke 15 adalah merupakan satu titik infleksi politik di Malaysia

Sudah menjadi keyakinan kepada saya, walau apa pun hasil PRU15 akan menjadi satu titik penentuan kepada hala tuju dan masa depan politik Malaysia. Ada beberapa penyebab utama yang menjadi pengamatan saya, iaitu dengan ada nya jumlah yang cukup besar pengundi yang masih muda. First timer atau second timer voters.

Sebagaimana dalam demokrasi-demokrasi negara lain, terutama nya di Eropah, "inter-generational pattern of votings" melalui period perubahan arah, atau "point of inflexion". Titik ini lebih merupakan peralihan sokongan kumpulan tertentu kepada "ideologi" tertentu ataupun "populis" tertentu.

Proses ini merupakan satu proses penyesuaian yang terjadi hasil daripada interaksi antara manusia dan kumpulan, didalam satu sistem demokrasi. Ianya menjadi bukti melalui hasil pilihan pengundi daripada satu pilihanraya umum. Inilah yang saya maksudkan dengan "sistem penyesuaian kompleks".

Tulisan ini dibuat beberapa hari sebelum hari penamaan calon-calon oleh kesemua parti yang terlibat.

2.3.1 PRU15 sebagai satu proses dalam sistem penyesuaian kompleks

27 Oktober 2022

Kita sebagai manusia berinteraksi sesama kita melalui pelbagai sistem yang wujud. Sistem demokrasi berparlimen di Malaysia adalah suatu sistem yang sedia ada. Sistem ini sudah melalui proses adaptasi dan evolusi dari sekian zaman semenjak Malaysia merdeka.

Kalau kita mengkaji sistem demokrasi di Malaysia, proses adaptasi terjadi pada setiap kali Pilihanraya Umum (PRU). Sekarang sudah PRU ke 15. Bermakna kali ke-15 proses ini terjadi. Persoalan nya, apakah ciri-ciri yang ada pada proses kali ini (dan juga mutakhir ini)?

Satu perkara yang jelas dalam proses adaptasi sesuatu sistem sebegini ialah "inter-generational change", iaitu perubahan disebabkan pertukaran generasi. Kehendak dan aspirasi generasi baru berbeza dengan generasi lama. Dalam konteks PRU di Malaysia, generasi baru adalah mereka dibawah umur 40 tahun. Dalam PRU14 jumlah mereka adalah dibawah 50% dan kini dalam PRU15 jumlah mereka sudah melebihi 50%. Dan sudah tentu dalam PRU16 nanti jumlah bawah 40 tahun akan menghampiri 60%.

Mengikut kaedah Sistem Penyesuaian Kompleks, sekarang ini (PRU14,15, dan juga 16) merupakan satu "titik infleksi" (inflexion point). Pergerakan pertama yang kita dapat perhatikan ialah tahap kecairan dalam pilihan, iaitu kesanggupan merubah dan menukar pilihan. Ini sudah dapat dilihat dalam PRU14. Sekarang ini pula arah kedepan, kemanakah arah yang akan diambil?

Proses yang saya nyatakan tadi tidak terjadi secara rawak dan rambang, walaupun pada zahirnya kelihatan huru-hara dan tidak teratur. Terdapat apa yang dikatakan kepintaran kolektif (Collective Intelligence) dikalangan golongan muda ini. Permasalahan nya, proses untuk membentuk satu konsensus ini memakan waktu dan tidak terjadi secara cepat. Namun demikian satu hal yang saya perhatikan, proses sebegini sudah mula ada tanda-tanda - secara cepat culaan dalam talian (online survey) menunjukkan ramai yang mahu calon dari muka-muka baru (lebih 75% mengikut Astro Awani survey).

Pertanda-pertanda seperti ini memberikan bayangan masa depan. Satu indikasi yang nyata adalah penyandang tidak semestinya mempunyai kelebihan kepada pencabar. Petanda ini juga menunjukkan bahawa calon-calon baru boleh meraih undi dan ada potensi megalahkan penyandang. Dalam hal yang sama juga kita perhatikan ramai yang akan mencuba nasib, yang mana pada kali ini pertandingan banyak penjuru akan terjadi, termasuk calon-calon bebas.

Sebab itu pada pada pandangan saya, pada kali ini yang terpenting adalah calon-calon yang diketengahkan. Faktor peribadi calon memberikan peratusan tinggi dalam kemenangan satu-satu kerusi. Hal-hal ini sudah pasti terjadi di bandar-bandar. Samada perkara yang sama boleh diterima pakai di kawasan luar bandar (rural areas) masih belum dapat dikenal pasti.

Kita tunggulah penamaan calon-calon dan siapakah calon-calon yang bakal bertanding nanti. I guess, for these few days, it is just "calm before the storm"? Agaknya inilah "banjir" yang diharap-harapkan oleh semua pihak!

2.3.2 Langkah berani untuk PRU15

30 Oktober 2022

Satu ciri yang penting dalam "signalling", mesej dan tindakan supaya ianya memberikan impak yang besar adalah besifat "berani" atau "bold". Secara umum sudah kita ketahui bahawa hampir lima tahun politik Malaysia adalah dalam tahap kelesuan. Ahli politik dilihat sebagai "untrustworthy", sistem politik dilihat sebagai berkecamuk dan tidak menentu, dan terutamanya, kesemua ini membawa kepada tahap tiada keyakinan (lack of confidence) dan ketidak percayaan oleh rakyat.

Jalan keluar daripada kebuntuan ini mestilah dengan langkah yang dilihat kesemua sebagai suatu yang berani atau "bold". Keberanian dapat diyakini dan dipercayai dengan adanya: "walk the talk", "decisive action", "risk taking" (ambil risiko). Contoh yang terkenal adalah langkah Tareq Bin Ziyad didalam menakluki Cordoba, Sepanyol didalam sejarah Islam, dan juga Muhamad Al-Fateh sewaktu menakluki Constantinople.

Setakat ini didalam PRU15, pencalonan calon-calon muka baru, muda, berlatar-belakangkan profesional, bagi saya adalah langkah yang "bold" berani. Kudos kepada PKR, Anwar Ibrahim dan Rafizi terutamanya kerani berani dan sanggup to go against the grain. Kelihatan juga langkah yang sama dibuat oleh DAP dan juga Amanah. Termasuk juga Parti MUDA. Saya menunggu dan lihat langkah seterusnya oleh PN-PAS/BERSATU, dan terutamanya Barisan Nasional. Will they follow suit?

Sudah tentu reaksi daripada golongan yang "lama" daripada semua pihak, sebagai contoh daripada PKR yang digugurkan, DAP yang digugurkan, semestinya negatif. Sikap negatif beginilah membuktikan sebenarnya siapa mereka, "self-serving person".

Sebenarnya sewaktu mereka-mereka ini menyandang ahli wakil rakyat sepenggal atau lebih yang lalu - many were non-performer. Sewaktu kemelut Covid-19 kelmarin membuktikan mereka ini tidak berfungsi "up to expectations". Banyak perkara yang terjadi dibelakang tabir, yang saya sendiri ketahui secara peribadi bagaimana "iman" mereka ini tergoyah, pertamanya bila PH menang dengan rebutan jawatan menteri atau kerajaan; this is the first failure.

Keduanya bila tawar menawar terjadi sewaktu langkah Sheraton dan selepas itu pelbagai hal lagi yang terjadi. Many have failed, and many of the rest did not stand up and be counted. Play safe. Sampai saya sendiri menggunakan kalimah "mangkuk hayun" untuk mereka ini. Saya bercakap disini bukan mengenai BN atau PN, tetapi MP-MP PH. They were part of the problems, not the solutions. They have failed and need not to blame others. It's time for them to pave the way for the next generation.

Sebahagian juga mungkin berkata, kenapa Anwar sendiri tidak berundur? Walk the talk? Sebenar nya beliau sudah berbuat demikian - dengan berpindah ke Tambun, dengan menerima Rafizi dan pasukan baru dalam PKR, dan bersetuju untuk membuat langkah-langkah persiapan kedepan dengan mengenepikan ramai orang-orang lama yang menjadi penyokong tegar beliau sebagai calon. I know this for a fact. The fact is he is needed as the candidate for the Prime Minister.

Teruskan dengan nada berani. Inilah yang diperlukan dalam titik infleksi kepada perubahan yang lebih mantap.

2.4 Kempen Pilihanraya

Pertandingan tiga penjuru utama dalam PRU15 memang sudah dijangka dari awal lagi. Sekiranya hanya ada dua penjuru, proses pemilihan pengundi sememang nya lebih mudah - bandingkan A vs B. Tetapi apabila

ianya mempunyai tiga perjuru, ianya menjadi A vs B, B vs C, dan C vs A. Paradoks Condorcet yang saya jelaskan didalam Bab 2 menjadi persoalan besar.

Persoalan nya bagaimanakah cara-cara setiap parti meraih undian daripada pengundi. Naratif apakah yang perlu dibawa? Naratif melawan puak B, atau puak C? Sukar untuk membuat kedua-dua naratif sekaligus. Mesti pilih satu sahaja sebagai sasaran utama.

Proses ini memang rumit dan kompleks, maka saya tuliskan permasalahan ini sebagai "Starfish problems". Jawapan kepada permasalahan ini saya tuliskan dalam "PRU15 dan sistem telefon pintar".

2.4.1 Permasalahan "starfish" (Tapak Sulaiman)

31 Oktober 2022

Kenapa Starfish dipanggil TAPAK SULAIMAN dalam bahasa Melayu adalah misteri buat saya. Yang menarik nya, permasalahan "Starfish" didalam pengoptimuman (optimization) adalah suatu permasalahan yang menarik dalam sains data. Apakah yang dimaksudkan dengan permasalan "starfish" ini?

Pertama: Terdapat banyak penjuru-penjuru yang merupakan "global optima" dan juga "global minima" dan diwaktu yang sama terdapat "local optima" dan "local minima". Lihat saja rupa starfish yang dipaparkan.

Kedua: Bentuk setiap optima dan minima tidak sekata atau sama.

Ketiga: Didalam proses pencarian optima, penting bagi penganalisa memastikan dari mana permulaan pencarian mereka. Titik permulaan dan pengantungan laluan (starting point and path dependency) menentukan penghujung carian.

Keadaan inilah yang dihadapi oleh setiap gabungan parti-parti politik yang ada sekarang. Pencarian optima pilhan pengundi. Maximizing number of seats won from a constrained space. Bagi saya, ini adalah satu "problem statement" yang menarik dalam kajian perangai manusia (human behavior). Contoh-contoh: Adakah calon tempatan lebih berwibawa vs calon "import"? Adakah calon penyandang melebihi calon yang melawan? Hampir di kesemua kerusi terdapat pertanding banyak penjuru (umpama starfish yang banyak penjuru). Adakah isu-isu global negara lebih utama atau isu-isu tempatan? Adakah isu-isu perkauman lebih utama daripada isu-isu ekonomi?

Landskap disetiap tempat umpamakan satu Starfish. Landskap keseluruhan negara juga umpama starfish. Borneo vs Semenanjung juga starfish. Negeri Kelantan berbeza jauh dari Johor, bahkan Johor dengan Selangor juga berbeza - starfish berbeza. Cukup menarik!!!

Seorang sahabat saya membuat satu kajian berdasarkan hasil PRU14, menggunakan satu dimensi, iaitu "pendapatan purata" (median income) setiap kawasan Parlimen dan kecenderungan pengundi (untuk semenanjung sahaja). Hasilnya menarik. Hasilnya menunjukkan pilihan amat bergantung kepada kadar purata (median) pendapatan.

Hal ini sebenarnya overlap dengan persoalan lebih besar, iaitu "urbanisma" - kenapa manusia akan berhijrah dan berkelompok di bandar-bandar (urban area). Sebabnya pendapatan mereka akan terangkat sebanyak 30% dikawasan "urban". Permasalahan mereka adalah lebih kepada "urban problems". Dan permasalahan yang ada berbalik kepada jumlah kerusi di kawasan "urban" versus kerusi sebaliknya. Selama ini memang tidak balance. Jumlah pengundi dikerusi bandar mencecah 200,000 orang atau lebih untuk satu kerusi. Didesa, ada yang tak sampai 100,000 orang. Bermakna konsep "one person one vote" tidak wujud. (A starfish problem again). Pemberat undi orang desa lebih dari 1 dan pemberat undi bandar kurang dari satu.

Sewaktu US general elections kelmarin, saya juga membaca banyak hasil-hasil kajian. Hasil nya jelas, the "great divide" between "rural america" dan "urban america". Racism, walaupun berbunyi lantang bukanlah suatu yang menjadi penentu. Tetapi dimana mereka hidup dan lingkungan kehidupan mereka sebenarnya menjadi penentu. Sebab itu Trump dapat "electoral votes" (kerusi) yang cukup banyak walaupun daripada popular votes yang lebih rendah.

Yang lebih menarik lagi untuk kali ini adalah kewujudan faktor-faktor baru kepada Starfish kita, iaitu pengundi baru dan muda. Ini adalah faktor "known-unknown". Tiada sampling yang reliable untuk mengukur

kecenderungan kumpulan ini. Dan juga kita tahu bahawa keputusan yang dibuat memanglah pada saat-saat akhir. Mengikut kajian saya terdahulu, kebanyakan mereka ini tidak menetap di tempat mereka mengundi. Bermakna ramai yang terpaksa meredah balik ketempat pengundian mereka. Kos balik mengundi akan menjadi "deterrant factor" yang besar.

2.4.2 PRU15 dan sistem telefon pintar

14 November 2022

Apa perumpamaan PRU15 dan OS (Operating Systems) bagi Smartphone? Smartphones dalam pasaran berasaskan dua Operating Systems (OS) - Apple iOS dan Android. Falsafah pembangunan perisian keduanya amat berbeza. iOS hanya beroperasi melalui produk Apple, Android dalam pelbagai - seperti Samsung, Xiaomi, OPPO, dll.

Dalam PRU ini penjenamaan PH umpamakan iPhone sementara BN,PN, dan lain-lain umpamakan Samsung, Xiaomi, dan lain-lain. PH unjurkan iPhone yang baru dengan iOS yang diupgradekan daripada versi 2018. Versi 2018 OS nya Tun Mahathir. Sekarang ianya adalah versi 2022, iOS nya Anwar. Sementara BN dan PN umpamakan beroperasi dalam OS Android (i.e. OS yang serupa, tetapi lain jenama). Boleh kita katakan BN umpamakan Samsung dan PN umpamakan Xiaomi. Calon Perdana Menteri umpamakan OS kepada smartphone. PH satu OS iatitu Anwar Ibrahim, umpamakan iOS. BN ada dua, Ismail atau Zahid, umpamakan Samsung Android dua versi. PN dengan Muhyidin Yassin umpamakan Xiaomi Android.

Calon-calon Parlimen yang bertanding umpamakan Apps yang ada didalam telefon. Sekiranya anda inginkan Anwar Ibrahim anda memilih calon PH. Demikian juga jika anda inginkan Ismail Sabri (atau Zahid) anda pilih calon BN. Disini keadaan menjadi agak blur, kerana banyak confusion mengenai calon undian dengan pilihan PM. Sedangkan hakikat sebenarnya memilih calon (i.e. Apps) tidaklah ada banyak kesan kepada isu tempatan, tetapi lebih besar kepada calon Perdana Menteri yang dikehendaki. Kerana akhirnya hanya satu OS sahaja yang akan diguna pakai. Iaitu OS yang menang dengan mempunyai Apps yang melebihi 112.

Disinilah mula terjadi nya calon yang mempromosikan dirinya lebih daripada parti (jenama produk utama), sedangkan dia sebagai satu peribadi hanya merupakan satu Apps sahaja. Tidak mungkin satu Apps dapat beroperasi penuh tanpa OS yang disandarkan. Sebagai contoh, KJ mempunyai masalah besar apabila dia cuba menjenamakan dirinya tanpa terikat dengan BN dan calon PM bagi BN. In contoh yang terjadi dengan Samsung Pay yang mahu beroperasi bersendirian daripada Samsung, akhirnya Apps kaku dan tidak aktif. Kecualilah beliau itu seperti WhatsApp, tak kisah phone mana pun boleh pakai.

Ada calon yang sebaliknya mempromosikan dirinya sebagai satu Apps, tetapi kebaikannya adalah disandarkan kepada jenama phone. Lantaran mungkin kerana Apps nya baru, atau tidaklah terlalu dikenali. Tetapi kerana iPhone atau Samsung dikenali, maka Apps (dia) nya mungkin menjadi pilihan. Ada juga yang menawarkan Apps yang standalone tanpa OS, seperti Zuraidah di Ampang dan juga calon-calon bebas di merata tempat.

Untuk pengundi pula, fikirlah baik-baik. Tiada OS yang perfect tanpa defects. Tiada OS yang tiada bugs. Apple iOS unik dan tersendiri, sementara Samsung dan Xiaomi terdiri daripada sistem OS yang sama, Android. PH unik tersendiri, sementara BN dan PN dari asas yang sama. Masalah nya OS bagi BN atau PN lebih banyak "corrupted" dan sudah dicuba pakai. iPhone versi lama (PH 2018) juga sudah dicuba pakai. Yang lama ini juga banyak "corrupted". Adakah OS baru yang tawarkan sekarang sudah diperbetulkan, suapaya tiada bugs dan corrupted system?

Mungkin ramai juga yang malas nak kisah. Tak payah nak mengundi. Masalah nya negara harus berjalan dan satu OS mesti dipilih. Kalau OS yang terpilih akan menjadi masalah kepada kamu kemudian hari, jangan komplen. Umpamakan smartphone, kalau tak mahu pakai tak usah, pakai lah phone yang lama. Kalau ada masalah, jangan komplen.

Tetapi sebagai phone baru, kita mesti pastikan ada debugging process dan Apps yang sentiasa di upgrade. Kalu ada Apps yang dipilih tak ada upgrade, lain kali delete sajalah, pilih Apps baru. Dan kalau OS nya (i.e. PM) tak pandai nak disiplinkan Apps dibawah kawal selianya, salahkan OS. Kalau keseluruhan OS tak

jalan baik, gantilah OS yang baru. Tapi kena lah tunggu 5 tahun lagi. Setakat ini bacaan saya adalah seperti berikut:

1. Kesedaran telah mula wujud bahawa pemilihan Parlimen adalah "memilih kerajaan" bukan hanya memilih "wakil rakyat tempatan". Yang dipilih bukanlah hanya untuk meyelesaikan masalah tempatan, tetapi masalah kepimpinan negara. Kita bukanlah pilih Apps tetapi Apps yang bersandarkan OS yang mana.
2. Anwar Ibrahim dan PH agak berjaya menjenamakan produk, dengan jelas meletakkan iOS nya ialah Anwar Ibrahim dan PH adalah iPhone. Market iPhone sebagaimana biasanya memang digemari oleh pengguna tegar iPhone, tetapi dapat mempengaruhi dan meyakinkan pengguna baru ataupun merubah pengguna Samsung atau Xiaomi bertukar kepada iPhone dengan menawarkan OS yang lebih berwibawa.
3. Masalah BN, umpamakan OS yang debugging belum selesai, tetapi terpaksa dilancarkan secara terburu-buru. Terlalu banyak masa terbuang dengan debugging. Dan juga penentuan OS terakhir yang masih meragukan (i.e. siapa calon PM).
4. PN pula umpamakan OS yang menggunakan codes lama tanpa banyak perubahan. Banyak patchworks. Bugs yang ada masih wujud dan tidak diperbaiki. Tetapi lantaran ada pengguna tegar, yang tidak isah kepada keperluan debugging, mereka hanya "Go ahead and sell, worry about debugging later".
5. PN dan BN bertarung dalam kawasan pengguna yang sama, seperti OS Android (Samsung vs Xiaomi). Sementara PH dan Anwar Ibrahim umpamakan iPhone dan iOS, yang berdiri tersendiri, appeal nya lebih kepada penggemar iOS dan iPhone. Market share nya akan terbahagi kepada iOS versus Android. Dan dalam Android terbahagi antara Samsung dan Xiaomi. Mana yang akhirnya lebih akan terlihat nanti. Tetapi hakikat nya, both are fighting on the same market base.
6. Sebagai OS Anwar mendahului agak jauh didepan Ismai/Zahid, atau Muhyidin. Tetapi penentuan jenama mana yang akhirnya terpilih masi sukar diramal dengan tepat. Adakah faktur memlih OS akan menentukan jenama pada setiap kerusi juga masih tidak jelas.
7. Akhirnya adakah iPhone mendapat jumlah lebih 112 Apps yang dibeli? Atau tiada siapa yang dapat lebih 112? Apa yang akan terjadi? Adakah kemungkinan bergabung semua Apps Android menjadi satu sistem (i.e. Samsung, Xiaomi dll jadi satu gabungan). Gabungan sistem OS yang tidak berstruktur akan menghasilkan phone yang penuh bugs dan "corrupted process". Apps yang tidak compatible sesama mereka dsb nya.

Kalaulah apa yang saya gambarkan ini agak menepati situasi yang kita hadapi sewaktu PRU15 ini, hasil nya boleh menjadi predictable dengan menggunakan contoh yang selari, iaitu pasaran OS dan jenama telefon pintar.

Saya menggunakan kaedah pembangunan perisian (computer programming) dan pemikiran sistem (systems thinking) untuk membuat penganalisaan yang saya nyatakan. Kepada sesiapa yang biasa dengan pembangunan perisian, logikanya jelas. Mungkin untuk sebahagian ramai yang tidak biasa, cuba renungkan dan fikirkan.

2.4.3 Slogan pilihanraya

15 November 2022

Ketiga-tiga blok utama mengambil keadah yang berlainan sewaktu berkempen. Jelas kepada semua blok, manifesto pilihanraya tidaklah menjadi bahan utama. Sebalik nya kempen berkisarkan kepada "slogan-slogan" utama, iaitu "kita boleh" bagi PH, "bersih dan stabil" bagi PN, dan "kestabilan dan kemakmuran" bagi BN. Kalau diperhatikan secara jelas, PN dan BN kedua-duanya mengutarakan kestabilan, satu dengan "bersih" dan satu lagi dengan "kemakmuran". Secara logika nya "kita boleh" membawa erti perubahan, sementara "stabil" adalah pengekalan kepada yang sedia ada.

Kalau kita mengambil konsep kekutuban, bermakna terdapat dua kutub utama - iaitu "ubah" atau "kekal". "Ubah" membawa makna ketidakpuasan terhadap apa yang sedia ada, maka perubahan perlu dibuat un-

tuk menukar, sementara "kekal" menggambarkan bahawa kerajaan yang "incumbent" perlu dipilih semula. Masalah utama disini bukanlah kepada PH, kerana ianya bersendirian pada kutub "ubah". Permasalahan besar terjadi kepada BN dan PN, kerana kutub nya ialah "kekal". Yang mahu dikekalkan itu apa? Adakah maksudnya kerajaan yang sedia ada, iaitu kerajaan Ismail Sabri atau kerajaan Muhyiddin Yassin? Disinilah perkataan "bersih" membawa perbezaan, iaitu yang dimaksudkan kekal itu ialah kerajaan Muhyiddin Yassin dan bukan nya Ismail Sabri. Kekeliruan terhadap siapakah calon Perdana Menteri BN menjadi stu dilemma besar kepada BN. Adakah mereka mencalonkan Zahid Hamidi atau Ismail Sabri, atau siapakah sebenar nya calon BN.

"Ubah" disangkal oleh PN dengan menyerang peribadi Anwar Ibrahim secara hebat dan terancang. Sementara "bersih" menyangkal BN oleh PN. Dan amat sukar bagi PH menyangkal PN kerana PN mendabik dada sebagai "bersih" serta lagi "suci". BN tiada jalan yang jelas untuk menyangkal PH ataupun PN. Sebab itulah kalau dilihat kepada slogan sahaja PN menang terhadap kedua-dua PH dan BN.

"Ubah" secara umumnya memang susah untuk diterima oleh pekerja-pekerja kerajaan, termasuklah askar, polis, guru-guru, petugas kesihatan dan sebagainya. Golongan ini dari dahulu nya lagi memang cenderung kepada "establishments", dan "ubah" adalah kearah menukar "establishments". Dahulunya golongan ini akan lebih setia kepada BN daripada sekian waktu, lebih-lebih lagi sewaktu zaman "Bossku". Tetapi pada PRU14 berlaku anjakan besar kepada mereka ini untuk mengalihkan kecenderungan kepada PH, dengan adanya elemen Bersatu dan Tun Mahathir dalam PH ketika itu. Retakan inilah yang diambil peluang oleh PN (dan Bersatu) untuk mengambil "vote transferability" ini kepada pihak mereka dalam PRU15. Sebagai contoh atau neraca yang boleh diambil ialah kerusi Putrajaya. Apakah hasil nya nanti boleh menggambarkan apa yang akan terjadi kepada golongan ini.

Akhir sekali, kita juga boleh mengandaikan apakah yang dikehendaki pengundi-pengundi bandar (urban), yang mana dari segi kajian menunjukkan isu-isu utama mereka adalah kos sara hidup pasca Covid19. Pandemik Covid secara umum nya banyak menghancurkan sumber pendapatan mereka, serta selepas itu kenaikan harga-harga barang menaik dengan mendadak. Sudah pasti isu ini menjadi tumpuan mereka. Lantaran itu PH, yang mana kerusi yang pernah dimenangi besar berada di bandar-bandar memainkan isu sedemikian sebagai bahan kempen mereka, disamping "ubah". Gandingan sebegini memang tepat kepada sasaran yang tidak dapat disangkal langsung oleh BN atau pun PN.

2.4.4 Operasi hitam PRU15

18 November 2022

Perkara yang paling menggusarkan saya beberapa hari sebelum hari pengundian adalah "black ops", iaitu serangan hitam yang mungkin dilakukan oleh sesetengah pihak untuk membuat undi penolakan besar-besaran. Ini sering terjadi dalam mana-mana pilihanraya dipelbagai negara, seperti tuduhan Trump terhadap Hilary tentang penglibatan Rusia dalam pilihanraya Amerika Syarikat. Tuduhan ini dibuat disaat-saat akhir yang mana ianya tidak sempat dihapuskan kesan nya dalam masa yang singkat. Operasi sebegini dilancarkan dalam masa 7 hari hingga 3 hari sebelum hari pengundian.

Adakah hal sebegini terjadi di Malaysia sewaktu PRU15? Jawapan nya : Ya. tetapi untuk membuktikan nya di dalam mahkamah amatlah sukar. Sebab itu ianya dipanggil "black ops". Perkara ini menjadi tumpuan peribadi saya dari tarikh-tarikh 10 hingga 16 November. Sehinggakan saya terpaksa membuka akaun Tik-Tok secara khusus untuk membuat pengamatan ini.

Bila dilihat kembali, seolah-olah ianya terancang dari awal lagi. Naratif "tidak bermoral", "liberal", "LGBT" dan sebagai nya mula dilontarkan dari pelbagai sudut dan cara. Semasa PRU15 terdapat sebanyak 14.5 juta akaun Tik-Tok yang aktif dalam negara. Lebih daripada 50% pengguna (hampir 7.5 juta) adalah diantara yang berumur 18 hingga 30 tahun. Mereka ini merupakan hampir 35% daripada jumlah pengundi. Penyemarakan oleh "influencers" yang cukup rancak dan teramat aktif sekali melalui Tik-Tok. Golongan muda yang menjadi sasaran, tetapi juga golongan lebih dewasa pun tidak ketinggalan. Yang menjadi kerisauan saya apabila golongan yang muda dibawah umur 18 tahun sehinggakan yang berumur 13 tahun pun terikut-ikut sama. Dua sasaran utama, iaitu peribadi Dato Seri Anwar Ibrahim, peribadi Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi. DAP juga menjadi sasaran besar.

Disamping operasi hitam berbentuk media (sosial media), yang menjadi kerunsingan juga ialah amalan menggunakan wang untuk membeli pengundi. Perkara ini menjadi satu hal yang meruncing kerana memandangkan terlalu ramai golongan muda yang berada di bandar-bandar yang akan balik mengundi di kampung-kampung atau daerah asal mereka. Kos balik mengundi sudah pasti menjadi satu kekangan bagi mereka. Kedudukan sebegini cukup mudah dipergunakan sesetengah pihak untuk "menaja" mereka dengan memberikan imbuhan wang. Jumlah wang yang memungkinkan mereka pulang adalah antara RM100 hingga RM300. Ini bermakna untuk sesuatu kawasan undian, 5,000 orang pengundi muda yang berada diluar kawasan memerlukan RM500,000 hingga RM1.5 juta perbelanjaan. Ini jumlah yang besar. Sekiranya ada penaja yang menaja perbelanjaan sedemikian, ianya boleh merubah keputusan sesuatu kerusi yang marginal.

Walaupun masih belum ada bukti yang jelas serta disahkan, terdapat pelbagai "anecdotal evidence" bahawa program pembelian undi telah terjadi. Permasalahan sebegini saya bangkitkan bukanlah untuk membuat tuduhan liar. Ianya memberikan gambaran bahawa demokrasi Malaysia boleh dibeli dengan mudah sekiranya wujud golongan yang mempunyai jumlah wang yang banyak untuk "membeli" pilihanraya negara. Ini adalah permasalahan keselamatan negara dan tidak boleh dibuat sambil lewa atau dibiarkan tanpa suatu penyiasatan yang rapi untuk mengelakkan risiko masa depan negara.

3 KEPUTUSAN SUARA PENGUNDI

Suara pengundi adalah merupakan cubaan untuk membaca dan memahami mesej yang disampaikan oleh pengundi kepada pimpinan negara. Proses ini terjadi lima tahun sekali melalui pilihanraya. Suara pengundi boleh dibaca dengan meneliti apakah hasil undian yang dibuat terhadap parti-parti yang bertanding dan kemenangan atau kekalahan yang dialami oleh setiap parti kepada sesuatu kerusi yang dipertandingkan.

Undian yang dibuat merupakan satu neraca untuk dinilai. Undi pemenang dan juga undi yang kalah mesti diperkirakan. Dalam konsep demokrasi yang berasaskan majoroti mudah sebagai pemenang, mesti memperkirakan juga jumlah undian yang kalah. Mereka sebahagian daripada suara, bukan nya sahaja suara pemenang. Inilah sikap demokrasi yang sebenar, iaitu setiap suara mesti didengari. Mesej apakah yang mahu disampaikan oleh rakyat dan apakah signal yang mereka berikan. Tugas pimpinan adalah untuk meneliti dan memahami kesemua suara dan mesej yang mahu disampaikan.

Didalam PRU15, purata peratusan keluar mengundi untuk seluruh negara adalah 72%, lebih rendah daripada purata 82% untuk PRU14. Jumlah pengundi berdaftar ialah 21 juta, dan yang mengundi adalah bersekitar 15 juta orang, iaitu hampir 50% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia. Dibandingkan dengan jumlah yang keluar mengundi pada PRU14, iaitu 14 juta orang, menunjukkan hanya pertambahan 1 juta orang sahaja dalam masa lima tahun. Pertambahan ini tidaklah setinggi sebagaimana yang diharapkan.

Jumlah peratusan keluar mengundi yang lebih rendah adalah sememang nya dianggarkan daripada awal lagi. Ini adalah kerana terdapat pertambahan pengundi yang tinggi terhasil daripada Undi 18 dan juga ramai pengundi yang baru terdaftar dalam daftar pengundi. Tetapi satu faktur yang penting ialah mobiliti pengundi, dimana pengundi tidak mengundi ditempat mereka menetap atau bekerja, tetapi mengundi di kampung asal mereka. Kita akan cuba mengkaji kedua-dua faktur ini melalui data yang diperolehi.

Carta peratusan keluar mengundi diseluruh negara mengikut negeri adalah seperti berikut:



Figure 1: Kedudukan peratusan keluar mengundi negeri-negeri

Sebagaimana yang tercatat, daerah-daerah bandar dan negeri-negeri dimana pengundi tidak perlu balik ke daerah untuk mengundi, peratusan keluar adalah tinggi, iaitu melebihi 75%. Menarik juga ialah peratus keluar mengundi di Putrajaya yang menjangkau 86%, tertinggi di Malaysia.

Jelas kelihatan bahawa peratus keluar mengundi di Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih rendah daripada negeri-negeri di semenanjung yang lain. Menarik perhatian juga adalah negeri Kelantan, yang agak rendah berbanding dengan negeri-negeri pantai timur yang lain seperti Pahang dan Terengganu.

Disetiap negeri juga, kita dapat melihat pertusan keluar mengundi di antara satu kawasan parlimen dengan yang lain tidak sekata. Ada kawasan yang tinggi melebihi 80% dan juga ada kawasan yang kurang daripada 70%. Secara umum nya boleh dirumuskan bahawa mobiliti untuk pulang mengundi menjadi faktor kepada daerah-daerah yang jauh dari "urban centers" menyebabkan peratus keluar mengundi lebih rendah. Faktor yang lain juga ialah kerana terdapat ramai pengundi muda dan pungundi kali pertama, yang berkemungkinan besar tidak pulang mengundi. Perkara ini amat nyata terzahir bagi Sabah dan Sarawak.

3.1 Pertambahan pengundi dan perubahan peratus keluar mengundi

Satu perkara yang menarik perhatian dalam PRU15 ialah pertambahan besar kepada jumlah pengundi terdaftar hasil daripada pengundi-pengundi baru berumur bawah 25 tahun. Kebanyakan mereka adalah pengundi kali pertama. Sudah tentu nya impak kehadiran mereka merubah peratusan keluar mengundi disebabkan pelbagai perkara: duduk jauh dari tempat membuang undi, masih belajar, tiada masa, tidak berminat, tiada kesedaran, kos pulang mengundi yang tinggi, dan sebagai nya. Secara umum nya memang dijangkakan bahawa purata peratusan keluar mengundi PRU15 akan lebih rendah berbanding dengan PRU15 disebabkan faktur ini.



Figure 2: Perubahan peratusan keluar mengundi dari PRU14

Empat negeri yang menunjukkan kesan yang lebih ketara, iaitu Sabah, di ikuti oleh Sarawak, dan Kelantan serta Johor. Negeri Sabah, sebagaimana yang dijangkakan, memang akan mengalami penurunan yang tinggi disebabkan kemungkinan besar ramai pengundi pertama kali dan muda yang tidak menetap ditempat mereka. Kos pulang mengundi terlalu tinggi dan juga logistik perjalanan yang susah. Demikian juga kawasan pedalaman Sarawak.

Menarik perhatian juga kenapa di Kelantan dan Johor terdapat penurunan ketara. Kelantan mungkin terkesan dengan tiada nya pertembungan yang kuat pada PRU kali ini dan juga ramai pelajar-pelajar yang menetap jauh diluar negeri. Sedikit aneh ialah Johor, seperti daerah Pasir Gudang - yang mana tidak menepati mana-mana keadaan daerah pedalaman, permasalahan logistik dan sebagai nya. Kenapa daerah-dearah di Johor mengalami penurunan yang lebih berbading negeri-negeri seumpama nya seperti Selangor. Adakah ianya disebabkan "keletihan pengundi" (voters' fatigue) kerana pilihanraya negeri baru saja berlalu?

Charta diatas menunjukkan bahawa memang terdapat perbezaan antara bandar dan desa. Hal ini mungkin



Figure 3: Barplot peratusan keluar mengundi mengikut negeri-negeri

disebabkan ramai pengundi yang menetap dibandar, tetapi tidak pulang mengundi didesa. Ini juga berkemungkinan disebabkan ramai yang masih berdaftar ditempat kampung asal tetapi tidak menetap disana.

Perkara-perkara yang ditimbulkan disini membawa satu persoalan kedepan, iaitu adakah patut Malaysia memperkenalkan undian jarak jauh (remote voting)? Walaupun undi pos sudah wujud, serta undian awal boleh dibuat, tetapi ianya masih terhad dan terlalu sempit ruang nya. Perkara seperti ini sudah pun ditangani dengan baik oleh negara-negara seperti New Zealand dan beberapa negara yang lain.

Walaubagaimanapun secara umumnya peratusan keluar mengundi menunjukkan kesedaran yang tinggi dikalangan ramai terhadap tanggungjawab mereka untuk turun mengundi dan menunaikan hak serta tangungjawab mereka sebagai rakyat negara Malaysia. Malaysia sebagai satu negara demokrasi tetap mendapat jumlah peratusan keluar mengundi yang tinggi berbading dengan negara-negara demokrasi yang seumpama nya.

3.2 Peratusan keluar mengundi dan pemenang

Persoalan seterusnya, adakah faktur peratusan keluar mengundi mengubah pola kemenangan sesebuah parti? Ini adalah satu hipotesis yang sering diutarakan, terutama nya selepas terjadi beberapa pilihanraya negeri yang dilihat sebagai memberikan kelebihan kepada parti-parti tertentu.

Charta dibawah memberikan snapshot kepada parti yang menang di saring dengan jumlah pengundi dan kadar keluar mengundi.



Figure 4: Peratusan keluar mengundi dan pemenang

Kerusi-kerusi yang ramai jumlah pengundi tidak terkesan dengan peratusan keluar mengundi, dan memang rata-rata nya dimenangi oleh Pakatan Harapan (warna merah). Sebalik nya kerusi-kerusi yang tidak ramai jumlah pengundi lebih terkesan dengan peratusan keluar mengundi (di Sabah dan Sarawak). Pertembungan di antara BN dan PN (warna biru dan warna hijau) lebih jelas pada kerusi-kerusi yang tidak terlalu ramai jumlah pengundi, dan di waktu yang sama, jumlah pengundi ramai yang turun mengundi. Ini mungkin disebabkan ramai pengundi-pengundi muda yang balik mengundi ke daerah-daerah mereka.



Figure 5: Peratusan keluar mengundi dan pemenang

Charta diatas menggambarkan bahawa perubahan peratusan keluar mengundi membantu margin kemenangan kepada PH (warna merah), dan juga kepada margin kemenangan PN (warna hijau), tetapi tidak banyak membantu margin kemenangan BN (warna biru). Kedudukan margin kemenangan GPS di Sarawak serta margin kemenangan GRS di Sabah sukar ditentukan samada perubahan peratusan keluar mengundi disebabkan taburan nya agak rawak dan tiada pola yang jelas dapat di perhatikan.

3.3 Taburan pemenang mengikut kawasan geografi

Peta pemenang disetiap parlimen dibawah menunjukkan terdapat kelompok (clustering) yang agak ketara. PH secara nyata nya menang di bandar-bandar atau kawasan urban. Sementara BN menang di kawasan desa di Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak. PN pula memenangi terutama nya di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu.



Figure 6: Peta geografik parti pemenang

Adakah fenomena ini menjurus kepada politik yang bersifat kedaerahan mengikut kenegerian? Kalaulah ada kebenaran nya, mengapa perkara sebegini terjadi? Adakah ianya disebabkan perkembangan daearah serta

negeri yang mempunyai kesenjangan yang tinggi? Adakah faktur selepas pandemik Covid-19 yang sudah terbukti menambahkan jurang geografik secara global sudah membentuk satu pola yang sama diperingkat yang lebih mikro? Terakhir nya, timbul juga persoalan bahawa adakah penempatan geografik mempunyai pengaruh besar dalam menentukan pola pemikiran dan pandangan politik masyarakat.

Pada pandangan saya, kesemua perkara diatas ada kebenaran nya. Yang menjadi persoalan hanyalah tahap atau "degree of truth" nya sahaja. Ianya memerlukan kajian dengan menggunakan data yang lebih terperinci untuk mendapat jawapan yang lebih bermakna.

3.3.1 Dimensi kepadatan penduduk

Perihal ini digambarkan didalam charta dibawah. Garis 0 adalah merupakan "marginal" line, dimana kerusi yang dimenangi diatas garis 0, dan yang kalah dibawah garis 0. Sementara size bulatan menunjukkan peratus undi yang diperolehi kepada parti dikawasan tersebut. Warna merah untuk PH, hijau untuk PN dan biru untuk BN. Kawasan bandar (urban) pula didefinisikan dengan kepadatan penduduk melebihi 1,000 orang per kilometer persegi, sementara semi-urban pula adalah pada kadar 100 per km persegi. Selain nya adalah kawasan desa (rural).



Figure 7: Taburan margin pemenang mengikut kepadatan penduduk di Semenanjung Malaysia

PH menang dengan undian yang besar di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk diatas 100 orang per km persegi, iaitu kawasan urban dan semi-urban. PN mendominasi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk dibawah 1,500 orang per km persegi, iaitu kawasan rural dan sebahagian daripada semi-urban. BN bertarung sengit didalam kawasan yang sama.

Charta juga menunjukkan bahawa PH tidak mempunyai tarikan besar (berdasarkan size bulatan merah yang kecil-kecil) di kawasan rural. Diwaktu yang sama juga, BN ternyata masih tinggi tarikan nya walaupun mereka kalah dibanyak kerusi (bulatan biru dibawah garis 0).

Sementara di Borneo pula tiada pola yang jelas dapat kita perhatikan. Ini dapat diperhatikan daripada charta di bawah.

PH berbanding PN menunjukkan pertindihan pada "middle ground" dimana terdapat cross-over" daripada kawasan kepadatan tinggi yang memihak kepada PH, dan kawasan kepadatan rendah memihak kepada PN; dan kawasan kepadatan sederhana - menjadi pertarungan antara kedua-dua nya.

Sementara PH berbanding BN pula "cross over" terjadi pada kepadatan penduduk yang lebih rendah; overlap pertarungan pula tidak terlalu banyak. Kelebihan hampir pada semua keadaan memihak kepada PH.

Fenomena yang ketara ialah perbandingan diantara PN dan BN. Overlap yang nyata pada hampir semua tahap kepadatan penduduk, dimana kelebihan ternyata memihak lebih kepada PN (dengan slight advantage).

Perkara ini boleh diperjelaskan lagi dengan melihat kepada pemenang mengikut klasifikasi bandar dan desa (urban vs rural) seperti yang tertera pada charta dibawah.



Figure 8: Taburan margin pemenang mengikut kepadatan penduduk di Borneo



Figure 9: Taburan margin pemenang mengikut kepadatan penduduk: PH vs PN



Figure 10: Taburan margin pemenang mengikut kepadatan penduduk: PH vs BN



Figure 11: Taburan margin pemenang mengikut kepadatan penduduk: PH vs BN



Figure 12: Pemenang mengikut bandar vs desa

PH kebanyakan nya berada di urban dan semi-urban dan langsung tiada di kawasan rural. Sementara BN hanya berada di semi-urban dan rural, dan PN pula berada di pelbagai kawasan urban, semi-urban dan juga kawasan rural.

Kesemua charta-charta mengarah kepada satu rumusan, iaitu terdapat perbezaan pilihan yang agak ketara berdasarkan kepada habitat, iaitu keadaan penempatan pengundi. Mereka yang menetap (atau mengundi) di daerah yang lebih padat penduduk nya lebih condong kepada satu pihak, sementara di kawasan yang lebih jarang kepadatan penduduk nya, condong kepada pihak yang berlawanan. Kenapa fenomena seperti ini terjadi merupakan suatu perkara yang mesti dikaji lebih mendalam, dan memberikan satu mesej yang penting dalam pola politik negara.

3.4 Homofili struktur

Persoalan seterusnya ialah mengenai apa yang digelar dalam sains rangkaian sosial sebagai homofili struktur (structural homophily) didalam proses kecondongan atau pengaruh rangkaian pengundi. Didalam bahasa geografi, fenomena ini juga dinamakan sebagai "geographic contiguity" iaitu keterkaitan geografi diantara daerah-daerah yang bersebelahan. Pemerhatian ini penting kerana pengaruh yang terdapat dari satu daerah boleh "berjangkit" kedaerah yang bersebelahan melalui proses keterkaitan. Sebagai contoh, Kuantan mempunyai banyak kesamaan dengan Kemaman, walaupun di negeri berlainan, akan bertukar menjadi sama dengan Kemaman. Demikian juga Kulim Bandar Baru dan Permatang Pauh berubah kearah yang sama dengan daerah bersebelahan. Proses ini terjadi apabila satu kawasan sudah berubah, kawasan yang bersebelahan yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama akan juga turut berubah. Bagaimana perkara ini terjadi didalam PRU15 kelmarin adalah suatu yang perlu dikaji dengan lebih mendalam.

Kita mulakan dengan Perikatan Nasional. Didalam charta dibawah, nyata sekali bagaimana kemenangan (daripada PRU14) menular daripada daerah berjangkit kepada daerah-daerah bersebelahan didalam PRU15. Jangkauan daerah juga agak jauh, melangkaui bukan sahaja dearah bersebelahan, tetapi melangkau beberapa daerah-daerah yang agak berjauhan. Ini satu fenomena keterkaitan geografi yang kuat.



Figure 13: Peta penularan rangkaian Perikatan Nasional

Situasi untuk parti Pakatan Harapan pula agak berbeza; terjadi penguncupan dan tiada penularan baru, dan yang ada hanyalah situasi bertahan sahaja. Ini digambarkan didalam beberapa charta dibawah.



Figure 14: Peta rangkaian Pakatan Harapan



Figure 15: Peta pertukaran Pakatan Harapan daripada PRU14 ke PRU15

Barisan Nasional pula mengalami penguncupan yang amat ketara, terutama nya hasil daripada penularan Perikatan Nasional.



Figure 16: Peta penguncupan rangkaian Barisan Nasional

Perbandingan peta kemenangan BN daripada PRU13, kepada PRU14 dan seterusnya kepada PRU15 seperti yang dipaparkan dibawah, menunjukkan dengan lebih jelas bagaimana penguncupan rangkaian daerah terjadi kepada Barisan Nasional.

Sekiranya hipotesis homofili struktur yang diutarakan mempunyai kebenaran, ianya membawa pengertian yang lebih mendalam terhadap bagaimana pengaruh serta impak kawasan geograi terhadap kecondongan para pengundi kepada sesuatu pihak didalam PRU15 kelmarin. Ini membawa kita kepada persoalan yang lebih besar - iaitu apakah faktur-faktur penentu (determinant factors) yang mengujudkan proses homofili tersebut? Adakah pendidikan menjadi pengukur? Infrastruktur serta lingkungan fizikal menjadi penentu? Demikian juga faktur kaum atau agama. Kajian yang lebih teliti serta berasaskan data berjangka yang lebih menyeluruh serta granular, memungkinkan persoalan-persoalan ini dapat dijawab. Untuk sementara waktu, biarlah kita hanya menyatakan bahawa terdapat gambaran homofili, tetapi penyebab utama nya (causality) belum boleh dikenal pasti dengan sah.

3.5 Impak pengundi muda

Persoalan seterusnya ialah bagaimanakah peranan pengundi muda dalam PRU15 sebagai golongan “penentu” kepada keputusan pilihanraya.

Soalan pertama adalah tentang kecenderungan pengundi muda: kepada parti manakah pengaruh mereka lebih berkesan untuk memenangi sesebuah kerusi? Ini digambarkan dalam carta-carta dibawah.

Kajian daripada charta menunjukkan bahawa kehadiran pengundi muda dengan peratusan yang tinggi tidak menjurus kepada kelebihan ketara mana-mana pihak. Bahkan, PH menang di banyak kerusi dengan jumlah kehadiran pengundi muda yang rendah dan juga yang tinggi. PN dan BN walau bagaimanapun memang kelihatan lebih terpengaruh dengan kehadiran pengundi muda, berbanding dengan PH.

Charta diatas memberikan kepastian bahawa PH, PN dan juga BN memenangi kerusi-kerusi yang mana pengundi muda keluar lebih daripada 70 peratus, tanpa ada keistimewaan kepada mana-mana pihak pun.



Figure 17: Peta penguncupan rangkaian Barisan Nasional dari PRU13 hingga PRU15



Figure 18: Peluang kemenangan disebabkan kehadiran pengundi muda - violin plot



Figure 19: Peluang kemenangan disebabkan kehadiran pengundi muda - peta berselerak

Satu perkara yang menjadi persoalan ialah apakah ciri-ciri yang ada pada pengundi-pengundi muda yang membantu kemenangan sesebuah parti?



Figure 20: Pengundi muda dan pendapatan serta parti menang

Carta jelas menunjukkan pola dimana PN atau BN sebagai pemenang, tertumpu kepada kawasan yang mana median pendapatan isi rumah adalah dibawah RM6,000, terutama nya di kawasan median pendapatan bersekitar RM4,000 hingga ke RM5,000. PH memang banyak memenangi kawasan yang mana median pendapatan isi rumah yang agak tinggi, dan di waktu yang sama kawasan-kawasan yang berpendapatan lebih rendah juga di menangi dengan jumlah yang cukup besar. Ini bermakna, median pendapatan isi rumah tidaklah menjadi faktur yang besar bagi PH.

Mari kita cuba melihat dengan lebih terperinci data mengikut negeri-negeri seperti yang dipaparkan dibawah.

Negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan sebahagian daripada Pahang di mana peratusan pengundi muda yang tinggi serta median pendapatan isi rumah yang rendah memang lebih menjurus kepada PN atau pun BN.

Juga cuba kita lihat lagi bagaimanakah status sosio ekonomi mereka?

Jelas kelihatan bahawa PN dan BN menang di kawasan-kawasan yang mempunyai peratusan pengundi muda yang tinggi, tetapi mempunyai purata perbelanjaan bulanan isi rumah yang lebih rendah (di bawah RM5,000 per bulan). Sementara itu PH lebih merangkumi kawasan-kawasan yang mana purata perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi serta yang rendah.

Keadaan di Sarawak (GPS) dan juga Sabah (GRS) sememangnya merangkumi kawasan-kawasan yang pendapatan isi rumah dan juga purata perbelanjaan isi rumah yang agak rendah. Ini adalah kerana kedua-dua ukuran ini sememang nya rendah bagi keseluruhan tempat di negeri-negeri tersebut.



Figure 21: Pengundi muda mengikut negeri-negeri



Figure 22: Pengundi muda mengikut negeri-negeri pendapatan

3.6 Rumusan

Peratusan keluar mengundi, dengan adanya jumlah pengundi muda yang besar untuk PRU kali ini, memberikan gambaran untuk menilai keadaan sebenar masyarakat, sebagai culaan "suara rakyat". Rakyat yang berada dibandar-bandar, sememang nya mempunyai pendapatan yang lebih tinggi, iaitu median pendapatan pada kadar RM5,000 per bulan keatas; sementara rakyat didesa dan negeri-negeri tertentu, median pendapatan mereka adalah bersekitar dibawah RM4,000 hingga RM5,000 sebulan; kecenderungan undi mereka berbeza. Disatu kumpulan, mereka lebih cenderung kepada PH, sementara disatu kumpulan lagi cenderung kepada PN dan sedikit sebanyak BN. Faktur "homofili", iaitu keserupaan yang menyebabkan keterkaitan antara daerah bersebelahan juga berkemungkinan merujuk kepada hal yang sama, iaitu keadaan kehidupan mereka, yang boleh diukur dengan pendapatan bulanan serta purata perbelanjaan isi rumah.

Sebagai caveat, kita perlu juga mengandaikan bukan sahaja kepada pendapatan, tetapi juga kepada habitat dan lingkungan kehidupan mereka. Didalam erti kata yang lain, pendapatan mungkin hanya merupakan "measurable factors" yang nyata, tetapi banyak hal lain yang berkaitan yang menjadi pengaruh kepada mereka. Inilah tugas pimpinan untuk menyelami dan mendalami lebih jauh untuk memastikan keresahan serta kegusaran mereka perlu ditangani dengan baik.

4 ANALISA POLA PENGUNDIAN

Didalam bab ini saya akan kemuka kan beberapa dapatan di perolehi dari kajian data terperinci terhadap pola pengundian hasil daripada PRU ke 15 yang telah berlalu. Data yang saya gunakan berdasarkan undian daripada saluran peti-peti undi bagi setiap peti undi di Malaysia. Demikian juga saya menggunakan data terbuka daripada DOSM (atau Jabatan Perangkaan Negara) yang mempunyai banyak perincian yang berfaedah untuk analisa.

Analisa yang saya akan jelaskan di dalam bab ini akan memberikan pencerahan yang lebih muktamad terhadap beberapa hipotesis yang saya kemukakan didalam bab-bab sebelum ini. Iaitu adakah terdapat pembahagian geografi dalam pola pengundian (geographic contiguity)? Bagaimana dengan pembahagian mengikut kaum serta etnik? Bagaimanakah kecenderungan pengundi muda serta impak nya terhadap keputusan kemenangan atau kekalahan sesuatu parti? Adakah kesan pengunaan medium digital seperti Tik-tok dan sebagai nya mempunyai kesan terhadap keputusan mengundi? Apakah pola-pola lain yang dapat diperhatikan?

4.1 Pembahagian geografi

Secara sah nya memang terdapat kewujudan pembahagian geografi, bukan sahaja diperingkat kawasan Parlimen, tetapi ternyata ianya lebih daripada itu. Bahkan pembahagian tersebut terjadi sampai ke kampung-kampung serta taman-taman perumahan. Perkara ini memberikan keyakinan kepada saya bahawa faktor "habitat" amatlah penting serta mempunyai impak besar terhadap pandangan serta kecenderungan politik sesuatu tempat. Hal yang sama juga terjadi di Amerika Syarikat, dimana kawasan luar bandar mengarah kepada Trump, sementara kawasan bandar kepada Biden, seperti dalam peta yang dipaparkan dibawah (hak milik New York Times):



Figure 23: Hasil pemilihan presiden Amerika 2020 untuk negeri Georgia

Gambar yang sama juga kita dapati kepada Alor Setar dan Kuantan, seperti yang terlampir dibawah.

Apa yang terjadi ialah dikawasan yang lebih "membandar" ianya memihak kepada satu pihak, sementara dikawasan lebih kepada luar membandar, ianya memihak kepada pihak yang berlawanan.

Kawasan bandar adalah kawasan yang mana penduduk nya padat, penuh dengan bangunan-bangunan dan infrastruktur, di sertai dengan pelbagai tempat perumahan, perniagaan dan juga perindustrian. Kawasan bandar juga mempunyai tahap aktiviti ekonomi yang tinggi, serta mempunyai kerencaman kebudayaan serta interaksi sosial yang tinggi. Ia juga merupakan tempat pertumbuhan ekonomi yang pesat serta berinovasi tinggi. Sementara kawasan pinggiran bandar (peri-urban) pula adalah kawasan persekitaran bandar yang mengelilingi bandar tersebut. Kawasan pinggiran bandar selalu nya merupakan kawasan perumahan serta



Figure 24: Hasil undian parlimen Alor Setar dan Kuantan

banyak tempat kediaman. Kebiasaan nya, mereka yang menetap di pinggiran bandar bekerja di dalam bandar-bandar berhampiran.

Persoalan nya kenapa apabila tempat tersebut menjauhi sedikit dari pusat bandar, kecenderungan mereka tidak sama dengan kecenderungan penduduk dalam bandar atau pun juga pinggiran bandar? Adakah penduduk di dalam bandar lebih tertumpu kepada sesuatu kaum? Jawapan nya tidak. Bahkan dalam bandar pun terdapat komposisi kaum yang agak seimbang (seperti bandar Kuantan dan Alor Setar), walaupun terdapat bukan Melayu yang lebih ramai sedikit berbanding dengan kawasan luar bandar berhampiran. Yang lebih jelas lagi, memanglah di kawasan luar bandar, bilangan bukan Melayu adalah amat sedikit. Adakah orang Melayu hanya berpihak kepada satu parti sahaja, dan orang bukan Melayu yang menjadi penentu kepada parti tertentu?

Ini dijelaskan melalui Shah Alam (dimenangi PH) dan Tangga Batu (dimenangi PN) di bawah:



Figure 25: Hasil undian parlimen Shah Alam dan Tangga Batu

Disini jelas kelihatan bahawa Shah Alam memang majoriti nya Melayu, dimenangi oleh PH (Parti Amanah), dan sebahagian poket-poket dimenangi oleh PN. Demikian juga di Parlimen Tangga Batu pula (dimenangi oleh PN), kawasan nya juga berbahagi-bahagi bukan mengikut garis kaum, tetapi mengikut garis penempatan.

Kesemua fakta-fakta ini (dan juga berdasarkan kajian terhadap kawasan parlimen-parliment yang lain) menunjukkan terdapat garis pemisah secara geografi dalam menentukan pola pengundian terhadap sesuatu parti.

Secara rumusan nya, penerimaan terhadap PH hanyalah berlaku di dalam bandar-bandar serta sebahagian pinggiran bandar. Demikian juga disebahagian daerah semi-bandar di Semenanjung Malaysia. Di negeri-negeri utara semenanjung seperti Perlis dan Kedah, sokongan untuk PH berkurangan mendadak di kawasan-kawasan bandar serta pinggiran bandar, sementara PN telah mengisi tempat tersebut. Ini terbukti dimana kawasan parlimen seperti Kangar, Alor Setar, Sungai Petani dan juga Kulim Bandar Baru terjejas teruk. Hasil nya kawasan yang menyokong PH menjadi seolah-olah sebuah pulau yang di kepung oleh lautan hijau.

Sementara PN pula mendominasi dengan kuat dikawasan-kawasan luar bandar disesetengah negeri, seperti

di utara Malaysia dan pantai timur. Di kawasan-kawasan ini sokongan terhadap PH menguncup dan mana-mana tempat yang sebelum nya dimenangi PH beralih kepada PN. BN pula hilang dominasi secara total di bandar-bandar, kecuali poket-poket tertentu, dan terutama sekali dikawasan luar bandar, kecuali beberapa tempat tertentu dimana BN masih bertahan.

Di Sabah pula, dimana hampir keseluruhan kawasan adalah luar bandar, pembahagian terjadi mengikut etnik atau pun suku-suku, seperti di Beluran (PN menang) dan Sipitang (GRS menang):



Figure 26: Hasil undian parlimen Beluran dan Sipitang

Di Sarawak, hal yang sama juga dapat dilihat daripada parlimen Serian (dimenangi GPS) dan Stampin (dimenangi DAP):

Pembahagian geografi mengikut suku dan etnik terjadi secara meluas di Sabah dan Sarawak.

Kenapa hal ini terjadi?

Ada beberapa usul yang saya perkirakan menjadi penyebab kepada pembahagian mengikut geografi yang ketara terjadi dalam Pilihanraya Umum ke 15 kelmarin. Antara sebab utama nya ialah terdapat polarisasi daearah serta kaum dan etnik yang amat ketara. Persoalan nya, adakah etnik atau kaum yang lebih mendasar atau perkumpulan (clustering) etnik atau kaum dipenempatan-penempatan yang berasingan menjadikan garis pemisah utama? Apabila kedua-dua nya dicampur-baurkan, maka agak susah kita mahu memisahkan penyebab, diantara penempatan yang memang berasaskan etnik atau kaum, dan etnik atau kaum itu sendiri. Terdapat pertemuan (confluence) dan juga percampuran (mixing) yang sukar dipisahkan.

Perkara ini sudah lama diperdebatkan oleh pemikir penempatan geografi dan juga rangkain sosial manusia (human network), dimana pertumpukan penempatan terjadi secara semula jadi mengikut persamaan yang ada pada sesuatu puak. Perpuakan tersebut tidak semesti nya berdasarkan kaum, tetapi persamaan yang



Figure 27: Hasil undian parlimen Serian dan Stampin

lain, terutama nya kepada aktiviti-aktiviti seharian. Contoh nya, kadar pengganguran, kadar pendapatan isi rumah, jenis perumahan yang mampu dimiliki, dan sebagai nya. Contoh yang jelas di Amerika Syarikat ialah bagaimana kawasan ghetto di tengah-tengah bandar seperti Chicago, kebanyakan nya didiami oleh orang berkulit hitam dan hispanik. Kecenderungan orang berkulit hitam atau hispanik mengundi berbeda, tergantung samada mereka itu tinggal di daerah ghetto, atau di pinggir bandar, ataupun di luar bandar. Penggaris utama ialah penempatan mereka, bukan nya kaum mereka. Tetapi lantaran sesetengah penempatan lebih terkumpul kepada sesuatu etnik, maka di perkatakan bahawa etnik tersebut memihak kepada sesuatu pandangan politik tertentu. Sedangkan penggaris utama bukan lah etnik, tetapi habitat tempat mereka menetap.

Perkara ini memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk mendapat pengertian yang lebih jitu serta menepati keadaan yang sebenar nya. Yang jelas nya, data menunjukkan terdapat garis pembahagi geografi serta kerterkaitan geografi (geographic contiguity) serta penularan secara dearah geografi yang amat ketara telah terjadi.

4.2 Pola pengundian mengikut etnik

Sekarang kita tumpukan pula kepada persoalan pengundian mengikut etnik. Hal ini di perkatakan oleh sesetengah penganalisa bahawa PH hanya menerima 11% daripada undi Melayu, sementara PN menerima 54% undi Melayu, dan BN menerima 33% undi Melayu (Bridget Welsh, https://bridgetwelsh.com/articles/a-divided-electorate-preliminary-analysis-on-ethnic-voting/). Adakah ini benar?

Saya hanya membuat kajian undi Melayu terhadap PH, lantaran analisa yang mengatakan undi Melayu kepada PH terlalu amat rendah, menurun daripada 37% (PRU13), kepada 25% (PRU14), dan kepada 11% (PRU15). Sementara fakta bahawa undi kaum cina kepada PH meningkat hanya sedikit sahaja, iaitu daripada 85% (PRU13), kepada 91% (PRU14) dan kepada 94% (PRU15). Tiada perubahan ketara terjadi kepada sokongan kaum india kepada PH, iaitu bersekitaran 80%.

Cuba kita lihat charta dibawah untuk negeri Perak.

Secara nyata Taping, Tambun, juga di Ipoh Timor dan Ipoh Barat serta Teluk Intan, undi Melayu (Bumiputera) kepada PH melebihi 25%, dan memberi kemenangan kepada PH dikawasan-kawasan tersebut. Sehinggakan di Parit Buntar, dimana PH kalah kepada PN, undi Melayu kepada PH melebihi 20%.



Figure 28: Anggaran pengundi PH di Perak

Selangor, seperti tercatat dalam charta juga membuktikan hal yang sama.



Figure 29: Anggaran pengundi PH di Selangor

Di Pahang pun terdapat hanya sebahagian tempat dimana undi Melayu kepada PH di bawah 11%, yang ditimbang-balik kawasan-kawasan yang lain seperti Bentong. Bahkan Bentong di menangi PH lantaran terdapat undi Melayu yang cukup besar (lebih daripada 11%) bagi memenangkan DAP di kawasan tersebut.

Johor, dimana jumlah pengundi Melayu agak ramai di pelbagai kawasan jelas menunjukkan fakta yang sama.

Bahkan kalau diperhatikan kepada kesemua charta-charta yang disertakan, kita boleh merumus dengan jelas bahawa pembahagian undi mengikut kaum, tidak banyak berubah daripada PRU14, dimana lebih 25% orang Melayu mengundi kepada PH.

Logika nya mudah sahaja, iaitu hampir 17.5 pengundi adalah dari kalangan Melayu; PN mendapat 4.7 juta undi, hampir 95% nya Melayu, dan BN mendapat 3.45 juta undi, hampir 80% nya Melayu, bermakna hampir 3 juta pengundi Melayu mengundi kepada PH, iaitu bersekitar 25%. Bahkan kalau kita mengambil kira bahawa didalam PRU kali ini terdapat tiga penjuru utama, jadi logiklah sekiranya undi Melayu kepada PH berkurangan sedikit lantaran berlaku perpindahan undi daripada PH kepada PN atau pun BN. Tetapi perpindahan besar-besaran tidak lah terjadi.



Figure 30: Anggaran pengundi PH di Pahang

4.3 Pola pengundian pengundi muda

Secara umum nya, apabila satu jalur mengundi itu memihak kepada PH ataupun PN, jalur-jalur yang lain (iaitu pengundi lebih muda) mengarah kepada pihak yang sama. Ini bermakna, sekiranya satu kawasan itu, orang-orang tua nya memihak kepada PH, maka golongan yang lain nya juga cenderung kepada PH. Fakta ini menyangkal dakwaan bahawa golongan muda telah secara segerombolan (en-masse) membuat perubahan pemihakan kepada PN atau pun pihak lain. Dalam erti kata yang lain, pola pengundian tidaklah terlalu mengikut demografi umur, tetapi megikut fakta yang lain.

Ambil contoh jalur mengundi untuk Alor Setar dibawah; jalur-jalur nya tidak berbelang-belang. Bahkan sekiranya bermula dengan hijau (PN), berkahir dengan hijau (PN); bermula dengan merah (PH) berakhir dengan merah (PH). Yang membahagi ialah kawasan mengundi, bukan nya umur.

Hal yang sama terjadi di Indera Mahkota, Pahang.

Ataupun juga di Tambun, Perak.

Yang agak menarik di Tambun, terdapat jalur-jalur yang bermula dengan biru (BN), tetapi berakhir dengan hijau (PN). Ini adalah satu fenomena yang patut menjadi perhatian, iaitu umur pengundi menjadi faktor besar kepada BN, dimana pengundi tua yang masih berpihak kepada BN, tidak diikuti oleh pengundi muda yang berpihak kepada PN.

Hal yang sama juga dapat dilihat di Baling, Kedah, yang mana sebelum nya dimenangi BN dalam PRU14. Pengundi tua masih ramai yang mengundi BN, tetapi di kalangan pengundi muda, BN mengalami pengurangan yang agak teruk.

Secara ringkas nya, permasalahan peralihan pengundi muda yang berpindah daripada PH kepada PN tidaklah terlalu ketara atau nyata. Tetapi peralihan atau perubahan pengundi muda daripada BN kepada PN adalah satu faktor yang perlu dimengertikan kenapa ianya terjadi.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, pertarungan utama dikawasan-kawasan luar bandar, dimana PH tidak mempunyai pengaruh tinggi, adalah diantara PN dan BN. Ternyata, PN memenangi golongan muda melebihi daripada BN. Daya tarik BN terhadap golongan muda adalah suatu perkara yang perlu pengkajian yang lebih mendalam terhadap penyebab kepada kejadian sebegini.

4.4 Pengaruh "perang digital" terhadap pola pengundian

Ramai yang memperkatakan bahawa golongan muda terpengaruh dengan media sosial dalam menentukan kecenderungan pengundian mereka. Adakah perkara ini dapat disahkan melalui hasil pilihanraya berdasarkan



Figure 31: Saluran pengundi Alor Setar, Kedah



Figure 32: Jalur pengundi Indera Mahkota, Pahang



Figure 33: Jalur pengundi Tambun, Perak



Figure 34: Jalur pengundi Baling, Kedah

data yang diperolehi?

Saya ingin memperjelaskan bahawa didalam konsep rangkaian pengaruh ("ego network") sememang nya terdapat beberapa individu yang sememang nya mempunyai pengaruh sendiri didalam masyarakat mereka. Rangkaian ini sememang nya harus wujud sebelum ianya boleh terpakai. Dalam waktu singkat semasa kempen pilihanraya, rangkaian ini tidak boleh wujud dengan kadar segera untuk menjadikan proses "meresap" (percolation) kedalam masyarakat setempat menjadi satu proses yang menular dan melata. Dalam erti kata yang lain, proses "penyiapan" (conditioning) harus terjadi terlebih dahulu. Ianya memakan waktu dan masa untuk penyiapan tersebut dibuat dengan sempurna supaya apabila kempen dilancarkan, ianya sudah sedia untuk menerima mesej yang mahu disampaikan. Proses ini bagi PN telah pun bermula berbulan-bulan sebelum ianya dilancarkan. Persoalan nya, adakah proses serta kempen yang dilancarkan mendapat hasil yang diinginkan?

Mengikut data yang diperolehi, jawapan nya, ya. Secara jelas sasaran yang ditujukan menunjukkan hasil yang berkesan. Terutama nya, pengaruh terhadap golongan pengundi muda luar bandar, yang secara nyata mengarah kepada PN dimana-mana. Yang menjadi terkesan adalah BN di luar bandar. Disinilah pertarungan besar terjadi diantara PN dan BN, dimana terdapat "vote transferability" terjadi dengan kadar yang besar. PH sememang nya tidak mempunyai pengaruh besar di luar bandar. Walaubagaimanapun, PH terkesan dengan pengundi pinggiran bandar dan juga dalaman bandar dimana golongan muda yang menetap dikawasan-kawasan yang lebih "pendapatan rendah bandar". Sekiranya inilah sasaran yang dikehendaki, maka jawapan nya, strategi tersebut berkesan.

Adakah proses dengan pengaruh digital mencukupi, tanpa proses penyiapan awalan (pre-conditioning)? Adakah ianya juga mencukupi tanpa ada unsur-unsur peneguhan (affirmation) lain seperti imbuhan kewangan? Dalam teori fizik sosial yang saya perkatakan dalam bab sebelum ini, proses penyiapan awal dan peneguhan adalah sebahagian besar daripada faktur kejayaan program. Bagaimana ianya diperlakukan dengan menggunakan jentera serta agensi kerajaan oleh pihak "incumbent" menjadi persoalan utama. Adakah perkara sebegini menepati undang-undang serta kaedah demokrasi di negara kita?

4.5 Undian pegawai kerajaan

Secara umum nya data pengundian pegawai kerajaan, askar dan juga tentera tidak mudah untuk dikaji secara tepat dan teliti. Undi adalah rahsia. Proksi yang kita perolehi hanyalah dengan mengandaikan undian awal hampir kesemuanya merupakan pegawai kerajaan, lantaran mereka akan menjadi anggota barisan hadapan sewaktu pilihanraya diadakan.

Apakah dapatan yang kita perolehi daripada undian awal?

Negeri	PN	BN	PH
Perlis	65%	30%	5%
Kedah	65%	30%	5%
Kelantan	55%	40%	5%
Terengganu	55%	40%	5%
P Pinang	45%	55%	5%
Perak	50%	40%	10%
Pahang	45%	55%	5%
Selangor	40%	50%	10%
W. P. Kuala Lumpur	55%	45%	10%
Negeri Sembilan	30%	65%	5%
Melaka	30%	65%	5%
Johor	30%	65%	5%

Jelas sekali bahawa tarikan PH kepada pegawai-pegawai kerajaan amatlah rendah sekali. Ini termasuk negeri-negeri yang diperintah oleh PH, seperti Pulau Pinang dan Selangor. PN mempunyai tarikan yang

besar terutama nya di negeri-negeri utara semenanjung dan pantai timur. BN pula secara rata-rata nya masih mempunyai tarikan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

4.6 Rumusan

Sekiranya satu taman perumahan itu cenderong kepada PN, hampir keseluruhan taman tersebut mengundi PN, tidak kira umur tua atau muda. Sebalik nya sekiranya taman itu cenderong kepada PH, hampir keseluruhan taman tersebut mengundi PH, tak kira umur tua atau muda. Ia terjadi hampir disetiap parlimen diseluruh negara, tak kira daerah, atau negeri di seluruh semenanjung, dan juga Sarawak serta Sabah.

Apakah hipotesis yang boleh di nyahbenar (falsified)?

1. Bahawa pengundi kali pertama dan muda mengundi PN semata-mata? Tidak benar. Sekiranya kawasan tersebut cenderong kepada PN atau PH, maka pengundi tua dan juga muda sama saja. Ini bermakna pengundi muda memang mengikut undian orang-orang lebih dewasa atau tua. Orang muda terpengaruh dengan orang lebih dewasa, dan pengaruh Tik-Tok dikalangan muda, tidaklah benar sepenuh nya, walaupun mungkin ada kesan-kesan nya.
2. BN masih berpengaruh? Tidak benar; Yang jelas ialah pada undian awal, iaitu pegawai kerajaan, polis, askar, dan front liners lain yang biasa nya biru sudah beralih kepada hijau secara total dimerata tempat. Pengaruh biru masih terdapat dijalur 1 dan 2, tetapi jalur 3 dan lain-lain sudah teramat pudar.
3. PH tidak mendapat undi muda? Tidak benar. Sekiranya satu tempat pengundian itu PH, dari tua sampai ke muda, semuanya PH. Dibandar-bandar dan semi-bandar, memang merah hampir kesemua tempat, muda dan tua sama sahaja. Tetapi apabila di "slum-slum" bandar, ianya beralih kepada PN. Poket-poket PN terdapat dimerata tempat, apabila tempat tersebut merupakan "slum". Disini tua atau muda, memang menghijau (Maaf terrhadap pengunaan perkataan "slum", ianya tidak bermaksud menghina, tetapi lebih mudah difahami makna nya).

Apakah hipotesis yang di sahkan?

1. Pemewarnaan geografi adalah lebih menular, sampai kekampung-kampung dan taman-taman perumahan. Pemewarnaan nya lebih tepat apabila kita "overlap" kan dengan pendapatan penduduk dan status sosio-ekonomi. Kaum hanya menjadi faktur sekunder, bukan nya primer. Umur bukan faktur pembahagi, bahkan ianya faktur yang amat rendah pengaruh nya.
2. Peralihan undi (vote transferability). Terjadi secara besar-besaran daripada biru kepada PN dimerata tempat. Sekiranya ia terjadi, ianya melibatkan semua dari tua sampai kemuda. Fenomena merah kepada PN tidaklah terjadi dengan nyata, tetapi lebih terpengaruh kepada faktur homofili geografi. Dalam pertarungan tiga penjuru, ianya memanafaatkan hijau, kerana jumlah majoriti yang diperlukan lebih rendah (lower threshold to win). Ini juga bermakna, bukanlah kawasan yang dimenangi PN (kecuali Kelantan dan Terengganu) itu sudah berubah menjadi PN secara total. Risiko kepada PN untuk menang dan mengekalkan kawasan tersebut sekiranya merah dan biru bergabung amatlah besar.
3. Homofili kedaerahan wujud dengan nyata. Kebergantungan dengan kajian menggunakan data sosial media terlalu banyak "noise". Kita perlu menggunakan data sains dan statistik serta kajian geospatial serta spatial untuk mendapatkan "emergent structures" yang lebih jitu.

Banyak lagi dapatan yang boleh kita perolehi dengan mencerakinkan kajian data terperinci serta granular.Dapatan nya tak ubah seperti tikar anyaman yang berwarna merah (PH) sebagai gentian utama yang wujud ditengah-tengah dan seluruh tikar, di campurkan dengan gentian biru (BN) yang merata, dan gentian hijau (PN) yang ada disetiap penjuru. Disetiap daerah pula, umpamakan pakaian, satu kampung sekiranya memakai tenunan merah, maka sekampunglah berpakaian merah, tak kira tua atau muda. Mungkin fesyen muda berbeza sikit dari yang tua, tetapi warna tenunan kain nya sama warna.

Kalau kita menggunakan kaedah sains rangkaian (network science), kita boleh katakan PH, mempunyai "betweeness centrality", "prestige centrality", serta "hub and spoke" yang tinggi. BN pula hanya mempunyai "degree centrality" yang tinggi, tetapi melemah dalam aspek "betweenness centrality" dan juga "prestige

centrality". "Prestige centrality" dan "degree centrality" yang sebelum nya ada pada BN telah beralih kepada PN.

Dalam aspek kestabilan sistem, yang menjalinkan kesemua (umpamakan fabrik gentian tikar), PH merupakan "common factor and strength factor", tanpa nya tikar akan terurai. BN akan menjadi penampung supaya tiada "structural holes" dalam rangkaian tersebut. PN pula menjadi pelengkap, "complimentarity factor", tanpa nya, "edges of the system are hollow".

5 KEPUTUSAN YANG BERBELAH BAGI

Keputusan PRU15 yang berbelah-bagi sememangnya adalah suatu yang boleh dijangkakan, disebabkan terdapat pertandingan tiga atau lebih penjuru. Permasalahan ini telah saya jelaskan dalam "starfish problems" yang diutarakan didalam bab yang awal tadi. Ini adalah disebabkan, diantara nya didalam sistem demokrasi Westminster yang menggunakan "First Past the Post" (FPTP), pemilihan yang lebih daripada binari, pasti akan menjuruskan kepada keputusan yang meruncing dan perpecahan yang lebih besar dikalangan pengundi.

Dalam Bab ini kita akan menggambarkan apa yang terjadi hasil daripada PRU15 bagaimana perkara yang kita jelaskan tadi terbentuk di Malaysia.

5.1 Siapa pemenang mengikut undian tiga penjuru?

Kebiasaan daripada pertembungan sengit tiga penjuru dalam mana-mana pilihanraya menghasilkan perpecahan ketara dan keputusan tergantung. Sebagai contoh, pertandingan dua penjuru biasa nya menghasilkan peratusan undi kepada satu calon melebihi 50% sementara calon lawan nya dengan undian kurang daripada 50%, memberikan kemenangan kepada satu calon berdasarkan majoriti mudah. Pengundi berpecah kepada dua puak. Lebihan undi, walaupun satu undi sekalipun, memberikan keputusan yang memihak kepada satu puak dan puak yang kalah, walaupun hampir 50% pengundi, tetap kalah dan selalu nya tidak berpuas hati.

Apabila terdapat pertandingan tiga penjuru, katakan satu calon mendapat 33%, calon kedua juga 33%, sementara calon ketiga pula mendapat 34% dan menang. Puak-puak yang kalah lebih ramai daripada 50%, kerana jumlah nya 66% daripada pengundi. Bermakna, puak yang tidak berpuas hati bertambah. Ini yang menambahkan keruncingan perpecahan kepada pengundi kerana ada dua puak yang tak berpuas hati lantaran kekalahan tipis calon mereka.

Peta-peta dibawah menggambarkan keadaan dimana hasil daripada pertarungan tiga penjuru,



Figure 35: Peta peratusan undi Semenanjung Malaysia

Peta peratusan undi bagi Semenanjung di paparkan dalam charta diatas. Ianya menunjukkan dengan jelas bahawa keamatan (intensity) pewarnaan dibawah 50% adalah terjadi hampir kepada keseluruhan semenanjung. Ini menunjukkan bahawa pertarungan tiga penjuru tidak terhad kepada sesuatu daerah tertentu sahaja, bahkan ianya merupakan fenomena meluas.

Sebalik nya keamatan pewarnaan diatas 50% pula hanya terjadi di kelompok-kelompok tertentu, seperti di



Figure 36: Peta peratusan undi WP Kuala Lumpur

Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu) bagi Perikatan Nasional. Sementara bagi Pakatan Harapan pula, keamatan pewarnaan diatas 50% terjadi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Ini memberi makna bahawa hany dikawasan-kawasan sebegini sahaja tiada pertembungan tiga penjuru yang kuat.

Kesemua ini membawa kita kepada hasil yang dijangka, iaitu tiada blok mana pun yang mempunyai kekuatan yang jelas berdasarkan keamatan pewarnaan mengatasi 50%. Sebaliknya, yang akan menjadi penentu ialah dengan menggunakan neraca pewarnaan mengatasi 33%. Neraca yang boleh digunakan untuk mengukur keputusan ialah dengan menggunakan konsep "undian Borda". Disini kita tetapkan "threshold" untuk bilangan dan membuat "bilangan mudah" (simple counting rules) untuk menentukan siapa yang paling tinggi bilangan nya. Ini dipaparkan dalam pemetaan dan jadual mengikut blok-blok utama yang bertanding.



Figure 37: Peratusan undi Barisan Nasional

Untuk Barisan Nasional, terdapat 7 kerusi yang mempunyai undian melebihi 50% sementara terdapat 63 kerusi mempunyai undian antara 30%-49%. Jumlah kerusi mempunyai undian diatas 30% adalah 70 kerusi.



Figure 38: Peratusan undi Perikatan Nasional

Untuk Perikatan Nasional, terdapat 38 kerusi yang melebihi 50%, sementara 58 kerusi yang mendapat undian 30%-49%; jumlah kerusi mempunyai undian diatas 30% adalah 96 kerusi.



Figure 39: Peratusan undi Pakatan Harapan

Sementara untuk Pakatan Harapan, terdapat 45 kerusi yang melebihi 50%, dan 68 kerusi yang mendapat undian 30-49%; jumlah kerusi mempunyai undian diatas 30% adalah 113 kerusi.

Hasil nya adalah seperti berikut:

Blok	>30%	>50%	Kerusi menang
PH	113	45	82
PN	96	38	73
BN	70	7	30

Mengikut “simple counting rule” berdasarkan siapa yang paling tinggi bilangan nya, pemenang nya ialah Pakatan Harapan, samada >30% dan juga >50% tanpa keraguan. Tetapi disebabkan pentafsiran majoriti dalam parlimen berdasarkan jumlah kerusi melebihi 111 (>50% kerusi) sebagai “exact counting rule”, maka

jawapan nya tiada blok yang menjadi pemenang dan keputusan adalah tergantung dan memerlukan "tie-breaker". Disesetengah negara, ianya melalui proses "run-off" dengan mengeluarkan blok ketiga terbawah daripada undian baru, yang memaksa pengundi memilih salah satu daripada blok kedua teratas.

Kerana ketiadaan "run-off" maka kita hanya boleh membuat andaian bagaimana hasil "run-off" tersebut, berdasarkan undian yang sudahpun berlalu. Ini yang saya cuba ketengahkan dibawah.

Pertama nya dengan menggunakan penentu "saling ekslusif" (mutually exclusive), iaitu aturan ">50%" sebagai penentu. BN + PN = 7 + 38 = 45, tidak dapat mengatasi PH = 45. Tie-breaker tidak dapat diputuskan. BN + PH = 7 + 45 = 52, mengatasi PN = 38. Tie-breaker terputus.

Kedua nya dengan menggunakan penentu "keterangkuman" (inclusivity rule), iaitu aturan ">30%". BN + PN = 70 + 96 = 166, mengatasi PH = 112. Tie-breaker dapat diputuskan. BN + PH = 70 + 113 = 183, mengatasi PN = 96. Tie-breaker diputuskan dengan jumlah yang besar.

Kesemua angka-angka diatas membawa kepada satu arah yang jelas, iaitu dengan ketiadaan "run-off election" untuk menyelesaikan tie breaker, keputusan nya satu sahaja, iaitu dengan pihak yang paling terkebawah, iaitu BN mesti membuat pilihan, iaitu untuk menyokong PH atau PN sebagai penentu dalam "tie-break". Untuk memastikan "less number of people to be disenfranchised", jawapan nya jelas, iaitu penyokong BN akan menyokong PH dalam situasi keputusan tergantung.

5.2 Pertarungan sengit

Sekarang mari kita melihat pula kesengitan pertarungan yang terjadi diantara ketiga-tiga blok utama yang bertanding. Ini dipaparkan dalam charta peta dibawah:



Figure 40: Peta kesengitan perlawanan

Ini diperjelaskan lagi didalam heatmap mengikut blok:

Ini lebih diperincikan lagi dengan heatmap mengikut negeri-negeri:

Oleh kerana kesengitan antara PN dan BN adalah amat ketara, kita perincikan lagi heatmap diantara kedua-dua blok tersebut:

Keseluruhan gambaran menunjukkan bahawa pertarungan tiga penjuru sememangnya membelah-bagi (divisive). Jumlah kerusi yang dikatakan mempunyai margin selesa tidak banyak, dan perubahan mudah boleh terjadi pada banyak kerusi-kerusi marginal, sekiranya terjadi gabungan antara dua blok menentang blok yang satu lagi.



Figure 41: Heatmap kesengitan perlawanan mengikut parti



Figure 42: Heatmap kesengitan perlawanan mengikut parti dan negeri



Figure 43: Heatmap kesengitan perlawanan antara BN dan PN

5.3 Kebolehpindahan undi

Perkara seterusnya ialah berkenaan dengan kebolehpindahan undi diantara blok-blok utama. Iaitu apakah terjadi proses kebolehpindahan tersebut sewaktu PRU15 kelmarin? Adakah ianya merupakan suatu yang ketara?

Kita akan menganalisa perkara mengikut setiap kerusi disetiap negeri.



Figure 44: Kebolehpindahan undi Perlis



Figure 45: Kebolehpindahan undi Kedah



Figure 46: Kebolehpindahan undi Kedah


'Vote Transferability' dari PRU14 ke PRU15 untuk 3 Blok Utama di Kelantan (1)
PAS dilabel sebagai PN pada PRU14
P.019 Tumpat
P.020 Pengkalan Chepa
P.021 Kota Bharu
P.022 Pasir Mas
P.023 Rantau Panjang
P.024 Kubang Kerian
P.025 Bachok
P.026 Ketereh
(BN)
Incumbent
Different Party & Coalition
(+8.67)
(-4.44)
(-3.96)
(+15.02)
(-11.9)
(-2.87)
(+11.56)
(-8.46)
(-3.34)
(+16.43)
(-6.37)
(+0.52)
(+11.97)
(-9.25)
(-3.87)
(+12.55)
(-7.1)
(-5.41)
(+14.98)
(-13.47)
(-1.64)
(+24.98)
(-19.59)
(-5.22)
Peratusan Undi (%)
PRU
14
15
Gabungan/Parti
PN
BN
PH


'Vote Transferability' dari PRU14 ke PRU15 untuk 3 Blok Utama di Kelantan (2)
PAS dilabel sebagai PN pada PRU14
P.027 Tanah Merah
P.028 Pasir Puteh
P.029 Machang
P.030 Jeli
P.031 Kuala Krai
P.032 Gua Musang
(+34.47)
(-33.4)
(-0.39)
(+18.06)
(-15.39)
(-2.32)
(BN)
Incumbent
Same Party & Coalition
(+12.63)
(-7.75)
(-4.15)
(+24)
(-21.27)
(-2.63)
(+13.71)
(-10.44)
(-2.87)
(+6.27)
(-3.55)
(-3.04)
Peratusan Undi (%)
PRU
Gabungan/Parti
PN
BN
PH



Figure 47: Kebolehpindahan undi Terengganu



Figure 48: Kebolehpindahan undi Pulau Pinang



Figure 49: Kebolehpindahan undi Pulau Pinang



Figure 50: Kebolehpindahan undi Perak



Figure 51: Kebolehpindahan undi Perak



Figure 52: Kebolehpindahan undi Perak



Figure 53: Kebolehpindahan undi Pahang



Figure 54: Kebolehpindahan undi Pahang



Figure 55: Kebolehpindahan undi Selangor



Figure 56: Kebolehpindahan undi Selangor



Figure 57: Kebolehpindahan undi Selangor

'Vote Transferability' dari PRU14 ke PRU15 untuk 3 Blok Utama di W.P. Kuala Lumpur (1)

PAS dilabel sebagai PN pada PRU14







Figure 58: Kebolehpindahan undi WP Putrajaya

Dihampir kesemua kerusi dan kesemua negeri terjadi kebolehpindahan undi daripada BN dan juga PH mengarah kepada PN. Ini suatu fenomena yang penting bagi kesemua pihak. Bagi pihak PH, apakah sebab nya berkurangan ketara undi bagi mereka dikerusi-kerusi tertentu; sementara bagi pihak BN pula kenapa lebih banyak perpindahan keluar terjadi kepada mereka berbanding dengan PH, kepada PN. Bagi pihak PN pula, walaupun terdapat perpindahan besar kearah mereka, adakah fenomena ini mencukupi, kerana walaupun terjadi perpindahan, PN masih belum dapat menguasai dikesemua tempat.



Figure 59: Kebolehpindahan undi Negeri Sembilan



Figure 60: Kebolehpindahan undi Melaka



Figure 61: Kebolehpindahan undi Johor



Figure 62: Kebolehpindahan undi Johor



Figure 63: Kebolehpindahan undi Johor

5.4 Garis perpecahan kepada undi

Sekarang kita cuba melihat garis pemecahan kepada undi-undi dan bagaimana perpecahan ini menentukan blok manakah yang menang. Pertama kita lihat bagaimana kesan pecahan ini kepada Barisan Nasional.



Figure 64: Pecahan dalam kerusi dimenangi BN

Secara jelas bahawa BN hanya ada 7 kerusi daripada 30 kerusi dimenangi yang boleh dimenangi secara solo. Kemenangan ini pun amatlah tipis. Sekiranya kita mengambil kontraindikasi, iaitu dengan menggabungkan undian PH dan PN, hampir kesemua 23 kerusi yang menang akan mengalami kekalahan yang ketara. Ini memberikan kedudukan jelas bahawa hampir kesemua 30 kerusi yang dimenangi kelmarin adalah dalam risiko yang tinggi. Senarai kerusi-kerusi tersebut dipaparkan dalam charta dibawah:

Kedudukan PN pula agak berbeza. Pecahan undi untuk 73 kerusi dimenangi dipaparkan dibawah.

Terdapat 35 kerusi atau hampir 50% daripada kerusi dimenangi adalah dibawah kategori kerusi berisiko



Figure 65: Kerusi BN berisiko



Figure 66: Pecahan dalam kerusi dimenangi PN



Figure 67: Pecahan dalam kerusi dimenangi PN

tinggi. Senarai nya dipaparkan dalam charta dibawah.

Dan akhir nya kedudukan PH adalah 82 kerusi yang dimenangi, seperti yang dipaparkan dibawah.

Terdapat 31 kerusi daripada 82 kerusi yang dibawah kategori risiko tinggi. Senarai nya dipaparkan dalam charta dibawah.

Kesemua charta-charta dan senarai kerusi-kerusi berisiko memberikan senario berikut:

1. Sekiranya pecahan antara PN dan BN digabungkan, PH hanya mempunyai 49 kerusi sahaja yang selamat.
2. Sebaliknya sekiranya pecahan antara PH dan BN digabungkan, PN hanya mempunyai 38 kerusi sahaja yang selamat.
3. Akhir nya, sekiranya pecahan antara PH dan PN digabungkan, BN hanya mempunyai 7 kerusi sahaja yang selamat dengan tipis. Bahkan kemungkinan "total wipe-out" bagi BN adalah satu risiko yang memang nyata.

Analisa diatas hanyalah merupakan senario yang statik, iaitu tidak mengambil kira keadaan yang sebenar mungkin terjadi sekiranya gabungan undi tersebut dibuat secara real. Ini disebabkan faktur kebolehpindahan undi yang tidak semestinya berpihak kepada satu arah sahaja sekiranya hanya ada dua pilihan binari yang ada.

5.5 Rumusan

Pilihanraya yang bersifat tiga penjuru sememangnya bakal menghasilkan perpecahan ketara kepada peratusan undian kepada setiap blok yang bertanding. Perpecahan ini akan menghasilkan pelbagai penjuru kekutuban yang tidak stabil. Itulah hakikat yang didapati hasil daripada PRU14 dimana terdapat loncatan parti serta pembelotan yang menyebabkan kerajaan bersilih ganti. Ini dibuktikan lagi dengan hasil PRU15, dimana garis pemecah dapat dilihat dengan secara ketara, dengan keputusan akhir nya adalah parlimen tergantung.

Analisa yang dibuat menjawab satu persoalan yang diwar-warkan oleh sesetengah pihak, bahawa PRU14 oleh Pakatan Harapan adalah salah kerana jumlah undian Melayu-Islam adalah majoriti kepada PN dan BN digabungkan, dan undian tersebut adalah keputusan yang memberikan mereka hak untuk memerintah. Oleh sebab itu kerajaan PH waktu itu mesti dijatuhkan dan diganti dengan gabungan PN-BN, seperti yang terjadi melalui Langkah Sheraton. Pembuktian pengakuan tersebut sebagaimana dalam kes-kes yang sedemikian ialah dengan membuat "polling" menentukan kebenaran sebenar. PRU15 adalah merupakan polling tersebut dan jawapan nya memang meleset.

Pengakuan seperti yang dibuat adalah satu perkara yang boleh dianggap licik dan tidak bertanggungjawab, kerana ianya mendatangkan kekeliruan besar dikalangan rakyat serta menimbulkan persepsi negatif terhadap proses pilihanraya serta penentuan pemerintahan. Bahkan, boleh kita katakan ianya merupakan naratif yang dibuat-buat supaya menjadi bahan utama kempen bagi memanipulasi pandangan umum terhadap kebenaran naratif tersebut. Perkara ini juga menimbulkan naratif perkauman serta agama yang meruncing dikalangan pengundi dan masyarakat yang meningkatkan lagi jurang perkauman serta agama didalam masyarakat.

Disini ingin saya nyatakan bahawa politik beretika dan bermoral mestilah menjadi sebahagian daripada pertanngungjawaban demokrasi yang pemimpin-pemimpin politik mesti amalkan. Ini adalah kerana hasil daripada "manufacturing consent" dan manipulasi naratif, serta kelicikan pembelotan serta penipuan, walaupun memberikan keuntungan lebih kepada pihak-pihak tertentu, merobohkan asas serta landasan demokrasi negara. Hasil nya ialah perpecahan yang lebih meruncing, kesenjangan yang bertambah tinggi. Ini terjadi dengan mengorbankan keharmonian masyarakat.

Akhir sekali, sayugialah menjadi ingatan dan panduan kepada pimpinan politik negara untuk mencari jalan dengan kadar segera untuk merapatkan jurang serta memudarkan keamatan perpecahan dikalangan masyarakat dengan memahami kepalsuan naratif-naratif tertentu, yang hanya berintikan kepada manipulasi dengan tujuan memegang tampuk kuasa yang tidak mendapat keabsahan yang murni.



Figure 68: Kerusi PN berisiko



Figure 69: Pecahan dalam kerusi dimenangi PH



Figure 70: Pecahan dalam kerusi dimenangi PH



Figure 71: Kerusi PH berisiko

6 BAGAIMANA MEMBENTUK KERAJAAN

Persoalan membentuk satu gabungan yang akan menjadi kerajaan yang mempunyai keabsahan yang tinggi daripada bukan sahaja majoriti pengundi, tetapi daripada sejumlah besar rakyat adalah satu jalan yang penting untuk mendamaikan keadaan serta mengujudkan kestabilan politik yang lebih daya kebertahanan. Kestabilan poilitik yang lebih bertahan waktu penting demi kesejahteraan rakyat yang memerlukan sebuah kerajaan yang menyantuni permasalahan kehidupan mereka serta pembangunan ekonomi negara yang berdaya saing tinggi didalam dunia global.

Penentuan gabungan yang mempunyai keabsahan tinggi ini bukanlah suatu yang mudah dan tidak dapat dibuat dengan hanya retorik serta pergabungan angka-angka mudah (simple numbers counting). Bahkan ia memerlukan kefahaman mendalam terhadap pola serta struktur sistem pengundian serta kaedah-kaedah penentuan dalam pilihanraya yang termaktub didalam perlembagaan negara serta maksud dan pengertian niat dalam perlembagaan. Ianya suatu yang rumit serta kompleks, sebagaimana yang saya jelaskan lebih awal iaitu sistem demokrasi, walaupun ianya adalah terbaik, mempunyai kepincangan yang tinggi.

Disini saya akan mengutarakan satu kaedah yang berasaskan kebarangkalian (probability) dan kaedah saintifik bersandarkan kepada statistik. Ianya bermula dengan kita melihat bagaimana pola pengundian pilihanraya Malaysia sebelum PRU15 sebagai "proofs", dan dari situ kita memodelkan dengan menggunakan model yang sama sebagai pengukur (measures) kepada hasil nya.

6.1 Pola pengundian pilihanraya

Secara umumnya apabila kita melakarkan jumlah undi kepada setiap parti disusun mengikut kawasan pengundian didalam mana-mana pilihanraya, ianya akan menyerupai keluk taburan Gamma (Gamma distribution curves) didalam kaedah analisa statistik. Satu lengkung yang senget kekiri dan memanjang kekanan. Ianya sama juga dengan pola untuk median pendapatan penduduk (population median incomes), ketinggian manusia, berat badan manusia, dan sebagai nya. Pola ini wujud dengan jelas didalam alam semula jadi. Tidak hairanlah sekiranya pola pengundian juga mengikut bentuk lengkung yang sama. Perkara ini telah pun dikaji dan disahkan dalam pelbagai kajian sains politik berasaskan data mutakhir ini.

Keluk taburan Gamma mempunyai dua faktur: bentuk (shape) dan skala (scale). Bentuk menentukan kesengetan dan pembujuran kekanan sementara skala menentukan pivot kedudukan tengah (center scale).

6.1.1 PRU ke 11 (2004)

Pilihanraya ke 11 pada 2004 merupakan period kekuatan Barisan Nasional di kemuncak. BN mendominasi hampir kesemua jenis kerusi, samaada kerusi besar dan juga kerusi kecil. Bentuk Keluk taburan undian nya (Gambarajah "Keluk taburan undian Barisan Nasional PRU 2004") lebih merupakan Keluk normal, banyak pertindandan dengan Keluk taburan undian bagi keseluruhan undian pilihanraya (Gambarajah "Keluk utama taburan undian PRU 2004"). Sementara bagi pihak pembangkang (iaitu PKR, PAS, dan DAP) tiada pola yang jelas dan pertindihan dengan Keluk utama adalah bertompok-tompok (spotty).

Didalam istilah pengundian pilihanraya, ini memberi erti bahawa Barisan Nasional telah mendapat "spot on" dengan sentimen pengundi keseluruhan. Ini juga memberi makna bahawa BN adalah suara majoriti selesa rakyat, dan ini mengesahkan bahawa penerimaan rakyat terhadap BN adalah jelas tanpa keraguan.



Gamabarajah keluk-keluk diatas menunjukkan secara jelas bahawa BN adalah "the only representative" kepada sejumlah besar pengundi-pengundi, dimana boleh kita istilahkan bahawa BN adalah suara rakyat yang utama dengan nyata lagi jelas.

Ini disahkan dengan membandingkan bentuk dan skala keluk kepada keluk taburan undian keseluruhan, BN dan juga Pembangkang. Nyata sekali ukuran keluk BN adalah hampir bersamaan dengan ukuran keluk keseluruhan. Ukuran ini di nyatakan dalam jadual dibawah.

Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	3.25	55,553
Undian BN	3.37	56,714
Undian Pembangkang	7.35	63,825

6.1.2 PRU ke 12 (2008)

Pilihanraya ke 12 pada 2008 menunjukkan peralihan arah dimana pihak pembangkang telah mula membuat "in roads" kebanyak kawasan pengundian yang sebelumnya didominasi oleh Barisan Nasional. Semenjak pilihanraya pasca gerakan reformasi, PRU 2008 mula menunjukkan tanda-tanda peralihan yang besar (atau infleksi) pola pengundian yang berubah daripada kutub Barisan Nasional kepada kutub Pembangkang. Dalam istilah Keluk Gamma, bentuk dan juga skala mula beralih; bentuk lebih membesar dan meninggi, sementara skala lebih ketengah hampir sama dengan Keluk utama (shifting of the center towards the centre of the main curve).

Didalam istilah pengundian pilihanraya, ini memberi erti bahawa Barisan Nasional masih merupakan suara besar rakyat. Tetapi dalam waktu yang sama Pembangkang juga mempunyai suara yang sudah agak besar, walaupun lebih kecil daripada Barisan Nasional (smaller than BN, but significant voice).



Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	2.73	55,464
Undian BN	2.94	50,363
Undian Pembangkang	4.54	69,786

Sebagai ukuran persamaan atau pertindihan diantara keseluruhan pengundi dengan BN ataupun Pembangkang, keluk keseluruhan pengundi jelas masih bersama dengan Barisan Nasional.

6.1.3 PRU ke 13 (2013)

Pola peralihan yang sama terus terjadi pada Pilihanraya 2013, dimana keluk undian Pembangkang seuah membentuk sebagai Keluk normal (Keluk Gamma berbentuk Keluk normal) dan sudah hampir sama dengan keluk undian Barisan Nasional. Ini menunjukkan pertindihan yang tinggi diantara kedua pihak. Didalam aspek kekutuban, ini bermakna pengundi-pengundi kedua belah telah berubah kearah "middle grounds". Ini berasaskan anggapan bahawa dalam aspek kekutuban, hanya ada dua kutub yang wujud, kutub kerajaan dan kutub pembangkang.

Didalam PRU ke 13 ini juga menunjukkan perubahan ketara kepada keluk utama taburan undian pengundi seluruh negara, dimana ianya sudah pertengahan nya sudah "shifted" kekiri dan bentuk nya juga telah senget kekiri. Ini disebabkan dua faktur, iaitu dengan pertambahan pengundi yang besar terjadi dan juga peratusan keluar mengundi yang bertambah. Lihat jadual yang dipaparkan dibawah untuk PRU ke 13, jumlah mengundi bertambah besar daripada 7.9 juta kepada 11 juta. Pertambahan sebanyak 3.1 juta pengundi dalam bentuk pengundi-pengundi baru serta penglibatan pengundi dalam proses pengundian, iaitu peratusan keluar mengundi.

PRU	Tahun	Jumlah Pengundi	Mengundi	Peratus keluar
ke 10	1999	9.6 juta	6.6 juta	68%
ke 11	2004	9.7 juta	7.2 juta	74%
ke 12	2008	11 juta	7.9 juta	73%
ke 13	2013	13 juta	11 juta	84%
ke 14	2018	14 juta	12 juta	82%



Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	2.55	67,465
Undian BN	3.00	58,266
Undian Pembangkang	3.97	86,945

Bentuk dan skala lekuk taburan pengundian masih jelas bahawa dalam PRU13 masih mengarah kepada Barisan Nasional. Tetapi diwaktu yang sama juga pihak Pembangkang makin menghampiri kepada “centre stage”.

Mengikut aspek kajian pilihanraya, Barisan Nasional sudah sepatutnya mengesani perubahan ini. Iaitu trend jangka panjang yang sudah menunjukkan tanda-tanda bahawa trend ini akan lebih menguat dan berkekalan (untuk satu jangka waktu tertentu). Sepatut nya trend ini sudah menjadi panduan bagi menghadapi PRU ke 14 bagi kesemua parti-parti yang akan bertanding.

6.1.4 PRU ke 14 (2018)

Pilihanraya ke 14 pada tahun 2018 merupakan satu "watershed event" dalam sejarah pilihanraya negara semenjak 1990an. Ini adalah kerana terjadi nya "perbelahan" yang sudah menunjukkan tanda-tanda awal kewujudan tiga kutub, iaitu kutub BN yang sebenar nya sudah tinggal UMNO, kutub PKR, yang mewakili PKR, DAP, Amanah dan Bersatu, sementara kutub PAS, yang bersendirian.

Kewujudan tiga kutub ini memberikan beberapa kesan besar. Pertamanya kepada keluk taburan undian utama (Gambarajah: Keluk taburan utama undian PRU14), yang mana terdapat satu "shift" yang cukup ketara menyenget kekiri dan juga pertengahan nya jua sudah bergerak kekiri. Berbeza jauh dengan PRU13. Dalam peralihan kekutuban ini, jelas juga bahawa Barisan Nasional tidak berganjak daripada keluk lama yang ada pada PRU13, iaitu masih keluk "normal" yang asal. Tetapi nyata sekali PH (atau Pakatan Harapan) sebenarnya menguasai suara yang lebih ketara dan jelas lantaran keluk taburan undian nya hampir "overlap" secara besar dengan keluk utama. Yang agak menarik juga ialah keluk undian PAS yang agak menyerupai keluk PH.



Keluk undian keseluruhan melalui anjakan yang besar dimana kecondongan nya berubah daripada 0.54 untuk PRU13 kepada 2.05. Anjakan ini terjadi kerana beberapa perkara, iaitu jumlah pengundi yang bertambah dan juga undi yang berbelah bagi kepada tiga kutub, dan bukan nya dua kutub seperti terdahulu.

Ini termaktub dengan jelas pada jadual dibawah:

Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	1.42	24,097
Undian BN	2.91	22,132
Undian PH	1.30	32,716
Undian PAS	1.45	15,386

Apabila logik "muwafakat nasional" dibawa oleh PAS dan BN selepas PRU14 bahawa kerajaan PH tidak mewakili "undi orang Melayu", yang sebenar nya dikatakan sebagai suara besar rakyat didalam PRU14 adalah suatu yang meleset sekali. Ini jelas terbayang dalam gambarajah dibawah, dimana gabungan PH dan BN adalah merupakan "better represenations" kepada keseluruhan jumlah besar pengundi. Dalam arti kata lain, ianya merupakan gabungan yang ideal, dimana ianya merangkumi sebahagian besar daripada suara pengundi.



Figure 72: Keluk Taburan PRU14 - Gabungan parti

Apabila kita mengkaji purata atau median serta kecondongan keluk kepada gabungan seperti yang terjadual dibawah, ianya secara jelas membawa pengertian bahawa gabungan yang sepatutnya adalah antara PH dan BN, bukan nya PN dan BN. Ini adalah kerana itulah gabungan suara rakyat yang lebih tepat.

Jadual dibawah menunjukkan keadaan kesamaan bagi dua gabungan tersebut:

Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	1.42	24,097
Undian BN & PAS	1.92	19,114
Undian PH & BN	1.51	27,659

Gabungan PH dan BN lebih berdekatan dengan "center stage".

6.1.5 PRU ke 15 (2022)

Pilihanraya umum ke 15 sebagaimana diketahui merupakan perlawanan tiga kutub utama, iaitu PH, BN dan juga PN. Perlawanan ini tidak lagi secara tidak rasmi seperti apa yang terjadi pada PRU14, dimana sewaktu itu, PAS yang kini menjadi sebahagian daripada PN adalah gabungan yang berkecuali, dan juga Bersatu wujud didalam PH sebelum mereka keluar daripada nya.



Hasil dengan jelas menunjukkan keluk taburan undian PH berada pada kedudukan "almost one for one" dengan keluk taburan keseluruhan undian; sementara PN atau BN didalam keadaan yang lebih tidak kebersamaan. Walaupun PH tidak mendapat kedudukan majoriti mudah disebabkan pertandingan tiga penjuru, ianya merupakan blok yang terbaik sebagai mewakili suara besar rakyat.

Ini juga terbukti dengan perbandingan purata, median dan juga kecondongan keluk yang dipaparkan didalam jadual dibawah. PH adalah yang paling hampir kepada "keseluruhan pengundi".

Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	1.76	43,328
Undian BN	2.63	25,682
Undian PH	2.03	59,719
Undian PN	2.53	41,446

Persoalan seterusnya, gabungan manakah yang paling baik sebagai mewakili suara terbesar rakyat? Adakah paling baik pergabungan PH dan BN atau PN dan BN, ataupun juga PH dan PN?



Figure 73: Keluk Taburan PRU15 - Gabungan

Kategori	Bentuk keluk	Skala keluk
Undian keseluruhan	1.76	43,328
Undian PH & BN	1.76	50,581
Undian PN & BN	2.28	37,038

Jadual diatas menunjukkan satu fakta yang penting, iaitu pergabungan manakah yang lebih "representative" kepada pengundi dalam PRU tersebut? Jawapan nya ialah gabungan PH dan BN, bukan nya PN dan BN. Undian gabungan kedua nya hampir menepati undian keseluruhan. Ini memberi makna bahawa gabungan kedua ini adalah paling tepat dalam mewakili suara pengundi keseluruhan nya.

Ini diperjelaskan lagi dengan membuat "overlap" terhadap taburan undian seperti berikut:



Pertidindihan antara undian terhadap gabungan kerajaan perpaduan menekapi hampir keseluruhan parlimen-parlimen. Sementara charta dibawah menjelaskan lagi bahawa kerajaan perpaduan tanpa PH adalah lebih lompong, berbanding dengan charta diatas:

Ini juga dibuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan untuk negeri Perak adalah diatas dasar yang sama, seperti charta di bawah:

Dan juga bagi negeri Pahang, walaupun majoriti nya lebih berkurangan berbanding dengan negeri Perak.

6.2 Siapa yang memenangi undi popular?



Figure 74: Pertindihan undian kerajaan perpaduan tanpa PH sebagai tonggak utama



Figure 75: Pertindihan undian Kerajaan Perpaduan Perak



Figure 76: Pertindihan undian Kerajaan Perpaduan Pahang



Figure 77: Undi popular

1. Mengikut bilangan kerusi yang dimenangi, PH + BN = 82 + 30 = 112, sudah cukup membentuk majoriti mudah. PN + BN = 73 + 30 = 103, belum cukup untuk mengatasi angka majoriti mudah. Dari sini barulah dibuat pertambahan, iaitu PH + BN + GPS = 82 + 30 + 23 = 135, iaitu 61% daripada jumlah total kerusi; sementara PN + BN + GPS = 73 + 30 + 23 = 126, iaitu 57% daripada jumlah total kerusi. Permasalahan nya gabungan-gabungan ini tidak dapat mencapai perbezaan jumlah yang tinggi. Sebab itulah tetap akan ada pihak yang tidak berpuas hati dengan kiraan jumlah kerusi semata-mata.
2. Oleh itu, mungkin kaedah yang lain boleh juga diguna pakai, iaitu berdasarkan jumlah undi terkumpul. Gabungan dipimpin oleh PN (PN + BN + GPS + GRS) mendapat jumlah 9,031,482 undi terkumpul, sementara gabungan dipimpin oleh PH (PH + BN + GPS + GRS) mendapat 10,243,935 undi terkumpul. Berdasarkan keseluruhan undi berjumlah 15.5 juta, gabungan pimpinan PH mengatasi 2/3 (67%) jumlah undi terkumpul daripada total undi yang dibuat. Sementara gabungan pimpinan PH pula hanya meraih 58% undi terkumpul daripada jumlah total.
3. Oleh kerana undi dikerusi-kerusi tidaklah mempunyai wajaran yang sama, dalam erti kata "satu orang satu undi", maka kita boleh menghitung jumlah undi terkumpul berdasarkan undi wajaran (weigthed votes). Mengikut kaedah ini gabungan dipimpin oleh PN (PN + BN + GPS + GRS) mendapat jumlah 10,546,292 undi wajaran terkumpul, sementara gabungan dipimpin oleh PH (PH + BN + GPS + GRS) mendapat 12,986,084 undi wajaran terkumpul. Total undi wajaran adalah 19.1 juta. Ini bermakna gabungan pimpinan PH mendapat 68% jumlah undi wajaran terkumpul, sementara gabungan pimpinan PN mendapat 55% jumlah undi wajaran terkumpul.

Didalam ketiga-tiga kaedah yang digunakan, kesemuanya memihak kepada PH sebagai ketua kepada gabungan, berbanding dengan PN. Hujah-hujah ini walaupun mempunyai logik yang berasas, tidak semudah itu diterima oleh kesemua pihak. Walaubagaimana pun, sedikit sebanyak ia nya memberikan gambaran yang lebih saksama.

Oleh sebab itulah akhir nya, untuk memberikan keabsahan yang murni, lebih baik diadakan undi percaya di Parlimen, bagi membuang kekeruhan yang mungkin timbul dikalangan pengundi dan khalayak ramai. Undi percaya adalah proses yang terbuka serta telus kepada mata dunia dan rakyat jelata.

6.3 Rumusan

Hasil daripada analisa memberikan kita jawapan yang meyakinkan bahawa gabungan utama yang paling tinggi keabhsahan nya ialah diantara PH dan BN, kemudian disertai oleh GPS serta parti-parti utama Sabah. Ianya secara nyata menunjukkan lebih daripada 2/3 daripada pengundi akan diwakili (i.e. represented) didalam kerajaan. Keabsahan yang tinggi ini memberikan "moral legitimacy" yang amat-amat diperlukan bagi kerajaan yang ditubuhkan agar ianya dapat berfungsi dengan tanpa ragu serta gangguan yang tidak munasabah daripada pihak yang meungkin tersisih (disenfrachised) dalam pembentukan kerajaan tersebut. Ini disebabkan jumlah mereka diperkecilkan kepada satu angka yang lebih terurus (manageable number), dan ini memungkinkan kerajaan uang tertubuh memberikan fokus kepada isu-isu serta aspek yang utama yang dikehendaki kelompok besar, dan diwaktu yang sama juga memberikan tumpuan khusus kepada aspek-aspek yang mungkin dikehendaki oleh golongan minoriti yang mungkin tersisih.

Diwaktu yang sama juga, pihak yang tidak menjadi sebahagian daripada kerajaan boleh meneruskan peranan mereka sebagai penyemak imbang yang berwibawa, kerana sistem demokrasi tetap utuh dan berjalan dengan baik serta lancar.

7 TITIK INFLEKSI POLITIK NEGARA

Didalam bab terakhir ini saya akan merumuskan keseluruhan perbincangan dan memberikan beberapa pandangan terhadap masa depan politik negara.

Sebagaimana yang saya perrkatakan diawal buku, politik setiap negara akan melalui proses infleksi. Ianya terjadi diatas pelbagai sebab. Antara penyebab nya adalah perubahan inter-generasi yang terjadi dimana generasi lama sudah makin berkurangan di ganti dengan generasi baru. Citarasa serta harapan generasi baru berubah dan berbeza dengan generasi sebelum nya. Di Malaysia, kita mempunyai generasi pasca kemerdekaan, yang kini sudah hampir tiada lagi. Sementara generasi yang membangun bersama UMNO dan Barisan Nasional yang telah mendominasi hampir 40 tahun juga sudah mula berkurangan, diganti dengan generasi berumur 50 tahun kebawah, dimana mereka ini sudah mempunyai pegangan serta pengharapan mereka tersendiri.

Sebagaimana dijelaskan dalam kajian oleh Piketty, didalam buku nya "Political Cleavages and Social Inequalities", perkara sebegini terjadi didalam hampir kesemua demokrasi moden. Anak-anak kepada generasi lama yang mungkin lebih konservatif, beralih arah menjadi lebih liberal, serta sebalik nya anak-anak yang dianggap liberal beralih kepada konservatif. Perputaran sebegini terjadi oleh pelbagai sebab. Tetapi yang jelas nya, terjadi perlihan arah yang jelas, dimana penyebab utama nya adalah wujud nya "kelas-kelas" tertentu. Kelas ini bukanlah semesti nya hanya berpandukan kepada pendapatan, tetapi ianya juga terbahagi disebabkan penempatan dan sebagai nya.

Sebagaimana yang saya jelaskan didalam bab-bab sebelum ini, di Malaysia, kita juga tidak sunyi daripada hakikat yang sama.

7.1 Titik infleksi kearah membentuk sistem politik yang stabil

Negara Malaysia adalah sebuah negara kecil, berbanding dengan negara-negara utama dunia. Kedudukan Malaysia sebagai salah satu ekonomi perdagangan dunia adalah penting bagi memastikan Malaysia sebagai negara yang kompetetif serta berdaya maju. Ini akan mengekalkan atau pun menambah baik kedudukan perdagangan Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan juga Vietnam. Kestabilan politik Malaysia adalah suatu yang terpenting dalam memastikan kedudukan ini terjamin dalam dekad-dekad kedepan.

Kestabilan politik juga penting bagi memungkinkan Malaysia berhadapan dengan beberapa risiko besar dunia, iaitu risiko geopolitik, risiko kemelesetan ekonomi dunia pasca pandemik, serta risiko kesihatan yang masih tinggi. Ini yang dikatakan sebagai poli-krisi, iaitu kepelbagaian krisis yang saling terkait antara satu sama lain. Kestabilan politik akan memberi kesan yang jelas kepada kedudukan matawang Ringgit serta kemasukan pelaburan asing kedalam negara. Diwaktu yang sama, pertumbuhan serta pemacuan ekonomi domestik juga amat bergantung kepada tadbir urus serta perencanaan ekonomi yang konsisten serta teratur, dengan ada nya dasar-dasar yang boleh dilaksanakan dengan berkesinambungan tinggi. Kesemua nya ini adalah resepi "textbook" kepada kemajuan negara.

Persoalan utama nya ialah adakah politik serta masyarakat Malaysia sudah siap untuk mempunyai pertandingan atau pertembungan lebih daripada dua penjuru? Sebagaimana yang saya jelaskan, sistem pertandingan tiga penjuru atau lebih pasti akan menyebabkan pembahagian yang besar (great divide) didalam masyarakat. Sistem demokrasi Westminster, sebagaimana yang dijelaskan oleh Condorcet, tidak mampu berfungsi dengan baik dalam keadaan pemilihan lebih daripada binari. Ini jelas terbukti selepas PRU14 dan ianya menjadi kenyataan hasil pengundian serta kempen dalam PRU15. Adakah situasi sebegini mampan dan baik untuk masa depan negara?

Dalam situasi pasca normal, iaitu pasca pandemik Covid-19, keadaan dunia agak berkecamuk, lantaran kesemua sistem yang ada menjadi tidak seimbang. Sistem kewangan tergugat dengan kadar inflasi yang melonjak mendadak. Kesenjangan rantai bekalan makanan menjadi meruncing, serta keterjaminan makanan menjadi isu utama setiap negara. Dalam masa yang sama, hutang piutang negara membengkak dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab dimerata dunia. Semua nya berdepan dengan apa yang dikatakan sebagai polikrisis yang berpanjangan dan tiada jalan keluar yang mudah.

Adakah dengan membuat gabungan yang baru dalam konsep "khemah besar" boleh menjadi satu realiti di Malaysia? Dimana parti-parti yang membentuk kerajaan perpaduan sekarang bergabung dengan ikatan yang lebih formal dan terikat untuk jangka panjang, seperti mana pernah terjadi penubuhan Barisan Nasional selepas rusuhan 13 Mei 1969. Apa pun nama nya gabungan baru ini tidak menjadi persoalan. Yang penting nya ialah intipati serta "raison d'etre" nya, atau pun "grand narrative" nya mestilah benar serta tepat. Iaitu mewujudkan sistem dwi blok bagi negara, yang boleh bertahan keberapa dekad mendatang.

Diwaktu yang sama penambahbaikan kepada sistem demokrasi mesti diteruskan. Ini termasuk kepada pengubalan serta perubahan kepada undang-undang yang sedia ada. In termasuklah kepada beberapa perkara berikut:

1. Memperkasakan lagi parlimen, supaya sistem semak imbang lebih rencam serta berfungsi. Ini termasuk mengadakan "select committee", program "Public Accounts Committee", dan sebagai nya.
2. Memperkasakan lagi proses pertanggungjawaban demokrasi (democratice accountability).
3. Menetapkan had-had tempoh jawatan, seperti dua terma kepada Perdana Menteri, had terma kepada wakil rakyat.
4. Undang-undang pendanaan politik
5. Menambahbaikan kaedah pengundian dengan memperkenalkan teknologi digital dalam proses pengundian serta membuang undi.
6. Persoalan persempadanan semula kawasan-kawasan pengundian perlu dilaksanakan dengan baik.
7. Peranan institusi yang lain, seperti media, penguatkuasaan pilihanraya, dan sebagai nya.

Sistem dwi blok yang disempurnakan dengan penambahbaikan proses serta institusi demokrasi harus berjalan serentak. Masa nya sudah sampai untuk kita mengambil proses ini dengan tekad, demi kestabilan politik negara untuk sekarang dan masa mendatang.

7.2 Titik peralihan daripada ideologi kepada populis

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan persoalan adakah politik Malaysia hari ini berdasarkan pertembungan diantara ideologi, seperti yang pernah terjadi suatu masa dahulu, iaitu ideologi komunis melawan ideologi nasionalis. Ataupun perlawanan antara ideologi nasionalis dengan pihak yang mahukan negara Islam?

Disini saya ingin membawa sedikit penghujahan terhadap golongan yang membawa idealisma negara Islam. Saya sendiri antara yang awal nya meyakini idealisma terhadap negara Islam dan konsep Islam sebagai cara hidup. Ini merupakan intipati kepada dakwah yang dipopularkan pada tahun 70an dan 80an. Tetapi setelah hampir 40 tahun kemudian, saya bertanya kepada diri sendiri - "what went wrong" dengan ajaran Islam kita di Malaysia? Untuk menilai apa yang salah mudah sahaja - lihat hasil nya. Adakah kita melahirkan insan yang lebih berakhlak mulia? Adakah kita menghasilkan muslim yang lebih berilmu? Atau kita hanya menghasilkan wanita yang lebih ramai bertudung sahaja? Atau kita banyak menghasilkan pusat-pusat tadika Islam bagaikan cendawan? Juga perbankan Islam yang sudah merata? Universiti Islam yang ulung?

Yang nyata, kita mendapati Islam menjadi identiti politik yang cukup kuat dikalangan sebahagian masyarakat. Ianya juga dicampurkan dengan perkauman yang kental. Apa tak kena dengan Islam yang kita bawa? Secara insaf, saya mengakui bahawa Islam yang dibawa adalah Islam Haraki. Iaitu Islam sebagai "pergerakan" yang bermatlamatkan "kekuasaan politik". Konsep "Jamaah Haraki" juga menjadi punca permasalahan. Ia juga dipanggil dengan "Hizb". Konsep nya bersifat revolusi. Ini disertakan dengan konsep "wala"' iaitu ketaatan tanpa belah bagi kepada Jamaah dan kumpulan, serta kepimpinan. Akhir nya, kita mendapat masyarakat yang menerima apa saja asalkan "Melayu dan Islam" berkuasa sebagai naratif. Tata kelola negara dan juga ekonomi tidak mengapa asalkan Islam yang menjadi tunggak kuasa. Kalau sudah dapat membaca sepotong ayat atau doa, sudah memberi gambaran bahawa seorang itu sudah menjadi Alim. Orang bukan Islam mesti tunduk kepada orang Islam secara pukal. Hanya ada satu saja cara, ikut cara Islam sahaja yang boleh diterima pakai. Islam yang dimaksudkan itu adalah orang dari golongan mereka.

Yang dikatakan pergerakan politik Islam pada hari ini hanyalah lebih kepada identiti dan bukan nya kepada ideologi Islam itu sendiri. Negara Islam hanya ada pada nama dan slogan, tanpa ada isi nya yang jelas. Yang ada hanyalah politik populis atas nama apa saja. Samada nama nya pemerintahan Melayu-Islam, ataupun

Islam-Melayu. Lihat sajalah slogan-slogan dalam PRU15 kelmarin: “Bersih dan Stabil”, “Kestabilan dan kemakmuran”, “Malaysia boleh”, “Kos sara hidup”. Semuanya mirip kepada populis dan tidak berasaskan ideologi. “No DAP” dan pelbagai tohmahan terhadap “liberal” hanyalah merupakan taktik kempen, tanpa ada asas yang jelas. Masalah perkauman berbaur dengan masalah kesenjangan kehidupan masyarakat.

Bagi saya sudah jelas bahawa masa depan politik Malaysia adalah bersifat populis, iaitu kearah mendapatkan undi yang memenuhi keinginan rakyat ramai. Populis kepada kedaerahan dan juga populis kepada perpuakan. Populis disertai dengan kebolehpindahan undi (vote transferability) yang tinggi. Undi akan menjadi lebih mencair (fluidity), yang mana ianya mudah berubah mengikut musim dan tiada ikatan yang berpanjangan. Dimusim ini, mungkin satu pihak lebih diminati, tetapi ia boleh berubah dengan mudah apabila musim mendatang ada pihak yang dapat membawa perkara yang lebih diminati ramai.

Masalah nya dalam keadaan sebegini, sistem pemilihan politik berdasarkan populis selalu nya mengarah kepada “welfare state”. “Welfare” adalah jalan mudah untuk menjadi popular. Dasar-dasar serta tindakan fiskal yang mendadak dan menekan rakyat akan menjadi tidak popular dan menyebabkan kerajaan yang ada akan ditolak pada musim pilihanraya akan datang. Ini terjadi kepada Donald Trump, sebagai contoh. Demikian juga terjadi perubahan-perubahan di United Kingdom, dimana isu seperti Brexit menjadi persoalan yang besar.

Pemilihan berdasarkan populis juga boleh membawa padah kepada kewangan negara. Ini adalah disebabkan kesenjangan diantara gologan yang terkeatas, tidak mahu pendapatan mereka terancam, seperti pertambahan cukai pendapatan, sedangkan golongan yang bawah perlu kepada bantuan untuk menyara hidup mereka. Malaysia, semenjak tahun 2008, selepas krisis kewangan dunia melanda, sudahpun bergerak kearah “welfare state”. Memperkenalkan cukai GST tidak popular, sedangkan ianya adalah jalan untuk menampung kelowongan fiskal negara yang sudah menjadi kritikal.

7.3 Titik peralihan ke masa depan

1. Berasaskan teknologi tinggi
2. Pendapatan tinggi dengan kesenjangan rendah
3. Keluar daripada “welfare state”
4. Keterjaminan makanan dan pemuliharaan alam sekitar
5. Mempertingkatkan hilirisasi

7.4 Titik persiapan masa depan

Besifat resilience dalam aspek:

1. Geo-ekonomi
2. Geo-politik
3. Poli-krisis
4. Malaysia tetap menjadi “trading nation”

7.5 Identiti kenegaraan

1. Peranan bahasa Melayu
2. Peranan pendidikan
3. Kesenjangan kedaerahan
4. Kesenjangan antara kaum dan agama